

**Bil. 16**

**Rabu  
16 Ogos 1995**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENGKAL PERTAMA  
MESYUARAT KEDUA**

# KANDUNGAN

<b>JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN</b>	(Ruangan 1)
<b>USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DIBAWAH PERATURAN MESYUARAT 18:</b> Keadaan Layanan Buruk Terhadap Pekerja Asing Di Kem Tahanan Imigresen - Y.B. Tuan Lim Kit Siang	(Ruangan 18)
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Ruangan 20)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Perbadanan Putrajaya 1995	(Ruangan 20)
Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan)(Pindaan) 1995	(Ruangan 21)
Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana 1995	(Ruangan 22)
<b>USUL:</b>	
Penangguhan Mesyuarat	(Ruangan 60)
<b>UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:</b>	
(i) Krisis Kekurangan Simen - Y.B. Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)	(Ruangan 60)
(ii) Cadangan Jejambat untuk Mengatasi Kesesakan Lalulintas Bandar Bukit Mertajam - Y.B. Dr. Tan Chong Keng	(Ruangan 63)

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

" Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

" Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Bruas).

" Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

" Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

" Menteri Pertanian, DATUK AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

" Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

" Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

" Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai).

" Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

" Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).

- Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- " Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).
- " Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- " Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).
- " Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA, S.I.M.P. (Peringat).
- " Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- " Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- " Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- " Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- " Menteri Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- " Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- " Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- " Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- " Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- " Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- " Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- ” Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- ” Timbalan Menteri Luar Negeri, DR. LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- ” Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DR. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- ” Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- ” Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- ” Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- ” Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah)
- ” Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- ” Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR. FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- ” Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- ” Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- ” Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR. IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).
- ” Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.A.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- ” Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO’ S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- ” Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR. GOH CHENG TEIK, (Nibong Tebal).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- ” Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB @ ZAINABON BINTI ABU BAKAR, (Tebrau).
- ” Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH, (Besut).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO’ M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO’ MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG, (Padawan).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO’ HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO’ HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN AZMI BIN KHALID (Padang Besar).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Kewangan, DR. SHAFIE BIN MOHD. SALLEH (Kuala Langat).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN (Tenggara).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, DATO’ ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., B.C.K., P.J.K., K.M.N. (Langkawi).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO, (Bandar Tun Razak).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI AFDAL, P.G.D.K. (Semporna).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- " TUAN ABDOL MULOK BIN HAJI AWANG DAMIT (Labuan).
- " TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- " TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, S.S.M. (Jasin).
- " TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- " TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- " TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN (Parit Buntar).
- " DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- " DATO' HAJI ABU DAHARI BIN OSMAN (Lipis).
- " DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF (Alor Gajah).
- " TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG (Kuala Pilah).
- " TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA (Jerantut).
- " TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).
- " TUAN HAJI AHMAD RAHIN BIN MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- " DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI (Bagan Datok).
- " PUAN AINON KHAIRIYAH BINTI MOHD. ABAS (Parit).
- " TUAN AKHBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
- " DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- " TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Yan).
- " TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ (Hulu Langat).
- " TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- " TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- " TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timor).
- " CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- " TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).
- " TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).
- " DATUK JOSEPH CHONG CHEK AH (Batu).
- " PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).
- " TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- " TUAN FU AH KIOW (Mentakab).
- " TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).
- " DATUK HANAFI BIN RAMLI (Jerlun).

- Yang Berhormat TUAN HASHIM BIN ISMAIL (Ledang).
- " TUAN HENRYNUS AMIN (Kinabalu).
- " TUAN HEW SEE TONG (Kampar).
- " TUAN HO CHEONG SING (Ipoh Barat).
- " DATO' HON CHOON KIM (Seremban).
- " TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).
- " TUAN HAJI HUSNI BIN HANADZLAH (Tambun).
- " TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- " TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- " PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO' HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- " TUAN JACOB DUNGAU SAGAN (Baram).
- " DATO' DR. HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI MOHD. JARJIS, D.I.M.P. (Rompin).
- " TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- " TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- " TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- " TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- " DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- " DATO' DR. KAMAL BIN SALLEH (Wangsa Maju).
- " TUAN KAMARUDIN BIN AHMAD (Arau).
- " TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- " DR. L. KRISHNAN (Telok Kemang).
- " TUAN LAU NGAN SIEW (Sandakan).
- " DR. G. LEELAVATHI (Kapar).
- " TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- " TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- " TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- " TUAN VINCENT LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
- " PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- " TUAN LIM SI CHENG (Senai).
- " TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).
- " TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- " TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).



Yang Berhormat DR. MAXIMUS JOHNITY ONGKILI (Bandau).

- " TUAN MD ISA BIN SABU (Kangar).
- " TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- " TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).
- " TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).
- " TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- " TUAN HAJI NIK MOHD AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).
- " DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- " TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).
- " TUAN HAJI MUSTAFA BIN MUDA (Hulu Terengganu).
- " TUAN NOH BIN OMAR (Tanjong Karang).
- " DR. NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
- " DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Beaufort).
- " TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- " TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- " DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- " TUAN PAUL NOUTIN (Penampang).
- " TUAN PHILIP YONG CHEW LIP (Gaya).
- " DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- " TUAN RADIN MALLEH (Tenom).
- " DR. RAMLI BIN TAIB (Kemaman).
- " TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- " TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- " PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- " TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- " TUAN SALAMON BIN SELAMAT (Shah Alam).
- " DATUK SALLEH BIN TUN SAID (Kota Belud).
- " DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- " PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
- " DATUK S'NG CHEE HUA (Julau).
- " DATUK SONG SWEE GUAN (Bandar Kuching).
- " PUAN SUKINAM DOMO (Batang Sadong).

Yang Berhormat DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Machang).

- " DR. TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- " DR. TAN KEE KWONG (Segambut).
- " TUAN TAN KOK WAI (Cheras).
- " DR. TAN SENG GIAW (Kepong).
- " DR. TAN YEE KEW (Kelang).
- " TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- " TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN (Gelang Patah).
- " WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Pokok Sena).
- " WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- " TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- " DR. LEE CHONG MENG (Bukit Bintang).
- " TUAN WONG KAM HOONG (Bayan Baru).
- " DATO' YAP PIAN HON (Serdang).
- " DR. YAP YIT THONG (Lumut).
- " DR. YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- " TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- " TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).
- " TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- " DR. HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB (Sipitang).
- " TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- " TUAN ZAINUDDIN BIN MOHAMAD NOR (Pasir Mas).
- " DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID (Kuala Kedah).

---

**DEWAN RAKYAT**

## PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

- Setiausaha Dewan Rakyat* : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali,  
D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
- Ketua Penolong Setiausaha* : Said bin Sidik.
- Pmk. Ketua Penolong  
Setiausaha* : Abdullah bin Abdul Wahab.
- Penolong Setiausaha Kanan* : Zamani bin Haji Sulaiman.

## CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

- Pegawai Penerbitan* : Azhari bin Hamzah.
- Ketua Pelapor  
Perbincangan Parlimen* : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.  
Haji Suhor bin Husin
- Pelapor Perbincangan Parlimen* : Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.  
Hajah Supiah binti Dewak.  
Ismail bin Haji Hassan.  
Hajah Kalsom binti Ghazali.  
Mohamed bin Osman.  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani.  
Zaharah binti Naim.  
Norwahidah binti Azizi.  
Rozita binti Abd. Samad.  
Jainah binti Sakimin.  
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.
- Bentara mesyuarat* : Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul  
Mutalib



MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 16hb Ogos, 1995

Mesyuarat dimulakan pada pukul  
2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

---

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

**PERKHIDMATAN NEGARA  
(NATIONAL SERVICE) MELALUI  
PROGRAM KETATANEGARAAN**

**1. Tuan Salamon bin Selamat** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan sama ada kerajaan bercadang untuk memperkenalkan program ketatanegaraan dalam bentuk perkhidmatan negara (national service) yang diwajibkan kepada golongan belia di negara ini sebagai salah satu usaha tambahan untuk melahirkan generasi muda yang berdisiplin.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan (Dato' Loke Yuen Yow):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan tidak bercadang untuk memperkenalkan program ketatanegaraan dalam bentuk perkhidmatan negara sebagai program khusus yang diwajibkan kepada golongan belia. Kementerian ini mendapati bahawa rata-rata generasi muda tidak berapa berminat untuk menyertai pasukan

beruniform ala tentera yang berdisiplin ketat. Ini diperlihatkan daripada penyertaan remaja, terutamanya remaja ibu kota dalam pasukan sukarela di mana di dapati kebanyakan yang menyertai adalah guru-guru dan kakitangan-kakitangan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kumpulan sasaran utama kementerian untuk program pembangunan belia adalah belia berumur 15 tahun hingga 25 tahun, cita rasa mereka adalah berlainan dan ini terbukti daripada permohonan pendaftaran untuk menyertai berbagai gaya hidup yang dianjurkan di bawah Program Rakan Muda. Dari segi pilihan, Rakan Rekreasi adalah yang paling popular dengan sebanyak 196,579 permohonan daripada sejumlah 1 juta lebih, diikuti Rakan Waja Diri iaitu 187,000, Rakan Cinta Alam 170,000, Rakan Sukan 144,000 dan Rakan Seni Budaya 88,000. Yang rendah sekali bilangan permohonannya ialah Briged Rakan Muda iaitu 47,000 permohonan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, pada amnya Program Rakan Muda mengambil kira aspek ketatanegaraan, pembentukan disiplin, kemahiran keusahawanan dan pembinaan potensi diri. Melalui program sukarela ini nilai-nilai ketatanegaraan akan diserapkan melalui cara tidak langsung. Dalam Program Rakan Muda, Briged Rakan Muda memberikan penekanan khusus kepada kegiatan separa ketenteraan dan mempunyai komponen peningkatan kualiti kepimpinan, ketatanegaraan, disiplin dan juga latihan bersifat bina semangat yang menguji ketahanan fizikal dan mental.

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan masalah belia

sekarang begitu hangat diperkatakan dan ramai belia-belia ini bekerja di kilang-kilang, adakah kerajaan bercadang untuk membuat satu peraturan bagi mengadakan ataupun mengenakan syarat kepada kilang-kilang ini mengadakan seorang guru agama ataupun kaunselor bagi sesebuah kilang yang mempunyai pekerja-pekerja belia ini lebih daripada 500 orang. Sekurang-kurangnya bila ada guru agama dan kaunselor ini dapat mengatasi masalah belia pada hari ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat itu tidak bersangkut langsung dengan soalan asal.

**Datuk Hanafi bin Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Timbalan Menteri memberi penjelasan adakah kementerian berhasrat hendak meningkatkan lagi kursus Bina Semangat di kalangan belia-belia selain daripada Program Rakan Muda yang dijelaskan tadi?

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya terangkan tadi Program Rakan Muda ini adalah satu program yang begitu berfaedah kepada golongan belia. Saya telah mengatakan bahawa beberapa latihan dan program telah diatur oleh kementerian saya yang mana latihan itu bersifat bina semangat untuk golongan belia. Apa-apa cadangan yang kita dapat terima, apa-apa program baru yang dapat kita laksanakan untuk meningkatkan usaha bina semangat kepada golongan belia, kita akan aturkan.

#### **BIRO PENGADUAN AWAM— KEBERKESANAN**

2. **Dato' Yap Pian Hon** minta Perdana Menteri menyatakan keefektifan dan kejayaan Biro Pengaduan Awam sejak ditubuhkan berkenaan dengan:

(a) berapakah peratusan aduan-aduan yang diterima itu

mendapat penjelasan daripada pihak diadu bagi agensi kerajaan dan swasta; dan

(b) adakah pihak diadu itu terutamanya agensi-agensi kerajaan mengambil langkah apabila didapati aduan itu berpunca dari kelemahan pengurusan, kecuaiian atau sikap kakitangan.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Haji Mohamad bin Abdullah):** Tuan Yang di-Pertua,

(a) Menurut rekod-rekod Biro Pengaduan Awam (BPA), kadar penyelesaian yang dicapai dalam sesuatu tahun adalah dalam lingkungan 50% hingga 60% daripada jumlah aduan yang diterima dalam sesuatu tahun. Untuk makluman, kadar penyelesaian bagi tahun 1994 ialah 44% terhadap pentadbiran Jabatan-jabatan Persekutuan dan 54% terhadap pentadbiran Kerajaan-kerajaan Negeri. Aduan terhadap pihak swasta tidak dikendalikan oleh Biro Pengaduan Awam.

(b) Agensi-agensi kerajaan memang mengambil tindakan terhadap aduan-aduan yang didapati berpunca dari kelemahan pengurusan, kecuaiian atau sikap kakitangan. Langkah pertama ialah memulihkan perkhidmatan yang cacat iaitu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pengadu; kedua, ialah menentukan sama ada masalah yang diadukan adalah kelemahan sistem pengurusan atau kecuaiian atau salah tadbir oleh pegawai atau kakitangan. Sekiranya didapati sistem pengurusan adalah lemah, Unit Permodenan Tadbiran Malaysia

(MAMPU) di minta mengkaji sistem dengan tujuan meningkatkan keupayaan, kekesan dan kecekapan sistem. Sekiranya didapati kecuaiian atau salah tadbir, pegawai yang bertanggungjawab dikenal pasti dan tindakan tatatertib akan diambil terhadapnya.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, mohon soalan tambahan. Daripada jumlah yang telah diselesaikan oleh pihak BPA setakat hari ini pada tahun 1994, umpamanya, berapakah bilangan pegawai yang telah diambil tindakan tatatertib, dibuang kerja dan sebagainya?

**Dato' Haji Mohamad bin Abdullah:** Yuan Yang di-Pertua, daripada aduan-aduan yang dibuat, pihak Biro Pengaduan Awam telah mengambil tindakan tatatertib terhadap seramai 7 orang. Beberapa proses lagi akan dijalankan bagi dikenakan tindakan tatatertib kepada pegawai-pegawai yang terlibat.

**SURATAN HAKMILIK  
KEPADA PENEROKA  
FELDA—MEMPERCEPATKAN  
PENGELUARAN**

**3. Tuan Yunus bin Rahmat** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan perkara-perkara seperti berikut:

- (a) apakah langkah dan strategi yang akan dilaksanakan oleh kementeriannya untuk mempercepatkan pengeluaran Surat Hak Milik kepada peneroka-peneroka yang telah menjelaskan hutang dengan pihak FELDA; dan
- (b) adakah cadangan pihak kementeriannya melalui FELDA memberikan peluang

kepada keluarga peneroka yang sedia ada untuk mengisi kekosongan-kekosongan rumah dan tanah yang telah dikosongkan oleh peneroka yang terdahulu agar objektif penempatan peneroka di tanah-tanah rancangan FELDA tercapai sepenuhnya.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi (Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sehingga bulan Jun 1995, seramai 31,659 peneroka telah menjelaskan bayaran kembali. Dari jumlah tersebut seramai 25,951 peneroka telah menerima surat hak milik manakala 5,708 orang dijangka menerimanya menjelang penghujung tahun ini. Walau bagaimanapun, urusan pengeluaran Surat Hak Milik kepada peneroka adalah dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri. Pihak kementerian menyelaraskan permohonan Surat Hak Milik ini antara FELDA dengan Kerajaan Negeri. Langkah-langkah untuk menyegerakan pengeluaran Surat Hak Milik sedang diambil. Di antara langkah-langkahnya ialah:

- (i) mengadakan mesyuarat penyelarasan di antara FELDA dengan Kerajaan Negeri.
- (ii) mewujudkan taskforce untuk menyelaraskan kerja di antara Pejabat Tanah Daerah untuk menjalankan kerja-kerja pengeluaran Surat Hak Milik.
- (iii) FELDA membantu menyediakan Surat Hak Milik sementara atau Qualified Title, dengan

izin, bagi rancangan-rancangan yang dipersetujui oleh Kerajaan Negeri supaya dikeluarkan Suratan Hak Milik sementara.

- (iv) membantu Jabatan Ukur Negeri menyediakan Draf Plan Gazet Seksyen 5 dan 6 Akta Tanah Kawasan Penempatan Berkelompok 1960 untuk rancangan-rancangan yang masih belum digazet bagi membolehkan hak milik peneroka dikeluarkan.

Tuan Yang di-Pertua,

- (b) Matlamat utama penempatan peneroka adalah bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup mereka melalui hasil kebun yang tinggi. Oleh itu kementerian tidak bercadang mengisi lot-lot yang dikosongkan peneroka terdahulu dengan peneroka baharu kerana kebanyakan lot-lot berkenaan tidak lagi ekonomik. Walau bagaimanapun, pada masa sekarang, kementerian sedang mengkaji cadangan untuk menawarkan lot-lot yang ekonomik kepada sesiapa sahaja yang difikirkan layak termasuk anak-anak peneroka dan pekerja-pekerja ladang FELDA.

- **Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah terjadi kepada rancangan FELDA selepas hak milik telah diberi kepada peneroka-peneroka, sama ada FELDA akan terus memainkan peranan sebagai pengurus kepada rancangan-rancangan tersebut.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dengar soalan yang awal tadi.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, apakah akan terjadi kepada rancangan-rancangan FELDA selepas peneroka-peneroka telah diberi hak milik masing-masing dan sama ada FELDA akan terus memainkan peranan sebagai pengurus kepada rancangan tersebut.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, FELDA akan terus memainkan peranan untuk membantu peneroka-peneroka tetapi dengan cara yang berbeza. Walau bagaimanapun, sebahagian besar daripada anggota ataupun peneroka-peneroka FELDA masih berminat mendapat bantuan daripada FELDA dan FELDA akan berterusan memberi bantuan dan sokongan sepertimana yang dilakukan sebelum ini untuk menentukan bahawa peneroka-peneroka yang masih mahu menguruskan urusan ladang diberi bantuan yang sebaik mungkin.

**Tuan Haji Mustafa bin Muda:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, dua soalan tambahan. Yang pertama, tentang pemberian hak milik setelah peneroka membayar hutang dan kalau terdapat sekiranya berlaku kematian peneroka ataupun penceraian, jadi bagaimanakah kementerian sama ada kuasa Kerajaan Negeri ataupun kementerian melalui FELDA menentukan kepada siapa yang berhak.

Soalan tambahan yang kedua ialah berkaitan dengan penempatan peneroka bila berlaku kekosongan. Jadi, kita dapati banyak kekosongan yang berlaku tidak semestinya daripada waris-waris peneroka, ini banyak berlaku bahkan kadang-kala orang asing yang luar daripada waris peneroka, anak peneroka dan sebagainya dapat masuk mengisi kekosongan itu.



**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, apakah soalan yang kedua itu, saya tidak berapa jelas.

**Tuan Haji Mustafa bin Muda:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua, kekosongan yang berlaku tetapi di sini ada dicadangkan supaya waris peneroka mendapat hak.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan yang pertama, semenjak mula FELDA ditubuhkan sehingga Jun 1995 berjumlah 5,743 peneroka asal telah kembali kerahmatullah dan kesemuanya ini daripada 5,743, sejumlah 5,609 orang dikurniakan balik kepada isteri masing-masing. Dan bakinya sebanyak 134 orang diberikan kepada anak peneroka waris yang dipertanggungjawabkan untuk mengambil alih. Dari segi dasarnya memang matlamat FELDA untuk memberi balik kepada waris yang berhak untuk menerima sekiranya ada kematian kita beri biasanya kepada isterilah, dan kalau dia ada lebih dari seorang isteri, itu kita kena kaji betul-betul, tetapi biasanya kita beri kepada isteri yang pertama yang biasa berkongsi rancangan peneroka bersama suaminya.

Berkenaan dengan kekosongan, pada masa kini wujud 2,400 lot yang masih kosong dan daripada 2,400 lot ini bukan semuanya ekonomik, sebahagiannya tidak ekonomik dan yang tidak ekonomik itu tidak dicadangkan untuk diisikan dengan peneroka. Di mana kawasan-kawasan yang ekonomik, saya telah jelaskan tadi hanya akan diberi kepada sesiapa sahaja yang difikirkan layak termasuk anak-anak peneroka, termasuk pekerja-pekerja ladang FELDA, termasuk bekas polis, bekas tentera, bekas Ahli Parlimen dan sebagainya.

## INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SWASTA—JUMLAH/INSENTIF

**4. Tuan Robert Lau Hoi Chew** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) jumlah institusi pengajian tinggi swasta di Malaysia di setiap negeri;
- (b) sama ada kerajaan akan mempertimbang untuk memberi insentif khas bagi menggalak sektor swasta untuk mendirikan institusi pengajian tinggi swasta; kalau ya, dalam bentuk apa;
- (c) jumlah pelajar-pelajar di seluruh negara kita yang belajar di;
  - (i) Universiti-universiti kerajaan;
  - (ii) Institut-institut Teknologi;
  - (iii) Kolej TAR;
  - (iv) Institusi pengajian tinggi swasta; dan
- (d) sama ada kerajaan dapat mempertimbang untuk memberi biasiswa kepada pelajar-pelajar yang layak yang belajar di institusi-institusi pengajian tinggi swasta.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Datuk Dr. Fong Chan Onn):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang diluluskan penubuhannya sehingga Disember 1994 ialah 227 buah.
- (b) Kerajaan telah pun menyediakan insentif-insentif tertentu kepada pengajar di IPTS. Antara insentif yang sudah wujud ialah pengecualian cukai yang diberikan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1984.

- (c) Jumlah pelajar di seluruh negara pada sesi 1994/1995 bagi institut-institut pengajian tinggi di seluruh negara ialah:
- (i) Universiti-universiti tempatan—87,331
  - (ii) Institut Teknologi Mara—36,853
  - (iii) Institut Pengajian Tinggi Swasta—41,957
- (d) Pelajar-pelajar di Institut Pengajian Tinggi Swasta boleh dapat pinjaman dari bank-bank dan biasiswa-biasiswa yang ditawarkan oleh pihak swasta. Kerajaan juga pernah menghantar pelajar-pelajar tajaan Kerajaan ke IPTS tersebut.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah kementerian mengawal pelajar-pelajar dari negara asing yang datang menuntut pelajaran di negara kita ini iaitu di institut pengajian tinggi swasta ini. Kerana kita agak bimbang juga jika terlalu ramai yang masuk mungkin mereka ini juga membawa gejala-gejala yang tidak senonoh ke dalam sekolah-sekolah ini.

Keduanya, adakah kerajaan juga mengawal mutu pelajaran di institut pengajian tinggi swasta ini kerana ada juga rungutan-rungutan daripada pelajar-pelajar ini bahawa kadang-kadang tahap mutu pendidikan itu tidak seberapa seperti iklan yang mereka iklankan untuk menarik pelajar-pelajar memasuki institut pengajian tinggi swasta ini.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum Kementerian Pendidikan membolehkan pelajar-pelajar memasuki kolej-kolej swasta dari negara asing kita tentukan pelajar-pelajar tersebut merupakan pelajar-pelajar sebenarnya dan mereka akan mengikuti pelajaran mereka 'full time'. Tentang kawalannya, kita serahkan tanggungjawab itu kepada kolej-kolej swasta dan kita harap kalau kolej-kolej swasta dapati ada pelajar-pelajar tertentu yang tidak mengikuti pelajaran mereka, mereka akan membuat cadangan supaya diberhentikan kursus atau lain-lain.

Jadi Kementerian Pendidikan dari segi pengawalan kita akan menjadi 'supervisor' untuk kolej-kolej swasta tersebut supaya mereka mengikut syarat-syarat yang kita tetapkan iaitu tentukan semua pelajar-pelajar yang mereka izinkan mengikuti kursus itu mengikut pelajaran mereka sepenuh masa. Kedua, tentang mutu pendidikan yang ditawarkan oleh IPTS ini, seperti saya terangkan tadi, memang Kementerian Pendidikan akan selalunya menentukan kolej-kolej tersebut mengikut syarat-syarat yang kita tetapkan. Kalau kita dapat laporan dari pihak-pihak awam, khususnya dari pihak ibu bapa tentang penyelewengan atau tentang aspek-aspek yang mereka tidak puas hati, kita akan siasat dan ambil tindakan kalau didapati kedudukan tersebut adalah benar.

Dari segi ini juga kita hanya galakan dan mengizinkan IPTS itu mengadakan program-program kembar (twinning programme) dengan universiti-universiti di mana taraf pendidikan itu adalah sebenarnya diiktiraf sebagai ada 'standard' antarabangsa.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan mengawal yuran pelajaran di institut-institut pengajian tinggi di negara kita dan bolehkah

kerajaan menimbangkan dengan teliti tentang pelajar-pelajar kita yang sekarang masih belajar di Negeri China kerana ada banyak masalah di sana kerana saya menerima aduan bahawa mereka dikeluarkan dari Negeri China oleh Kerajaan Negeri China.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, tentang yuran yang dikenakan oleh IPTS ini, sebelum kolej-kolej swasta itu boleh naikkan yuran-yuran mereka, mereka haruslah mendapat izin dari Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pendidikan hanya mengizinkan kenaikan kalau kita dapati kenaikan itu adalah wajar. Dari segi keseluruhannya, kita tentukan bahawa yuran-yuran yang dikenakan adalah 'affordable' dan kita juga berharap dengan adanya persaingan atau adanya 'competition' di antara institut-institut tersebut, kita harap itu juga boleh menentukan bahawa semua yuran yang dikenakan merupakan 'value for money' untuk pelajar-pelajar tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, tentang soalan kedua, saya rasa itu terkeluar daripada soalan asal.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, itu terkeluar Yang Berhormat.

#### PROJEK LAPANGAN TERBANG KUALA LUMPUR— PROSES PEMBINAAN

5. **Tuan Tan Kok Wai** minta Menteri Kewangan menyatakan kemajuan kerja-kerja pembangunan projek Lapangan Terbang Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang. Bagaimanakah pengagihan kerja-kerja projek tersebut mengikut syarikat-syarikat luar negeri dan syarikat tempatan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Dr. Shafie bin Mohd. Salleh):** Tuan Yang di-Pertua, kerja-kerja rekabentuk dan kerja-kerja pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa di Sepang yang telah

dilaksanakan setakat ini adalah memuaskan dan mengikut jadual-jadual yang ditetapkan. Kemajuan kerja-kerja tanah yang dibahagikan kepada enam pakej telah mencapai 86% mengikut jadual. Daripada 62 pakej kerja pembinaan untuk pembangunan KLIA, 27 pakej telah ditawarkan dan sedang dilaksanakan, 5 dalam peringkat penilaian manakala 7 lagi sedang ditender. Tender bagi 23 pakej lagi dijangka akan dipanggil sebelum penghujung tahun 1995.

Mengenai pengagihan kerja-kerja dan projek ini, keutamaan akan diberikan kepada syarikat-syarikat tempatan, juru perunding, pembekal dan kontraktor-kontraktor tempatan akan digunakan sepenuhnya. Juru perunding, pembekal dan kontraktor asing hanya digunakan di mana kepakaran tempatan tidak diperolehi. Namun demikian, firma-firma asing yang ditawarkan kerja dikenakan syarat mengambil rakan kongsi tempatan. Secara amnya penempatan syarikat luar negeri adalah dihadkan kepada penyertaan, pegangan ekuiti tidak melebihi 30%.

**Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada beberapa pakej kerja yang telah pun diterangkan tadi sehingga minggu pertama bulan Ogos, 1995 berapakah kontraktor yang telah diberi kerja untuk menyiapkan KLIA?

Kedua, berapakah 100% kontraktor bumiputera yang mendapat kontrak ini?

**Dr. Shafie bin Mohd. Saleh:** Daripada pakej-pakej kerja tadi seperti yang telah diterangkan, 20 diberi kerja iaitu 'awarded', 12 kerja-kerja dokumentasi, 14 diberi tender, 2 peringkat rekebentuk (design) dan 1 lagi peringkat penilaian (Valuation).

Soalan kedua, mengenai kontraktor 100% bumiputera yang mendapat kontrak ini, setakat ini adalah seramai 6 kontraktor bumiputera.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah saya bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tentang nilai tender-tender yang telah diberikan, kalau tidak silap saya dengar tender-tender ini adalah secara terbuka. Apakah nilainya? Macam manakah penjimatan sebanyak RM1 bilion boleh dibuat daripada tender yang telah diberikan seperti yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kerja Raya baru-baru ini, kerana saya tidak tahu macam mana dengan open tender kita boleh menjimatkan RM 1 bilion.

Kedua, tentang syarikat-syarikat luar negeri dan syarikat tempatan, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu sama ada syarikat-syarikat daripada Korea telah mendapat tender atau menjadi juru perunding kontrak ini memandangkan bahawa terdapat banyak bencana-bencana di Korea Selatan dan juga baru-baru ini satu rumah pangsa yang dibina oleh sebuah syarikat Korea Selatan saya rasa diumumkan tidak selamat dan memandangkan keadaan demikian bolehkah jaminan diberikan bahawa Lapangan Terbang KLIA juga tidak akan menghadapi akibat yang sama?

**Dr. Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, costing kesemua projek ini pada fasa pertama ialah sebanyak RM8 atau RM9 bilion, dan RM1 billion seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi adalah merupakan daripada belanjawan Kerajaan Pusat dan selain daripada itu, daripada pinjaman EPF nanti dan institusi kewangan tempatan dan pinjaman luar.

Mengenai kontraktor-kontraktor dari Korea saya mempunyai jadual di sini, tetapi ia mengatakan cuma 'local'

dan 'foreign' sahaja, di mana "runaway" misalnya, daripada local adalah 70% dan foreign 30% dan "cross"—local 80% dan foreign 20% dan di sini tidak menyebut sama ada Korea atau pun Jepun, walau bagaimanapun saya akan memberi jawapan secara bertulis.

#### **PANGKALAN TLDM— PEMBINAAN DI TELOK SEPANGAR, SABAH**

**6. Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) adakah pembinaan pangkalan TLDM di Telok Sepangar di Sabah akan mencetuskan pembangunan di kawasan persekitaran;
- (b) sejauh manakah proses pengambilan tanah dijalankan bagi tapak pembinaan pangkalan tersebut; dan
- (c) apakah kekuatan tentera laut di pangkalan itu dan apabila siap kelak, adakah TLDM akan memberi perhatian utama terhadap usaha membendung ancaman lanun dan kemasukan pendatang asing yang merupakan masalah serius di Sabah.

**Menteri Pertahanan (Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar):** Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Buat masa ini, kerajaan tidak bercadang untuk membina satu pangkalan utama di Telok Sepangar tetapi kita bertujuan untuk membina satu pangkalan hadapan di tempat tersebut dan adalah dijangkakan jika pangkalan TLDM di Telok

Sepangar ini dibina, ia akan turut membawa manfaat kepada pembangunan di kawasan persekitarannya. Kita menganggap bahawa dengan rancangan membina pangkalan ini, ia akan memberikan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan, peluang-peluang perniagaan dan pekan kecil mungkin akan wujud dan infrastruktur juga di tempat itu akan dipertingkatkan.

- (b) Proses pengambilan balik tanah bagi tapak projek ini telah pun kita lakukan dan sudah hampir selesai.
- (c) Di dalam perancangan TLDM, pangkalan di Telok Sepangar akan dijadikan, sebagaimana yang saya katakan tadi, pangkalan hadapan. Apabila pangkalan ini siap didirikan, ianya akan meningkatkan lagi keupayaan TLDM di dalam menjalani peranannya termasuk usaha-usaha membendung ancaman lanun dan kemasukan pendatang asing.

**Dr. Yap Yit Thong:** Tuan Yang di-Pertua, apakah rationale pembinaan pangkalan TLDM di Telok Sepangar dan apakah kekuatan tentera laut di TLDM Telok Sepangar dibandingkan dengan TLDM Lumut?

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, bila kita membuat sesuatu keputusan untuk membina sesuatu pangkalan, ia berasaskan kepada lokasi dan strategik dari segi perairannya dan pendekatan kita untuk mempertahankan kedaulatan negara sama ada daripada ancaman ketenteraan ataupun

ancaman pendatang asing ataupun dari segi ancaman pencemaran alam sekitar.

Jadi, kita menganggap bahawa di Telok Sepangar, ia adalah satu kawasan yang strategik tetapi oleh kerana kita telah pun mempunyai pangkalan utama di Labuan, tidak perlu untuk kita mengadakan satu pangkalan utama di Telok Sepangar.

Jadi, kalau hendak dibandingkan Lumut dengan Telok Sepangar, Lumut adalah pangkalan utama. Jadi, Telok Sepangar ini kita merancangkan sebagai pangkalan hadapan atau forward base, dengan izin.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertama, saya ingin tahu tentang jumlah kewangan yang dibelanjakan oleh Kerajaan Pusat untuk membiayai pengambilan tanah supaya dapat membina pangkalan ini?

Soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah mengapakah Telok Sepangar dipilih sedangkan kita mempunyai kekuatan tentera yang mencukupi di sekitar situ sekiranya ada sesuatu yang berlaku sementara di Pantai Utara tidak ada pangkalan TLDM dan demikian juga di Pantai Timur yang sering dilanda penyamun-penyamun yang bukan sahaja mungkin membahayakan keselamatan negara tetapi juga mengganggu kehidupan para nelayan tiap-tiap hari?

Jadi, apakah rasionalnya pangkalan ini tidak ditempatkan di kawasan-kawasan yang lebih memerlukannya?

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, untuk pengambilan balik tanah tersebut, pihak berkuasa negeri telah meminta bayaran pampasan yang ditetapkan

ialah sebanyak RM5,760,000.00 dan daripada jumlah ini, sebanyak RM4.3 juta telah pun dibayar kepada pemilik tersebut.

Dari segi keputusan kita untuk membuat perancangan pangkalan-pangkalan, kita melihat dari segi keupayaan kita di ketiga-tiga perkhidmatan iaitu tentera darat, laut dan udara. Jadi, dengan berintegrasi, kita melihat pertahanan negara, manamana kekurangan dapat ditokok tambah oleh perkhidmatan yang lain.

Jadi, dari segi itu, perancangan kita di Sabah ialah kita mempunyai pangkalan di Sandakan, Tawau, Labuan dan Telok Sepangar dengan kedudukan tentera darat dan juga tentera udara, maka ia mencukupi untuk mempertahankan kedudukan pertahanan kita.

#### **JABATAN PERKHIDMATAN BOMBA MALAYSIA— PERANCANGAN**

**7. Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Jabatan Perkhidmatan Bomba Malaysia sekarang ini mempunyai (capacity), keanggotaan mahir dan peralatan yang mencukupi dan canggih bagi tujuan menghadapi segala kemungkinan berlakunya bencana kebakaran yang tidak diingini di bangunan-bangunan tinggi; kilang perindustrian; dan penggunaan banyak bahan-bahan kimia dalam industri moden. Seterusnya, apakah bentuk perancangan dalam jangka masa pendek dan dalam jangka masa jauhnya yang diambil oleh kementerian untuk memperluaskan Jabatan Bomba dalam semua aspek yang setimpal dengan kemajuan dan pembangunan negara yang begitu pesat sekarang ini.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** Tuan Yang di-Pertua, kebolehan dan kemahiran pegawai dan anggota bomba pada masa ini adalah menyakinkan. Di samping itu, Jabatan Bomba dari masa ke semasa mengambil langkah meningkatkan lagi kebolehan dan kemahiran di kalangan pegawai dan anggotanya melalui latihan pengkhususan.

Mengenai peralatan dan kelengkapan sekarang ini masih ada kekurangan kerana peralatan yang canggih ini amatlah tinggi harganya. Oleh itu, Jabatan Bomba membeli peralatan dan kelengkapan yang diperlukan ini secara beransur-ansur. Strategi jangka pendek Jabatan Bomba adalah untuk meningkatkan keupayaan melawan kebakaran melalui tambahan anggota, balai bomba dan peralatan.

Strategi jangka panjang pula adalah untuk memberi tumpuan kepada langkah-langkah dari segi mencegah berlakunya kebakaran.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang, adakah Yang Berhormat sedar bahawa peralatan-peralatan yang ada sekarang terutamanya di Kuala Lumpur dengan bangunan yang begitu tinggi tidak mencukupi untuk memadamkan kebakaran. Ini pun saya sudah bangkitkan.

Yang kedua, dua soalan sahaja kerana saya nampak dia malas hendak jawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Dengan adanya hampir 7,000 anggota dan juga 7,000 anggota sukarela di seluruh negara, bagaimana sistem latihan dapat memastikan bahawa keberkesanannya

wujud dan juga tidak berlakunya penyelewengan yang telah pun disedari oleh Yang Berhormat?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, bila kita bercakap berkenaan dengan bangunan yang tinggi, sukacita saya maklumkan bahawa KLCC ataupun KL City Centre di Kuala Lumpur ini apabila siap, merupakan bangunan yang tertinggi di dalam dunia dan KL Tower yang juga di Kuala Lumpur akan merupakan tower yang ketiga tertinggi dalam dunia.

Jadi, kalau kita hendak bercakap berkenaan dengan peralatan untuk sampai ke bangunan yang tinggi, bermakna kita bercakap berkenaan dengan peralatan yang boleh menjangkau sampai 84 tingkat.

Maka sudah tentulah ini memerlukan satu pelaburan yang begitu tinggi untuk membekalkan peralatan canggih bagi anggota bomba kita. Itulah sebabnya saya sebutkan tadi bahawa yang penting ialah bagi kita meningkatkan daripada segi latihan. Sukacita dimaklumkan, seramai lebih 40 orang pegawai telah pun dihantar ke luar negeri untuk mengikuti latihan yang intensif iaitu di United Kingdom, Sweden dan juga Jepun. Kursus ini ada setengahnya mengambil masa 5 minggu, sebulan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan anggota bomba sukarela, anggota-anggota ini juga seandainya mereka tinggal di kawasan bandar yang besar, maka mereka juga akan diberi latihan yang lebih intensif dan peralatan yang lebih canggih juga akan dibekalkan kepada mereka supaya mereka boleh betul-betul memberi bantuan kepada anggota bomba seandainya berlaku kebakaran.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed.

(Soalan No. 8—Y.B. Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed tidak hadir)

**EON/PROTON—PAKSAAN  
KEPADA PEMBELI ATAS  
PINJAMAN BERKADAR  
FAEDAH TINGGI**

9. **Tuan Ho Cheong Sing** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan adakah pihak Kementerian sedar bahawa pembeli-pembeli kereta Proton dipaksa untuk mengambil kemudahan pinjaman dari syarikat kewangan yang ditetapkan oleh EON dengan kadar faedah tetap 8% setahun sedangkan syarikat kewangan lain menawarkan kadar faedah tetap 6.5% setahun. Adakah siasatan akan dijalankan oleh pihak Kementerian untuk melindungi kepentingan pihak pembeli kereta.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Tuan Tan Chai Ho):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian sedar bahawa ada pembeli kereta Proton yang dipaksa untuk mengambil kemudahan pinjaman dari syarikat kewangan tertentu. Perkara ini merupakan suatu amalan yang tidak sihat dan dipandang serius oleh Kementerian kerana ianya tidak sepatutnya berlaku. Dalam hubungan ini, Kementerian telah mengambil beberapa tindakan dalam usaha melindungi pembeli dan untuk menangani masalah tersebut, iaitu:

- (i) menjalankan penyiasatan di premis perniagaan yang diadakan sekiranya aduan diterima adalah spesifik. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, kebanyakan aduan yang diterima adalah terlalu umum dan tidak boleh diambil tindakan sewajarnya;

- (ii) memanggil syarikat-syarikat terlibat untuk disoal siasat. Dalam hubungan ini, daripada siasatan yang dijalankan, adalah didapati bahawa syarikat pengeluar kereta tidak pernah menetapkan atau memaksa pembeli-pembeli mengambil pinjaman daripada syarikat kewangan yang tertentu sahaja. Malahan, pembeli-pembeli bebas untuk memilih mana-mana syarikat kewangan yang dikehendaki;
- (iii) menjalankan pemerhatian ke atas syarikat-syarikat pengeluar kereta bagi menentukan tidak berlaku penyelewengan dalam urusan perdagangan seperti mengenakan syarat-syarat yang tidak munasabah dan menyusahkan pembeli; dan
- (iv) memberikan pendidikan kepada syarikat-syarikat berkenaan supaya mereka lebih bertanggungjawab, berdisiplin, beretika dan sentiasa prihatin terhadap rungutan dan masalah pembeli.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada pihak Kementerian benar-benar serius untuk membela kepentingan pengguna-pengguna kerana nampaknya daripada jawapan tadi, beliau seakan-akan tidak tahu, bahawa syarikat Proton atau EON ini mengenakan kadar faedah 8% yang baru diturunkan kepada 7%, tetapi masih lebih tinggi daripada kadar pasaran sebanyak 6%. Kalau begitu, mengapakah tindakan tidak diambil oleh Kementerian terhadap EON? Jangan main-main dalam perkara ini (*Disampuk*) kerana semua.....

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Hoi, siapa mahu main?

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, semua pembeli-pembeli kereta Proton telah dipaksa mengambil kadar faedah sebanyak 8%. (*Disampuk*) Baru turun 7%. Kalau Kementerian tak tahu, saya rasa lebih baik tutup Kementerian! (*Disampuk*) Oleh sebab itu saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua.....

**Seorang Ahli:** Cukup!

**Tuan Lim Guan Eng:** Apakah tindakan yang diambil terhadap syarikat tersebut dan juga adakah pihak Kementerian bersedia memaksa syarikat kewangan memulangkan perbezaan 2% faedah kepada para pembeli dan peminjam kereta Proton ini supaya selari dan setaraf dengan kadar pasaran sebanyak 6%?

**Tuan Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar bahawa pada 4 Ogos 1995, syarikat EON telah mengumumkan penurunan kadar faedah kepada 7%. Oleh kerana setiap syarikat kewangan mempunyai kadar faedah yang berbeza selain melebihi 10%, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat kira-kira 45 buah syarikat kewangan yang berlesen, 35 buah syarikat kewangan daripadanya adalah panel syarikat kewangan EON untuk menguruskan kemudahan membeli kereta Proton.

Pembeli-pembeli bebas memilih salah satu daripada 35 syarikat kewangan tersebut. Selain daripada itu, pihak Proton juga menerima jaminan pembayaran daripada institusi kewangan yang kukuh dan juga kemudahan pinjaman yang diperolehi daripada kerajaan dan syarikat Proton juga menerima pembelian secara wang tunai.



**USAHAWAN TEMPATAN—  
INSENTIF BAGI SYARIKAT  
BERTEKNOLOGI TINGGI**

10. Tuan Hashim bin Ismail minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah insentif-insentif yang ditawarkan oleh Kementerian ini kepada usahawan-usahawan tempatan, lebih-lebih lagi untuk memungkinkan mereka menyertai sub-sektor teknologi tinggi bagi pasaran luar negara.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein):** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ledang, insentif-insentif yang disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri usahawan tempatan adalah seperti berikut:

- (i) taraf perintis atau pioneer status, dengan izin. Usahawan tempatan yang terlibat dalam pembuatan produk yang disenaraikan adalah layak dipertimbangkan pemberian pioneer status, di mana pengecualian daripada pembayaran tax korporat sebanyak 70% selama 5 tahun akan diberikan;
- (ii) pengecualian cukai kastam terhadap pengimportan bahan-bahan mentah, mesin dan kelengkapan untuk menjalankan pembuatan. Bahan-bahan tersebut tidak sewajarnya terdapat di negara ini;
- (iii) pinjaman mudah untuk pembelian mesin dan peralatan bagi memodenkan serta mengautomasikan operasi pembuatan yang dijalankan oleh usahawan tempatan; dan

- (iv) Tabung Bantuan Teknikal Perindustrian Kecil dan Sederhana (ITAF) yang telah diwujudkan pada tahun 1990 untuk membantu syarikat usahawan-usahawan tempatan yang kecil dan sederhana dalam bidang khidmat perundingan, pembangunan dan reka bentuk barangan, peningkatan kualiti dan produktiviti dan pembangunan pemasaran. Bantuan adalah diberi dalam bentuk geran persamaan, dengan izin, matching grant di mana 50% dari kos projek ditanggung oleh kerajaan dan 50% bakinya ditanggung oleh syarikat pemohon.

Untuk barangan ke pasaran luar negara, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri juga menyediakan beberapa insentif eksport yang juga boleh dipohon oleh syarikat usahawan tempatan yang layak. Insentif-insentif eksport itu termasuk, dengan izin,

- (i) eksport Credit Refinancing Scheme. Di bawah skim ini, pengeksporth diberikan pinjaman untuk mengeksporth barangan ke pasaran luar negara;
- (ii) potongan cukai dua kali terhadap perbelanjaan-perbelanjaan yang telah dibelanjakan untuk menjalankan kegiatan mempromosikan barangan untuk eksport;
- (iii) potongan cukai dua kali terhadap perbelanjaan premium insurans ke atas barangan yang dieksporthkan ke pasaran non tradisi yang tertentu; dan
- (iv) elaun bangunan untuk menyimpan barangan eksport.

Bagi industri yang berteknologi tinggi, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri pada bulan September 1994 telah meminda Akta Penggalakan Pelaburan 1986 bagi memperkenalkan insentif kepada syarikat-syarikat berteknologi tinggi. Di bawah insentif ini syarikat-syarikat berteknologi tinggi boleh memilih sama ada untuk mendapat insentif pengecualian cukai sepenuh selama lima tahun atau elaun cukai pelaburan 60% daripada perbelanjaan modal yang layak. Di samping itu kerajaan menggalakkan pertumbuhan industri berteknologi tinggi dengan mewujudkan taman teknologi tinggi, dengan izin, high-tech park dan mengadakan kemudahan yang baik demi melicinkan operasi industri berteknologi tinggi di kawasan-kawasan tersebut. Setakat ini Taman Teknologi Tinggi Kulim telah pun dibina melalui usaha sama Kerajaan Negeri Kedah dan Kerajaan Pusat.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai insentif-insentif yang ditawarkan kepada usahawan-usahawan ataupun pelabur-pelabur tempatan, saya juga difahamkan bahawa satu tabung pelaburan domestik telah disediakan oleh pihak kerajaan khususnya untuk pelabur-pelabur industri kecil dan sederhana tempatan.

Soalan saya, berapakah jumlah peruntukan telah disediakan bagi tabung ini dan yang kedua berapakah permohonan telah diterima oleh pihak kementerian dan berapa permohonan telah pun diluluskan oleh pihak kementerian.

**Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai tabung domestik yang telah diumumkan baru-baru ini di dalam

pembentangan perbelanjaan, saya tidak ada bersama-sama saya maklumat-maklumat terperinci. Tetapi mengenai skim-skim yang di dalam bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, sebahagian daripada tabung ini akan digunakan dalam skim-skim ITAF yang saya sebutkan tadi. Saya sebutkan ada empat skim iaitu Skim Khidmat Perundingan, Skim Pembangunan dan Rekabentuk Barangan, Skim Peningkatan Kualiti dan Produktiviti, Skim Pembangunan Pemasaran. Ini khusus untuk industri-industri kecil dan sederhana. Mengenai maklumat-maklumat atau jumlah yang diminta, saya akan jawab secara bertulis.

**Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri mengkaji tentang keefektifan pemindahan teknologi dan kepakaran kepada syarikat tempatan? Jika ada, adakah ia memuaskan?

**Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, sama ada efektif atau tidak pemindahan teknologi tinggi kepada syarikat-syarikat tempatan bukan sahaja bergantung kepada kesanggupan syarikat-syarikat asing memindah teknologi ini kepada syarikat-syarikat tempatan. Tetapi ianya juga bergantung kepada keupayaan dan kemampuan syarikat-syarikat tempatan untuk menerap teknologi-teknologi tinggi ini. Menerima hakikat bahawa teknologi ini adalah suatu perkara yang tidak statik bahkan sentiasa membangun dan mengembang mengikut tempo dan suasana keadaan-keadaan industri itu, kerajaan memberi tumpuan dan penekanan kepada syarikat-syarikat tempatan untuk melengkapkan dan menyediakan diri untuk menerap

teknologi ini. Maka di bawah tumpuan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, penyelidikan dan pembangunan iaitu R&D, diberi penumpuan iaitu potongan cukai ke atas perbelanjaan R&D, pengecualian cukai import penyelidikan dan pembangunan. Maka walaupun kita berpuashati dengan tahap pemindahan sekarang, kita merasai bahawa ianya boleh dipertingkatkan lagi di sektor-sektor yang kita beri tumpuan iaitu industri-industri yang berasaskan modal dan berasaskan teknologi.

#### **INDUSTRI MUZIK DAN PERFILEMAN—USAHA MENERAPKAN NILAI ISLAM**

**11. Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah** minta Menteri Penerangan menyatakan setakat manakah usaha penerapan nilai-nilai Islam telah dilakukan dalam industri muzik dan perfileman di negara ini, dan apakah bentuk program yang dibuat dalam bidang berkenaan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal):** Tuan Yang di-Pertua, pengusaha-pengusaha filem dan muzik di negara ini adalah sentiasa prihatin terhadap keperluan menerapkan nilai-nilai murni yang berteraskan kepada nilai-nilai Islam di dalam filem dan lagu keluarannya. Umpamanya mereka sentiasa peka terhadap dasar-dasar kerajaan berhubung dengan unsur-unsur ganas, tahyul, seks dan budaya songsang serta yang boleh memberi kesan negatif kepada masyarakat negara ini. Dalam pada itu, usaha telah dan akan terus dilaksanakan dari semasa ke semasa untuk menerapkan nilai-nilai murni yang berteraskan kepada nilai-nilai Islam dalam bidang penguasaan filem dan muzik. Antara

usaha itu ialah menyemak semula peraturan dan garis panduan khususnya yang berkaitan dengan perfileman dan penyiaran untuk diselaraskan dengan ekspektasi semua lapisan rakyat negara ini di samping menerapkan nilai-nilai murni sejagat.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat sedikit penjelasan tentang filem-filem dakwah ini. Adakah kementerian bercadang untuk menyiarkan filem-filem dakwah ini pada waktu-waktu sembahyang Magrib ataupun pada waktu petang kerana kita dapat lihat filem-filem ataupun drama-drama yang berbentuk dakwah Islam ini kurang. Yang banyak Doraemon, kemudian filem-filem kartun yang kadang-kadang meleakakan bukan setakat anak-anak sahaja menunaikan sembahyang, Tuan Yang di-Pertua, emak dan bapa sendiri. Sekarang ini orang tua-tua pun suka tengok Doraemon, Tuan Yang di-Pertua. *(Ketawa)* Jadi bolehkah tidak di waktu yang sama dengan waktu Magrib dan sebelumnya itu, kita banyakkkan filem-filem dakwah untuk melatih anak-anak muda ini mendekati Allah. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan cadangan saya ini?

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat dari Yan tadi mengenai dengan menyiarkan rancangan-rancangan khususnya dalam waktu Magrib dan Isyak, saya rasa cadangan itu adalah tidak baik memandangkan ini sedikit sebanyak akan menjejaskan anak-anak itu terbabat untuk tidak mengamalkan ibadat solat mereka. Adakah elok bagi pandangan kita, bagi pihak kementerian untuk mengambil tindakan tentang mengadakan rancangan-rancangan itu diadakan pada lain-lain waktu.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat dari Yan, memang adalah tanggungjawab kementerian ini untuk mengadakan program-program yang berunsur agama bukan sahaja untuk kita membuat pendekatan pada waktu-waktu yang berhampiran dengan solat Magrib bahkan juga di samping waktu-waktu yang berlainan contohnya pada baru-baru ini untuk memperingati perjuangan Nabi Muhammad s.a.w. kita menyiarkan rancangan-rancangan yang berunsur mempertingkatkan nilai-nilai murni di kalangan rakyat Malaysia.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam menerapkan nilai-nilai murni menerusi lagu dan filem, adakah ini termasuk penerapan nilai-nilai, etika, adat sosial, pergaulan dan sebagainya sebagaimana terdapat kisah-kisah penyanyi yang memakai pakaian menonjol yang umpamanya hari ini menjadi kontrovesi di dalam akhbar dan juga tingkah laku dan tuduhan liar yang kononnya para artis terbabit dengan kegiatan-kegiatan negatif di dalam erti kata sosial.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang kementerian ini amat peka untuk membendung supaya keadaan-keadaan seperti apa yang disebutkan tadi mengenai dengan penglibatan para artis dan para penyanyi mengadakan pertunjukan atau persembahan yang berunsur bercanggah dengan hasrat kerajaan dan bercanggah dengan aspirasi dasar kita, pada pandangan kita ini sedikit sebanyak para artis perlulah dan mesti peka tentang tanggungjawab. Bila berada di luar negara tidak semestinya berada di luar negara hendak mempersembahkan bukan sahaja nyanyian bahkan juga budaya pakaian mereka yang bercanggah dengan dasar negara kita. Namun demikian,

kementerian akan mengambil tindakan tegas tentang perkara ini seperti terdahulu daripada ini kementerian telah mengambil langkah-langkah tegas dan keras terhadap artis dan penyanyi seperti pada satu ketika dahulu apabila kementerian ini mengambil tindakan terhadap artis Awie ketika beliau berambut panjang dan kita tidak menyiarkan lagu-lagu yang dipersembahkan oleh beliau. Begitu juga ketika Jamal Abdillah terbabit dengan dadah dahulu, kita telah sedikit sebanyak menyekat persembahan serta lakonan filem di mana beliau terbabit. Tetapi bila mereka telah memperlihatkan peradaban yang cukup baik dan kementerian memberi kelonggaran untuk tidak mengambil tindakan yang selanjutnya.

#### **PENDATANG TANPA IZIN— LANGKAH MENYEKAT KEMASUKAN**

**12. Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan Kementerian Dalam Negeri menyekat kemasukan pendatang tanpa izin ke negara ini kerana bilangan mereka semakin bertambah.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting):** Tuan Yang di-Pertua, bagi menyekat kemasukan pendatang tanpa izin ke negara ini, Kementerian Dalam Negeri telah mengambil dua langkah utama iaitu:

- (i) meningkatkan kawalan dan rondaan oleh agensi-agensi penguatkuasaan seperti polis dan Jabatan Imigresen di kawasan-kawasan yang dikenal pasti sebagai tempat pendaratan

dan jalan masuk yang digunakan oleh pendatang asing.

- (ii) melancarkan operasi mengesan dan menangkap pendatang tanpa izin, menangkap mereka yang memberi perlindungan terutamanya majikan-majikan yang menggajikan mereka dan menangkap mereka yang terlibat dalam sindiket membawa masuk pendatang tanpa izin.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Tuan Yang di-Pertua, ada dua soalan tambahan. Adakah Kementerian Dalam Negeri sedar bahawa di sepanjang pantai negeri Sabah tidak ada kawalan langsung mengenai pendatang haram ini dan di samping itu juga ada orang-orang tempatan yang terlibat bukan sahaja membawa pendatang asing tetapi memberi kad pengenalan sehingga menyukarkan lagi pihak-pihak anggota keselamatan untuk mengenal pasti siapakah penduduk tempatan atau pendatang tanpa izin?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa tidak ada kawalan langsung di sepanjang perairan atau sempadan Sabah. Telah banyak kali saya tegaskan di sini Kerajaan Persekutuan telah menubuhkan Pasukan Petugas Khas Persekutuan khas di Sabah dan telah pun kita menambah kekuatan pasukan polis di situ. Pusat-pusat tahanan untuk menahan mereka telah pun sebahagiannya siap dan sebahagiannya masih diusahakan dan tangkapan telah pun dilakukan.

Yang dapat saya beritahu di sini ialah dalam beberapa tahun kebelakangan ini sejumlah 45,789

pendatang tanpa izin telah ditangkap dan diusir. Ini adalah bukti untuk menolak dakwaan yang dibangkitkan tadi. Bagi dakwaan ada orang tempatan terlibat, pasukan polis tidak mengambil kira sesiapa sahaja kalau terlibat sama ada membawa masuk pendatang tanpa izin atau terlibat diri dalam sindiket memalsukan dokumen, kita tetap menangkap tidak kira dia siapa. Baru-baru ini kalau kita baca dalam surat khabar, pihak polis Sabah telah menangkap termasuk pegawai kerajaan. Jadi, ini menunjukkan hasrat dan betapa tegasnya pihak kerajaan dalam isu-isu ini.

**Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita difahamkan ada lebih daripada 200,000 pendatang tanpa izin berada di dalam negara kita. Mereka ini satu hari kelak akan menimbulkan masalah keselamatan, ekonomi, sosial dan sebagainya. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengesan di mana mereka berada?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah saya jawab tadi, salah satu langkah ialah kita mempertingkatkan operasi di dalam negeri dan kita menamakan operasi itu Operasi Nyah II. Kita mengesan dan mencari mereka yang telah masuk dan kita tangkap juga majikan yang telah melindungi mereka dan kita juga mengadakan operasi secara besar-besaran di semua tempat yang dikenal pasti mereka itu melindungi diri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 8 dan 13 hingga 93 adalah dijilid dalam buku berasingan).*

**USUL MENANGGUHKAN  
MESYUARAT DI BAWAH  
PERATURAN  
MESYUARAT 18**

**KEADAAN DAN LAYANAN  
BURUK TERHADAP PEKERJA  
ASING DI KEM TAHANAN  
IMIGRESEN**

3.35 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang (Tanjong):** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2) untuk mengusulkan bahawa Majlis Dewan ditangguhkan untuk usul tertentu, berkenaan kepentingan orang ramai, yang berkehendak disegerakan yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini mengizinkan Ketua Pembangkang Parlimen merangkap Ahli Parlimen kawasan Tanjong, Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang untuk menangguhkan Majlis Mesyuarat bagi tujuan merundingkan satu perkara tertentu, kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan yakni masalah dakwaan berlakunya kejadian kematian, penganiayaan, penyeksaan dan layanan tidak berperikemanusiaan ke atas rakyat Bangladesh dan lain-lain pekerja asing di dalam kem-kem tahanan Imigresen atas sebab-sebab yang berikut:

1. Saya baru sahaja menerima dari Tenaganita, sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang menumpukan perhatian ke atas isu hak asasi kaum wanita. Satu memorandum berkenaan dengan kejadian kematian, penganiayaan, penyeksaan dan layanan tidak berperikemanusiaan ke atas rakyat Bangladesh dan lain-lain pekerja asing di dalam kem-kem tahanan Imigresen. Memoran-

dum berkenaan yang telah disusun setelah Tenaganita mengendalikan menemuduga dan mendokumenkan 340 orang pekerja asing yang telah dilepaskan dari beberapa kem tahanan Imigresen. Antaranya 250 dari Semenyih, 40 dari Juru, 15 dari Kelantan, 25 dari Johor dan 5 dari Melaka, penuh dengan butir-butir mengganggu perasaan tentang keadaan di dalam kem-kem tersebut.

Antaranya seperti di dalam kem tahanan Imigresen Semenyih di mana wujudnya 7 blok, setiap blok disesaki oleh 500 orang walaupun setiap dari blok berkenaan adalah direka untuk menempatkan 400 orang sahaja. Hanya terdapat 3 tandas dan 1 bilik mandi untuk 400 orang. Para pekerja asing hanya dibenarkan mandi sekali dalam 4 hari. Penghijrah-penghijrah asing ini hanya diberi 2 gelas kecil air setiap hari. Sekiranya mereka meminta lebih air, mereka akan dipukul ataupun dihukum dan dipaksa berdiri di bawah matahari untuk beberapa jam lamanya.

Para penghijrah asing mengalami masalah-masalah penghidratan (dehydration) dan pemakanan tidak seimbang (malnutrition) di dalam kem-kem mereka dan tanpa sebarang penjagaan atau kemudahan perubatan. Kadar kematian adalah amat tinggi di dalam kem-kem tahanan berkenaan dan disebabkan oleh penyakit Beri-beri yang hampir tidak pernah didengar di Malaysia dan typhoid. Wujud juga dakwaan serius tentang korupsi serta penganiayaan seksual yang dialami oleh pekerja asing wanita di dalam kem-kem berkenaan.

2. Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri telah dengan terbukanya mengakui bahawa 40 orang pekerja asing telah meninggal dunia di dalam kem-kem tahanan pada tahun lepas serta tahun ini walaupun adalah dipercayai bahawa jumlah angka kematian sebenar adalah lebih tinggi lagi. Tidak kira apa sahaja keadaannya ini merupakan satu titik hitam yang amat besar ke atas nama baik dan reputasi antarabangsa Malaysia.
3. Penganiayaan dan penipuan yang dialami oleh para pekerja asing dari ejen-ejen rekrut di dalam negara mereka sendiri dan juga di Malaysia.

Kerajaan mesti menyiasat sama ada benar atau tidak bahawa wujudnya seorang agen rekrut tempatan yang telah menggunakan nama-nama syarikat yang tidak wujud untuk merekrut 20,000 hingga 40,000 pekerja asing dari Bangladesh, mendapat pulangan RM1,000 dari setiap orang pekerja asing, yang bermakna jumlah keuntungan setinggi RM20 juta hingga RM40 juta. Parlimen mesti mengambil perhatian segera ke atas dakwaan-dakwaan serius ini berkenaan dengan kejadian kematian, penyiksaan dan layanan tidak berperikemanusiaan ke atas pekerja asing dari Bangladesh dan lain-lain tempat di dalam kem-kem tahanan demi melindungi nama baik dan reputasi antarabangsa Malaysia dengan:

- (i) menyeru supaya ditubuhkan satu Suruhanjaya penyiasatan bebas dengan wakil-wakil termasuk mereka dari pihak bukan kerajaan untuk menyiasat dakwaan-dakwaan berkenaan dan mengumumkan hasil siasatannya;
- (ii) meminta supaya 9 kem tahanan berkenaan dibuka untuk pemeriksaan segera oleh para Ahli Parlimen yang prihatin, kumpulan-kumpulan hak asasi manusia yang prihatin seperti Majlis Peguam dan Arqam serta pertubuhan bukan kerajaan yang prihatin seperti Tenaganita;
- (iii) mengarahkan pasukan petugas buruh asing mengkaji semula keseluruhan rangka perundangan dan membuat perubahan-perubahan yang menepati piawaian antarabangsa serta konvensi buruh asing.
- (iv) mengarahkan kerajaan Malaysia supaya membuat perjanjian dua hala dengan negara-negara yang menghantarkan pekerja-pekerja mereka supaya hak pekerja kontrak di luar negara dapat dilindungi dari masa penghantaran hingga ke tahap pengajian; dan
- (v) mengkehendaki Kementerian Dalam Negeri menubuhkan satu makenisme penyeliaan dan satu cara yang membolehkan para pekerja dan kumpulan pekerja asing membuat aduan berkenaan dengan pusat-pusat tahanan polis dan pihak-pihak berkuasa Imigresen.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat saya telah menerima satu pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Yang Berhormat Ahli dari kawasan Tanjong pada hari ini. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi. Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat

hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu memenuhi 3 syarat:

- (i) ialah bahawa perkara itu tertentu
- (ii) ia adalah bagi kepentingan orang ramai
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini adalah perkara tertentu dan ia adalah bagi kepentingan orang ramai, tetapi pada fikiran saya perkara ini tidak perlu disegerakan sehingga patut dibahaskan di bawah peraturan ini. Perkara ini bukanlah begitu mendesak sehingga terpaksa memakai peraturan Mesyuarat 18. Perkara seperti ini berkehendakan kepada pemeriksaan dan penyiasatan yang mendalam untuk menentukan kesahihannya dan yang demikian tidak elok dibahaskan dalam masa satu jam seperti yang telah diperuntukkan di bawah Peraturan Mesyuarat ini. Oleh yang demikian, saya menolak usul ini. *(Tepuk)*

**RANG  
UNDANG-UNDANG  
DIBAWA KE DALAM  
MESYUARAT  
- RANG UNDANG-UNDANG  
PERUBATAN (PINDAAN) 1995  
Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang untuk meminda Suatu Akta untuk meminda Akta Perubatan 1971; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kesihatan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG  
PERBADANAN PUTRAJAYA  
1995**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". *(15hb Ogos 1995)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri sila teruskan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz):** Tuan Yang di-Pertua, sudah habis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah habis.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

*(Tuan Yang di-Pertua  
mempengerusi Jawatankuasa)*

**Fasal 1 hingga 36** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Jadual 1 dan 2** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.



Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG  
PENTADBIRAN UNDANG-  
UNDANG ISLAM (WILAYAH-  
WILAYAH PERSEKUTUAN)  
(PINDAAN) 1995**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (14hb Ogos, 1995)

3.48 *ptg.*

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung perbahasan yang telah dimulakan pada hari Isnin yang lepas, iaitu peringkat menggulung atau menjawab bagi pihak kementerian. Telah saya bercakap bahawa undang-undang ini dipinda bagi membolehkan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan menubuhkan syarikat-syarikat bagi kegiatan ekonomi. Perkara ini telah saya terangkan segala persoalan yang ditimbulkan.

Sekarang saya masuk dalam bahagian Mahkamah Syariah. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan pada masa ini sedang berusaha bersungguh-sungguh untuk mempertingkatkan integriti dan kewibawaan Mahkamah Syariah yang ada di seluruh negara. Langkah yang pertama ialah Undang-undang mengenai Mahkamah Syariah ini dipinda. Pindaan ialah berlaku di semua negeri-negeri dalam Malaysia iaitu dengan mengasingkan Mahkamah

Syariah daripada pentadbiran Jabatan Agama. Ini ialah bagi menjamin keadilan. Selaras dengan itu maka usaha-usaha sedang dibuat bagi mempertingkatkan kedudukan mahkamah itu sendiri.

Yang pertama, dengan menaik taraf jawatan-jawatan Hakim Mahkamah Syariah.

Yang kedua, dengan membahagikan mahkamah kepada tiga peringkat—Mahkamah Rendah, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan.

Yang ketiga, ialah penyelarasan kelulusan hakim-hakim di mahkamah syariah mestilah setanding dan sama dengan hakim-hakim di mahkamah sivil dengan mengadakan kursus-kursus yang tertentu bagi kadi-kadi yang sedia ada supaya mereka diserapkan ke dalam skim perjawatan hakim syarie dan perkara ini pun telah berjalan dengan baik dengan kerjasama Universiti Islam Antarabangsa. Hakim-hakim mahkamah syariah kita pada masa ini sedang dibimbing oleh peguam-peguam dan bekas-bekas hakim yang berkaliber dan ahli akademik dalam undang-undang yang termasyhur yang berada di Universiti Islam Antarabangsa. Maka dengan ini hakim-hakim kita telah terangkat daripada keadaan yang lama dan segala sekatan-sekatan psikologi dan sekatan-sekatan kuasa telah dihapuskan.

Bagi perkara peguam syarie, dengan adanya pindaan ini, maka di Wilayah Persekutuan seorang peguam boleh mewakili anak guamnya walaupun dia bukan beragama Islam. Ini akan dimasukkan dalam senarai tetapi mereka mestilah lulus di dalam peperiksaan ataupun ujian-ujian yang ditentukan. Ini adalah selaras dengan kehendak kita pada hari ini bahawa

amalan undang-undang dan keadilan di negara kita mestilah betul dan lurus dan ini sesuai pula dengan adanya Universiti Islam Antarabangsa memberi kursus undang-undang syarak kepada mahasiswa-mahasiswa yang tidak beragama Islam.

Ada dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai taraf peguam syarie ini. Sukalah saya nyatakan bahawa peguam syarie yang berdaftar dengan mahkamah-mahkamah syariah di seluruh negara ialah orang-orang yang mempunyai kelulusan-kelulusan dan kebanyakan mereka ialah ahli dalam Bar Council. Jadi, ertinya tidak ada lagi apa yang disebut oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat bahawa peguam syarie yang hadir bagi anak guam mereka tidak mempunyai kelayakan ataupun keupayaan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja jawapan saya kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

**Fasal 1 hingga 5** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG PEMBANGUNAN INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA 1995**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*3.55 ptg.*

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana dibacakan pada kali yang kedua.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusi Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana ini diwujudkan adalah untuk membolehkan suatu perbadanan yang dinamakan Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana ditubuhkan bagi menyelaraskan program-program pembangunan industri kecil dan sederhana di negara ini secara lebih komprehensif. Di samping itu, penubuhan perbadanan ini juga akan dapat meningkatkan nilai ditambah dalam sektor IKS, meningkatkan kemahiran pengusaha, meningkatkan keupayaan aktiviti-aktiviti penyerapan teknologi serta penggunaan teknologi baru di sektor IKS.

Peningkatan dan unsur-unsur yang dinyatakan ini bukan sahaja dapat melahirkan pengusaha-pengusaha IKS yang mampan dan berdaya saing malahan turut memastikan sumbangan IKS yang lebih berkesan kepada keperluan dan perkembangan industri-industri besar di negara ini. Selaras dengan matlamat Pelan Induk

Perindustrian Negara, perbadanan ini akan berperanan ke arah kewujudan IKS sebagai industri pelengkap dan penyokong yang kukuh dan berkesan untuk memantapkan lagi struktur perindustrian negara. Idea penubuhan perbadanan ini juga adalah berdasarkan kejayaan perbadanan yang telah diwujudkan di beberapa buah negara maju dan membangun dalam menjalankan tanggungjawab membangunkan sektor IKS di negara masing-masing seperti pertamanya, Japan Small Business Corporation (JSBC) di Jepun, dengan izin; Small and Medium Industry Promotion Corporation (SMIPC) di Korea Selatan; dan Medium and Small Business Administration (MSBA) di Taiwan.

Dalam suasana perkembangan perindustrian yang pesat di mana IKS merupakan subsektor terbesarnya, syarikat-syarikat IKS menghadapi cabaran-cabaran yang berbangkit daripada peningkatan tekanan persaingan dan teknologi yang pesat. IKS memerlukan satu agensi khusus yang lengkap dan tinggi kualiti perkhidmatannya, berupaya memberikan panduan dan bantuan yang diperlukan bagi memantap dan memperkembangkan kegiatan mereka. Agensi berkenaan harus berkeupayaan meningkatkan keberkesanan mekanisme penyaluran program dan bantuan kerajaan dan dengan itu berkeupayaan menonjol sepenuhnya potensi IKS di dalam pencapaian matlamat pembangunan perindustrian.

Walaupun bilangan program dan institusi membantu IKS tidak kurang jumlahnya, tanggungjawab memastikan kejayaan pembangunan IKS yang berpecah kepada berbagai agensi yang terlibat telah menjadikan pendekatan

yang digunakan sekarang mirip ke arah pendekatan secara, dengan izin, 'piece meal' dan 'ad hoc'. Konsep 'Lead agency', dengan izin, yang diperkenalkan bagi mengatasi kelemahan ini juga didapati mempunyai kelemahan. Konsep ini meletakkan agensi-agensi yang terlibat ke dalam enam kumpulan mengikut fungsi—kewangan, insentif, galakan pasaran, penyelidikan dan pembangunan dan sokongan teknikal, pengurusan dan latihan dan pembangunan infrastruktur.

Peraturan this agency tidak mewujudkan kepimpinan yang berkesan di peringkat operasi yang mempunyai kuasa secukupnya bagi menyelesaikan masalah-masalah operasi IKS. Ini melemahkan keberkesanan bantuan-bantuan dan akibatnya gagal menampilkan sepenuhnya keupayaan keusahawanan dan inovasi IKS. Walaupun agensi pusat seperti Unit Perancangan Ekonomi dan Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan di Jabatan Perdana Menteri mampu menggubal matlamat indikatif dan dasar perancangan pembangunan IKS, tetapi bagi fungsi menjalankan perancangan-perancangan operasi dan pembangunan, yang mana di antaranya akan melibatkan pengenalpastian industri-industri untuk dimajukan, rancangan strategi pelaksanaan dan pengawasannya adalah di luar dari kemampuan mereka. Konsep this agency, dengan izin, juga tidak mengoptimalkan kegunaan sumber awam sebagaimana jika dilakukan dalam bentuk focus outreach melalui economy of scale, dengan izin, dengan wujudnya satu agensi khusus untuk pembangunan IKS.

Kerajaan berpandangan bahawa pendekatan yang wajar dalam pemberian tugas penerajuan

pembangunan IKS sepenuhnya kepada perbadanan yang dicadangkan ini ialah bagi perbadanan terlebih dahulu diberi peluang meneruskan pengluasan fungsi-fungsi penting pembangunan IKS yang dilaksanakan oleh MITI sekarang. Di samping meneraju pembangunan dan perancangan IKS di dalam aspek-aspek berkaitan sebelum dipertimbangkan untuk pengluasan fungsi ke dalam bidang-bidang lain, fungsi penting yang dipertanggungjawabkan kepada MITI sekarang ialah perancangan dan pelaksanaan program-program insentif, penyaluran bantuan-bantuan kewangan, pembangunan pemasaran dan pembangunan infrastruktur. Peneraju pembangunan IKS sepenuhnya hanyalah wajar setelah perbadanan menunjukkan keupayaan lengkap dengan sokongan sumber manusia, kewangan dan kemudahan.

Sehubungan dengan itu, penubuhan Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana ini adalah dengan matlamat untuk:

- (i) menjadi sumber utama rujukan dan maklumat mengenai IKS;
- (ii) meningkatkan penglibatan IKS dalam aktiviti utama perindustrian, dengan izin, 'main stream' negara sebagai asas pengukuhan struktur sektor berkenaan;
- (iii) untuk mewujudkan IKS yang berdaya tanding melalui penggunaan teknologi moden dan teknik pengurusan canggih dan pekerja terlatih; dan
- (iv) untuk menggalak dan membantu penglibatan IKS dalam sektor baru dan pembesaran IKS yang sedia ada supaya berkembang menjadi industri besar.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah mengambil peluang ini untuk menghuraikan ciri-ciri utama Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana 1995, terutamanya berkaitan fungsi-fungsi dan kuasa-kuasa perbadanan. Rang Undang-undang telah memperuntukkan bahawa bagi menjalankan tanggungjawab dengan berkesan, perbadanan hendaklah menjalankan fungsi-fungsi seperti berikut:

- (i) untuk menggalakan dan menyelaras pembangunan IKS di Malaysia;
- (ii) menjalankan kajian-kajian yang berkaitan dengan pembangunan IKS;
- (iii) menjalankan kerja-kerja promosi di dalam negeri bagi menggalakkan pertumbuhan IKS;
- (iv) menubuhkan pengkalan data yang komprehensif dan sistem maklumat bagi program-program pembangunan IKS;
- (v) menjadi pusat pengumpulan, pemerosesan dan penyebaran maklumat-maklumat berhubung dengan IKS;
- (vi) untuk menyediakan sokongan teknikal dan khidmat nasihat pengurusan dengan kerjasama agensi-agensi lain yang terlibat dengan pembangunan IKS;
- (vii) untuk menggalakkan kerjasama di kalangan IKS melalui pencantuman perniagaan, kerjasama teknikal, penubuhan tabung bersama atau perusahaan kerjasama dalam pembelian peralatan gunasama;

- (viii) untuk mendorong rantaian industri dengan industri besar;
- (ix) untuk menggalakkan pembangunan sumber manusia di sektor IKS; dan
- (x) untuk melakukan apa-apa jua perkara lain yang bersampingan dengan atau berbangkit daripada pelaksanaan fungsi-fungsinya.

Bagi menjalankan fungsi-fungsi tersebut, perbadanan ini juga telah diberi kuasa antara lain untuk:-

- (i) mengadakan dan menyelenggara pejabat-pejabat cawangan;
- (ii) melantik agen atau khidmat-khidmat luar;
- (iii) mewujudkan pengkalan data dan sistem maklumat yang komprehensif;
- (iv) mengusahakan aktiviti-aktiviti promosi IKS dengan menyertai pameran perdagangan, seminar dan persidangan dalam/luar negeri;
- (v) menerbit, mengeluarkan, menaja penerbitan atau pengeluaran bahan maklumat di dalam apa-apa media; dan
- (vi) untuk mengenakan bayaran bagi kegunaan mana-mana kemudahan atau perkhidmatan yang disediakan oleh perbadanan.

Secara ringkas, dapat dijelaskan di sini bahawa peranan utama perbadanan ini ialah sebagai pusat sumber utama rujukan dan maklumat mengenai IKS, di samping menjalankan kerja-kerja

penyelarasan aktiviti-aktiviti pembangunan IKS, menjalankan promosi bagi meningkatkan penyertaan IKS dan melaksanakan aktiviti-aktiviti dan program-program tertentu serta menjalankan sendiri fungsi berkenaan dengan kerjasama agensi-agensi yang berkaitan. Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana 1995 ini dicadangkan berkuatkuasa mulai Januari 1996.

Sebagai kesimpulannya, Rang Undang-undang ini adalah untuk membolehkan Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana menjalankan fungsi-fungsinya berdasarkan kuasa-kuasa yang dibenarkan dalam Rang Undang-undang ini bagi mencapai objektif-objektif yang telah ditetapkan bagi dimanfaatkan sepenuhnya oleh industri kecil dan sederhana.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon, mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Minta seorang menyokong.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk menubuhkan memperbadankan Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana dan perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Larut.

4.07 ptg.

**Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan (Larut):** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya bangun untuk membahas Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana 1995.

Tuan Yang di-Pertua, istilah 'naungan' sering dikaitkan dengan perkara penting dalam kehidupan. Sebarang aktiviti sama ada kebajikan, sosial, ekonomi, dan politik yang dinaungi oleh atau bernaung di bawah payung yang mantap, padu dan kukuh, selalunya berpanjangan penglibatan manfaat mahupun hayat kewujudannya. Badan ataupun organisasi yang mengutamakan peranan penaung dalam apa jua komitmen mereka sudah dapat menjangkakan hasil yang bakal dinikmati. Lihat sahaja kepada program makan malam tahunan sebuah pertubuhan misalnya akan dapat menarik penyertaan ramai pengunjung apabila majlis itu dikaitkan dengan nama-nama besar yang menerajui kerajaan mahupun parti politik. Kalau boleh dikatakan orang, inilah tuah atau keunikan mendampingi diri dengan tokoh-tokoh mahupun organisasi yang berjaya dan dikenali umum.

Tuan Yang di-Pertua, dari perspektif yang lain pula, syarikat kecil atau kurang ternama yang bagaikan 'melukut ditepi gantang' boleh mendaki ke mercu kejayaan dengan sekelip mata atau sesingkat waktu dengan menjadikan syarikat gergasi dalam bidang yang sama sebagai naungannya.

Tuan yang di-Pertua, sudah sekian lama pengusaha industri kecil dan sederhana tempatan khususnya yang terlibat di dalam aktiviti perkilangan dan seumpamanya tidak ketentuan arah dan tuju dalam sektor penglibatan

mereka selama ini. Segala masalah yang ditempuh sama ada dalam soal khidmat pengurusan, bimbingan, pembiayaan, pasaran luar dan halangan-halangan semasa telah membantut perkembangan industri yang mereka ceburi. Kini apabila tiba saat bersejarah ini, kita membahaskan Rang Undang-undang Perbadanan khusus untuk menggalak, menyelaras dan membangunkan sektor industri berkenaan bagi kaedah golongan yang terbabit, maka sudah sewajarnya kita memberikan endorsement, dengan izin, yang tidak berbelah bagi untuk mewujudkan suatu naungan yang formal bagi perkembangan pembangunan sektor berkenaan agar dapat berkembang maju sesuai dengan era pembangunan nasional kini.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan perbadanan khusus yang bertanggungjawab untuk membangunkan semua dimensi penting sektor IKS ini dapat menjangkau sempadan masa, budaya dan wilayah menuju hasrat yang dicita-citakan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kepimpinan, inovasi kreativiti dan perancangan yang tersusun dan dibantu oleh sumber pembiayaan serta pasaran luar yang meluas, para usahawan IKS tidak lagi bermimpi di siang hari atau melayan khayalan syurga impian yang tidak kesampaian. Ini komitmen kerajaan yang benar-benar bertanggungjawab, yang tidak hanya sekadar mencanangkan janji palsu atau omong kosong semata-mata tetapi janji manis yang tidak mungkin dimungkiri.

Tuan Yang di-Pertua, tugas dan tanggungjawab perbadanan ini, sudah semestinya dapat mengangkat martabat sumbangan sektor IKS dengan lebih mampan dan berkualiti dengan memperbanyakkan siri dan ruang

kajian barangan pasaran baru, pembinaan industri di lokasi yang strategik menemukan golongan pengusaha IKS tempatan dengan bakal rakan kongsi tempatan dan seberang laut dan lain-lain usaha yang kesemuanya menjanjikan suatu sinar harapan yang akan menceriaikan dunia keusahawanan mereka yang dinaunginya.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan pula pewujudan pengkalan data, penyiaran maklumat, penyediaan khidmat nasihat teknikal serta penggalakan perhubungan IKS dengan industri besar memungkinkan perkembangan pesat yang bakal dinikmati oleh pengusaha sektor ini.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan itulah usahawan bumiputera perlu bersifat lebih aktif dalam bidang keusahawanan dengan meraih peluang yang terbuka luas untuk mereka dalam sektor IKS sejajar dengan perkembangan sektor ini yang menjadi salah satu penyumbang utama kepada ekonomi negara, lebih-lebih lagi dengan wujudnya nanti perbadanan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang sama badan-badan atau institusi kewangan yang peka perlu terus menjadi 'financier', dengan izin, kepada sektor IKS yang dapat, membantu pelaksanaan projek-projek melalui tiga aktiviti seperti kemudahan dan perkhidmatan kewangan, aktiviti pelaburan dan aktiviti pembangunan usahawan. Justeru itu, kerajaan sendiri telah membentuk sebuah Kementerian Pembangunan Usahawan untuk tujuan yang sama.

Berdasarkan harapan yang tinggi sektor pembuatan dan IKS ini, sektor perbankan mesti bersedia dan berperanan secara proaktif bagi memastikan pelaburan swasta tempatan berkembang.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak 11 tahun yang lalu, hampir 200,000 peniaga dan usahawan IKS telah didaftarkan. Tidak dinafikan bantuan melalui pelbagai skim pinjaman CGC menerusi 2,000 cawangan di 37 bank perdagangan dan 41 badan kewangan dapat disalurkan kepada mereka. Kita berharap perbadanan ini yang akan ditubuhkan dapat memastikan lebih banyak bantuan kewangan serta khidmat bimbingan dapat dipanjangkan kepada usahawan IKS ini. Di samping itu pihak perbadanan boleh menjadikan module skim kilang bimbingan satu pendekatan unik untuk diamalkan oleh Bank Pembangunan dan dapat diperluaskan untuk melahirkan usahawan IKS yang berkualiti, berwibawa, berdayamaju dan berdayasaing. Penyediaan bangunan kilang dengan kadar sewa yang berpatutan serta mewujudkan networking perusahaan kepada sektor perkilangan menerusi skim buku panduan projek boleh juga diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, harapan saya dengan pengawasan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri ke atas perbadanan ini serta dengan adanya wakil-wakil Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan, saya percaya kepentingan sektor IKS akan lebih terbela dan dapat terus berkembang dari semasa kesemasa. Tidak dapat dinafikan bahawa dengan peningkatan sumbangan sektor IKS ini nanti dapatlah kita menyaksikan penambahan agihan pendapatan yang bakal dinikmati oleh rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, penglibatan pengusaha, pemilik dan petugas sektor IKS boleh membantu mengurangkan ketidaksamaan jurang pendapatan penduduk, kesan dari penglibatan

mereka akan dapat mewujudkan dan menggalakkan perolehan yang lebih ketara berbanding sektor pendapatan dan upah dalam firma besar dan syarikat antarabangsa yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, segala bantuan dan sokongan kepada pembangunan IKS sudah tentu akan membawa tahap ekonomi negara ke suatu pencapaian yang lebih pesat dan dengan pertumbuhan sektor perkilangan atau IKS yang meyakinkan harapan dan hasrat yang selama ini sekadar igauan para pendukungnya akan menemui titik penghujung yang penuh bermakna.

Tuan Yang di-Pertua, ini hanya akan terlaksana dengan kesedaran kita menyokong penubuhan Perbadanan Industri Kecil dan Sederhana sebagai suatu naungan dan pembelaan yang setimpal dengan sumbangan sektor IKS selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kubang Kerian.

4.17 ptg.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian):** Tuan Yang di-Pertua, dalam membincangkan Usul perbadanan dan pembangunan industri kecil dan sederhana ini, saya ingin memberi beberapa pandangan terutama sekali rungutan pengusaha-pengusaha kecil ataupun Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Sekarang ini Malaysia hendak mengutamakan kualiti disudut barang-barang yang dikeluarkan sebab barang-barang yang tidak berkualiti akan direject oleh masyarakat kerana tekanan diberi

sekarang ini supaya masyarakat menggunakan barang yang berkualiti. Mulai bulan Januari yang akan datang SIRIM akan diswastakan.

Oleh itu, kilang-kilang kecil atau pengusaha-pengusaha kecil ini dalam hendak mempertahankan mutu keluaran mereka, kalau mereka hantar ke SIRIM barangkali caj dikenakan, harga dikenakan begitu tinggi kepada kilang-kilang kecil ini dan mungkin mereka tidak mampu untuk menghantar barang-barang mereka untuk diperiksa sedangkan SIRIM bila diswastakan nanti sudah tentulah akan menaikkan bayaran untuk memeriksa barang-barang keluaran kilang-kilang atau industri tentulah dia akan melayan kepada mereka yang mampu membayar apakah usaha pihak perbadanan ini untuk memastikan bahawa Industri Kecil dan Sederhana mampu mempertahankan mutu dan apakah gantian ada kepada SIRIM untuk bekerja meluluskan dan memeriksakan barang-barang yang dikeluarkan oleh kilang-kilang ataupun Industri Kecil dan Sederhana.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga kita lihat dalam Fasal 21 iaitu perbadanan dibolehkan untuk berniaga iaitu melabur dan sebagainya. Kita janganlah ulang apa yang dibuat ataupun perkara yang tidak kena yang dibuat dalam perbadanan FELDA supaya tidak diulang dibuat di perbadanan ini. Misalnya kita lihat perbadanan FELDA memang kaya-raya mempunyai harta yang banyak tetapi penerokanya berada dalam keadaan yang miskin ataupun ditahap yang agak susah, sedangkan perbadanan itu kaya. Kita juga tidak mahu nanti perbadanan ini membuat kekayaan melabur dan sebagainya sedangkan pengusaha-pengusaha industri itu tidaklah ke tahap mana.



Tuan Yang di-Pertua, seterusnya juga perbadanan ini merupakan satu badan bimbingan, sekarang ini kita lihat terutamanya bumiputera di atas slogan ataupun semangat terutama orang-orang Islam ingin memakai barang-barang ataupun memakan barang-barang yang dianggap suci disudut agama. Hasil daripada kesedaran itu maka timbullah industri-industri baru seperti industri dalam bidang kosmetik seperti Zaiton, Ana dan lain-lain lagi. Pihak perbadanan ini hendak meyokong membantu badan-badan seperti ini supaya bukan sahaja mereka mengeluarkan barang itu suci juga industri-industri sokongan perlu memberi bantuan kepada mereka. Misalnya kalau Zaiton mengeluarkan ubat gigi, ubat giginya, itu memang suci tetapi pihak perbadanan ini juga hendaklah membantu untuk mereka mengeluarkan tiub ubat gigi, tiub ataupun alat tempat meletak ubat gigi itu, begitulah juga bedak dan minyak wangi dan sebagainya. Mereka keluarkan minyak wangi yang suci tetapi botol dan tempat-tempat alat meletakkan minyak wangi itu masih lagi dibeli daripada industri-industri yang lain sedangkan industri-industri yang lain inilah mengaut keuntungan yang lebih banyak daripada ubat yang dikatakan 'suci' itu. Sebab itu, industri sokongan—industri-industri ini ialah industri-industri kecil supaya pihak perbadanan mengambil perhatian supaya pertumbuhan kilang-kilang ataupun industri kecil diperingkat sederhana ini kalau misalnya, dalam usaha hendak membantu bumiputera, kita membantu dari sudut khidmat-khidmat sokongan sehingga barang itu dapat dikeluarkan dengan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga kita dalam bidang usahawan-usahawan ini, kita juga hendaklah pergi ke dasarnya "root"nya sekali. Mestilah

misalnya, dalam hal bumiputera, mereka itu disamping mengusahakan industri kecil, mereka juga mampu mengeluarkannya dari mula hingga akhir. Sekarang ini kita lihat misalnya kalau kita tanya bumiputera, yang duduk di Shah Alam ataupun di kawasan-kawasan elit yang lain, kalau kita tanya mereka "apa kerja?" Mereka sebut bahawa mereka seorang kontraktor-kontraktor jalan raya, kontraktor membina jambatan, membina bangunan. Tetapi kalau kita lihat mereka tidak ada satu mesin pembancuh simen pun, satu lori pun tidak ada, yang mereka ada telefon tangan, office dan seorang kerani dan mereka seorang kontraktor. Ini bererti bahawa keupayaan bumiputera setakat ini hanya memperolehi tender, kemudian disubkan kepada orang lain. Ini yang kita kena lihat secara serius tentang perkara ini.

Keupayaan memperolehi tender, memanglah kita tahu bahawa mereka boleh mendapat tender, kemudian membuat kerja itu terpaksa diserahkan kepada orang lain. Oleh itu kita harap supaya perbadanan ini merenung perkara ini supaya kalau hendak bimbing bumiputera mestilah bimbing daripada awal, bukan memberi ikan kepada mereka, tetapi sepatutnya memberi pancing kepada mereka supaya mereka dapat mencari ikan dengan menggunakan pancing tersebut. Sebab kita lihat munculnya usahawan-usahawan bumiputera, memanglah ada yang berjaya seperti Wakil Rakyat Rompin, tetapi ada juga kita yang keupayaan mereka itu hanyalah sekadar mendapatkan tender kemudian menjadi seorang kontraktor sedangkan kita tidak pernah nampak apabila kita berjalan di tepi jalan, misalnya lori bernama Amad, Dolah atau Karim tetapi kita lihat tetap dengan Ho Hup, Ah Leong dan sebagainya. Sedangkan

kita lihat tender-tender untuk membuat jalan-jalan, membuat projek-projek ini adalah diperolehi oleh orang Melayu atau bumiputera. Perkara ini seperti dalam IKS ini kita arah ke.....

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:**  
(*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen minta jalan.

**Dato' Mohd Noh bin Rajab:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Kubang Kerian. Ada dua fakta tadi yang beliau telah sebut. Pertamanya, beliau telah menyatakan bahawa dalam FELDA walaupun perbadanan FELDA kaya beliau mengatakan peneroka-peneroka FELDA miskin. Jadi, saya hendak tahu daripada mana fakta ini yang mengatakan semua peneroka FELDA miskin. Adakah beliau sedar bahawa ada peneroka FELDA yang mendapat pendapatan lebih daripada RM2,000.00 sebulan. Kalau kita ambil angka untuk tahun 1994, rata-rata peneroka FELDA yang mengusahakan kelapa sawit mendapat pendapatan lebih daripada RM800.00 sebulan. Jadi, saya tidak berapa pasti daripada mana Yang Berhormat Kubang Kerian mendapat perangkaan yang mengatakan bahawa seolah-olah dia berkata peneroka FELDA miskin. Maknanya semua peneroka FELDA miskin.

Fakta kedua, saya hendak beliau menerangkan dengan lebih nyatakan sedikit dari segi 'sweeping statement'nya yang mengatakan bahawa kontraktor bumiputera ada telefon bimbit, tahu ambil tender dan mendapat tender selain daripada itu tidak tahu. Adakah beliau berpandukan kepada statistik atau

adakah beliau membuat satu penyelidikan yang mengatakan bahawa sekurang-kurangnya 80% ataupun 90% daripada kontraktor bumiputera begini sehinggakan beliau boleh menggunakan satu 'sweeping statement' begitu. Saya tidak menafikan bahawa terdapat—mungkin ada beberapa peratusan kontraktor bumiputera begitu, tetapi saya hendak tahu daripada Yang Berhormat apakah penyelidikan Yang Berhormat telah buat sehinggakan semua kontraktor bumiputera begitu? Saya ingin penjelasan ini. Kalau tidak dibetulkan seolah-olah semua peserta FELDA itu miskin. Semua kontraktor bumiputera itu ada telefon bimbit dan hanya tahu ambil tender, beri tender—bila buat, disubkan sahaja. Jadi, saya hendak penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Saya sebut tadi "kebanyakan" bukan semua. Saya baru pergi ke FELDA Chini dan rungutan mereka bahawa harga kelapa sawit misalnya, naik menjelang pilihanraya, selepas pilihanraya turun semula. Jadi, harga turun naik bergantung bila pilihanraya. Begitu juga simen-simen cukup menjelang pilihanraya dan simen tidak ada bila selepas pilihanraya dan simen akan ada bila harganya naik. Ini perkara biasalah dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, soal kontraktor bumiputera berupaya mendapat tender tetapi tidak berupaya menjalankan kerja-kerja, ini bukan rungutan daripada saya sahaja. Rungutan yang paling utama datang daripada Perdana Menteri yang kita kasihi. Telah berkali-kali beliau berucap dan bahawa beliau memberi pandangan tentang keupayaan bumiputera—dia tidak mahu supaya peringkat mereka hanya untuk mendapatkan tender.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Mohd. Jarjis:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Rompin bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Begitulah juga baru-baru ini, misalnya dalam rungutan Perdana Menteri juga—bumiputera menubuhkan syarikat hanya untuk mendapatkan saham. Bila dapat saham, jual saham itu syarikat pun tutup. Ini pun rungutan Perdana Menteri. Adakah wakil dari Tampin tidak suka kepada Perdana Menteri?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Rompin bangun.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Saya hendak mengucapkan penghargaan sedikit dan juga penjelasan. Saya amat kagum dengan kenyataan Yang Berhormat dari Kubang Kerian bahawa beliau kasih dengan Perdana Menteri kita—alhamdulillah, syukur, terima kasih. Tetapi saya hendak tanya sama ada kasih di dalam Dewan sahaja atau termasuk di luar Dewan juga. Kerana dalam ceramah-ceramah lain suarasuaranya. Minta pengesahan sedikit.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Ini tidak kena dengan Rang Undang-undang. Kasih ini, bila kita tegur dan kita hentam itu, kita kasihlah—bukan bodek. Bodek 24 jam itu bukan kasih. Bodek sementara orang itu ada kuasa, bila tidak ada kuasa jadi macam Encik Ghafar Baba, siapa pun tidak peduli kepada dia. Kamilah yang ziarah dia sekarang. Jadi, janganlah tunjukkan kasih hanya bila orang itu berkuasa.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Kami tetap menjaga pemimpin kami. Tetapi saya ingat puak PAS tidak ada. Banyak sudah yang

tidak lagi menjadi pemimpin PAS—tengok apa yang berlaku kepada mereka—Misalnya Asri, katanya lebih teruk daripada ahli UMNO lagi. Kita teruskanlah ucapan kepada Akta.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Memang teruk, kalau tidak sakit lagi—banyak lagi rungutan dari bekas Menteri—bekas Menteri Besar Perlis dahulu ada rungutannya, itu kita ada semua kerana kita berkawan semua. Jadi, janganlah kita tunjukkan kasih yang lebih-lebih kepada orang yang berkuasa, kita kritik pun tidak boleh tetapi bila orang itu tidak berkuasa nanti, rumah dia siapa pun tidak ziarah.

**Dato' Mohd Noh bin Rajab:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen bangun lagi.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Balik kepada tajuklah, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Mohd Noh bin Rajab:** Sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Hendak beri jalan atau tidak?

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Saya bangun tadi cuma hendak membetulkan statement ataupun hujah Yang Berhormat itu. Yang Berhormat itu tadi membuat 'sweeping statement'. Tetapi apabila saya sudah tegur, dia betulkan balik, maknanya sebahagian sahaja. Jadi, kalau begitu ucapan beliau yang asal tadi, saya pun tidak ingin untuk membetulkan. Berkenaan sama ada saya kasih atau pun tidak kepada pemimpin, Yang Berhormat itu tidak perlu tahu dan tidak perlu pertikaikan kerana dalam perkara ini semua orang

kerajaan atau Ahli Barisan Nasional faham dan berkenaan dengan prestasi saya di Tampin, untuk pengetahuan Yang Berhormat, PAS lawan saya kalah—hilang deposit, bekas Ahli S.46 lawan saya hilang deposit juga. Kalau Yang Berhormat hendak cuba, datanglah ke Tampin, tengok hilang deposit atau tidak.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tahniah, tetapi siapa lawan saya jadi Menteri, itu sahaja kelebihan. (*Ketawa*). Tuan Yang di-Pertua, saya balik kepada tajuk—kalah pun jadi Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu dalam IKS ini kita harap dapat membimbing bumiputera, seperti yang saya kata tadi, supaya kita betul-betul melahirkan mereka ini usahawan-usahawan di peringkat kecil dan sederhana ini ke arah mereka supaya bekerja dan melahirkan usahawan-usahawan yang besar. Sebab sekarang ini kita nampak di Malaysia ini macam terbalik. Syarikat-syarikat besar, kita nampak pengerusi-pengerusinya kebanyakannya bumiputera tetapi bila kita pergi ke bawah, misalnya kalau kita lihat kedai-kedai 'spareparts' di Semenanjung Malaysia, kita hendak cari bumiputera, payah. Begitu juga kedai-kedai pengedaran barang-barang yang lain. Kita masih lihat bahawa bumiputera masih lagi di peringkat pengguna tetapi syarikat-syarikat besar seperti HICOM dan sebagainya itu dikuasai pengerusi dan juga eksekutifnya oleh bumiputera.

Oleh itu kita lihat dari segi 'base economy' dan 'base industry'nya kita masih lagi belum sampai ke tahap yang boleh memuaskan kita di peringkat menyediakan peluang-peluang untuk mereka bertapak terutama dalam industri kecil pada masa yang akan datang.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, peluang untuk mendapatkan pinjaman. Peluang untuk mendapatkan pinjaman untuk membangunkan industri kecil ini amat sukar. Kadang kala ianya indah khabar dari rupa. Selalunya pihak perbadanan termasuklah Bank Pembangunan, kertas kerja yang dikemukakan oleh mereka yang hendak buat industri kecil ini, kadang kalanya tidak dilayan tetapi pinjaman lebih mudah apabila industri kecil ini telah pun berjaya, telah mengeluarkan hasil, hendak membuat pinjaman tambahan, itu kadang kala lebih mudah. Tetapi bagi bumiputera, hendak memulakan kerja itu, mereka tidak mempunyai modal.

Oleh itu kita harap bahawa kesulitan yang dialami oleh peniaga-peniaga kecil dan sederhana itu, yang susah mendapat daripada perbadanan yang lain ataupun Bank Pembangunan, maka kita harap perbadanan ini akan memberi peluang. Kalau kita yakin setelah diinterview bahawa mereka mengemukakan kertas kerja yang baik dan barang-barang yang akan dikeluarkan itu mendapat pasaran dan kita tahu bahawa ianya diperlukan, maka kita memberi sokongan dengan memberi pinjaman dan sebagainya walaupun mereka ini di peringkat mula untuk menerjunkan diri dalam bidang IKS ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat pula taburan kilang-kilang ataupun usaha-usaha kecil ini hendaklah diberi diseluruh negara supaya ia berkembang di seluruh negara terutama sekali. haraplah tidak ada diskriminasi politik kepada orang-orang Kelantan kerana orang-orang Kelantan memang terlibat dalam industri-industri kecil iaitu industri batik ataupun industri sokongan kepada industri batik, industri-industri seperti keropok dan

industri sokongan kepada industri yang keluaran dari laut dan sebagainya. Semua ini perlu dibantu oleh pihak kementerian dan perbadanan ini untuk membantu industri kecil tanpa mengira latar belakang politik.

Kemudian, penubuhan keanggotaan perbadanan ini, kita harap diletakkan orang-orang yang ada bakat, yang ada pengetahuan dalam bidang industri kecil. Jangan letak misalnya orang-orang politik semata-mata tetapi kita letak orang-orang yang boleh mengeluarkan idea-idea. Bukan kita meletakkan orang-orang politik untuk menyusun penuh kuota kerana mereka ini kalah Ketua Bahagian, hendak jaga hati dia, kita letak jawatan ini. Kawan ini misalnya tidak dapat jadi calon, kita letak tempat ini. Maka, kalau kita membahagikan tidak mengikut profesional kebolehan mereka, maka terbantutlah usaha-usaha untuk membantu IKS khasnya secara umum kepada bumiputera. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Rompin.

4.34 ptg.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis (Rompin):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut menyertai perbahasan Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana 1995.

Izinkan kami mengucapkan syabas kepada kerajaan, khususnya MITI kerana mewujudkan satu Akta yang amat sesuai sekali. Mungkin tidak keterlaluan kita mengatakan benda ini agak terlambat sedikit. Mungkin Akta ini perlu diwujudkan terlebih awal lagi. Namun demikian, usaha ini amat baik dan perlu disokong dari segi usahanya membangunkan IKS.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat dari segi kekuatan ekonomi, kita bangga dengan usaha kerajaan mewujudkan industri-industri besar, kejayaan kita dalam PROTON, kejayaan kita dalam HICOM. Namun demikian, banyak daripada rakyat Malaysia, dengan izin, man on the street yang melibatkan diri dalam industri-industri perniagaan kecil tertanya-tanya apa pula bantuan kerajaan, usaha kerajaan memastikan kepentingan mereka juga dijaga.

Saya amat yakin sekali, dengan tertubuhnya perbadanan ini menunjukkan bahawa kerajaan amat peka dan sensitif untuk membangunkan kepentingan ekonomi orang-orang kecil, 'the man on the street' yang saya katakan tadi.

Kalau kita rujuk kepada Seksyen 12, kita amat bangga benar daripada (a) sampai (j), peruntukan-peruntukan telah dibuat bahawa perbadanan dari segi fungsi dan peranannya amat jelas akan membawa manfaat yang besar kepada usahawan-usahawan kecil dari segi permasalahan-permasalahan 'networking' dan lain-lain lagi. Khususnya kalau kita lihat bahawa perbadanan ini kita harap dapat merupakan satu 'one stop agency'. Sekarang ini kita mendengar badan-badan, kementerian-kementerian masing-masing ada program pembangunan usahawan mereka. Masing-masing ada program pembangunan IKS mereka tetapi ia tidak memberikan satu khidmat nasihat yang lengkap 'A' sampai 'Z' dengan izin.

Harapan kita ialah dengan adanya perbadanan ini, satu masyarakat negara kita orang Malaysia termasuk bumiputera dan saya kagum tadi dengan Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian. Saya bilang dekat 12

kali dia sebut nama 'bumiputera', hanya 2 kali sahaja 'Islam'. Jadi, tidak tahulah sudah ada perubahan. Mungkin PAS hendak bergabung, tukar nama 'PAS' jadi 'S.46', tidak tahulah. Dia lebih kepada 'ethnicity'. Ini ada perubahan baru saya nampak. Sayang pula Perdana Menteri dengan terbuka. Ini kita mengucapkan syabaslah kepada Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian. Kalau hendak masuk ke sebelah kita pun boleh juga, tidak bersurat pun tidak apa. Hendak beri dia jadi Menterikah kalau dia masuk UMNO? (*Ketawa*) Boleh? Timbalan cukuplah. Boleh timbang, setakat Timbalan cukuplah. Menteri itu tinggi sangat. Tetapi betul, saya mengucapkan syabaslah kerana jarang benar kita bersetuju dengan pihak PAS tetapi dalam hujah-hujah tadi saya menerima baik pandangan beliau. Kita menerima baik.

Kalau hendak membantu usahawan kecil ini, saya bersetuju dengan beliau, kita beri pancing, jangan beri ikan. Kita mesti memberikan mereka cara untuk mendapatkan kehidupan mereka, cara hendak berniaga, bukan beri tender. Oleh kerana itu, dengan adanya badan ini, seseorang pengusaha sama ada mereka ini merupakan pengusaha baru ataupun pengusaha yang ada tetapi ada masalah, mereka ini dapat berhubung terus dengan badan ini untuk membantu permasalahan-permasalahan mereka. Kita tahu dan kita lihat bahawa permasalahan itu banyak, bermula daripada masalah pemasaran dia, rangkaian dia dan bekalan dia. Kalau masalah seorang pemborong, dia dapat kerja RM1 juta, kalau dia tidak ada 'networking' yang baik, ada hubungkait dengan pembekal, semua barang dia, sama ada barang itu yang perlu dihantar berupa simen, batu bata, besi, semuanya kena bayar dengan 'cash', tidak ada kredit.

Tetapi kalau dia ada rangkaian yang baik, hanya dengan telefon sahaja—ada gunanya telefon, Yang Berhormat, bukan tidak ada gunanya,—dengan telefon bimbit sahaja, esok semuanya sudah sampai; simen, batu-bata, besi, semuanya ada. Kerana apa dia boleh buat? Kerana ada rangkaian yang baik.

Dalam masalah bumiputera, saya bersetuju dengan beliau bahawa masyarakat bumiputera masih lemah rangkaian ini. Saya nampak di situ, dalam 12(g), matlamatnya tadi, untuk menggalakkan kerjasama di kalangan industri kecil, dengan izin, dengan penubuhan rangkaian. Ini saya mengucapkan syabas kepada kerajaan yang meletakkan bahawa permasalahan rangkaian atau the networking ini memerlukan salah satu usaha yang perlu dibela dan dibantu oleh Perbadanan nanti. Selain daripada permasalahan networking, banyak permasalahan yang dihadapi oleh usahawan kecil ini baik bumiputera ataupun tidak. Kaum India—permasalahan teknologinya atau keupayaannya untuk melaksanakan kerja tidak ada. Mungkin semangat dan kegigihannya ada, tetapi dari segi kemahirannya, kurang.

Misalannya dalam bidang saya—kalau orang itu hendak jadi kontraktor elektrik, dia mesti ada orang yang mempunyai kepakaran dalam chageman. Tetapi dia sendiri pun, belajar bahagian elektrik hanya sekolah biasa. Bagaimana dia boleh ada kepakaran chageman? Kalau tidak ada kepakaran chageman, mereka tidak boleh memasuki tender atau kerja elektrik. Tetapi mungkin dengan adanya Perbadanan ini, rangkaian boleh diberi kepada mereka yang ada kepakaran ini, tetapi dia tidak ada minat. Kadang-kadang orang itu dia

ada kepakarannya, Yang Berhormat, tetapi tidak ada minat hendak berniaga. Jadi kita boleh hubungkaitkan mereka yang berkepakaran dalam satu bidang dengan mereka yang ada minat untuk berniaga. Bila ada rangkaian ini, kita boleh wujudkan satu kumpulan usahawan yang boleh berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, kita harap juga, dengan adanya Perbadanan ini, masalah-masalah tradisional yang dihadapi oleh semua usahawan di negara kita, kita harap dengan izin, the matter of the past.

Kita masih dengar yang hendak berniaga ada lagi masalah hendak mendapatkan tempat hendak berniaga. We hope, dengan izin this history—kita ada lagi dengar orang yang berniaga ada lagi masalah kewangan. Berapa bank telah diwujudkan oleh kerajaan? Berapa bank yang ada, tetapi mengapa mereka yang berniaga ada projek yang viable, tetapi masih lagi ada masalah kewangan? Banyak bank ditubuhkan.

Saya setuju dengan yang Berhormat tadi, ini saya kena setuju. Dia hantar working paper, tetapi tidak ada connectionnya—3 bulan pun kertas kerja tidak di baca. Kalau tidak mahu benda ini perkara of the past supaya kita boleh melangkah ke dekad yang akan datang dengan satu kaedah yang berbeza.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya, kadang-kadang pihak bank ini pun juga, dia beri pinjaman, tetapi dia beri tak cukup. Macam kita kata, seolah-olah beri pinjaman itu, kata kita hendak buat bangunan, dia beri untuk pacak tiang sahaja. Untuk hendak buat bumbung dan hendak buat dinding, tak beri. Jadi bila sampai sekerat jalan, mai hujan, teruklah kawan ini.

Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju kalau pihak bank ini, dia kalau hendak beri, dia kena betul-betul, bukan boleh main-main. Ini berniaga! Masalah bank ini, pada pandangan saya, musim kita untung, dia mahu; musim kita rugi, dia lari. Jadi yang mana satu Yang Berhormat? Kalau kita minta kementerian ini mengetatkan lagi—bank ini kenalah bantu sepenuhnya. Macam mana, Yang Berhormat setuju tak dengan saya ini?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Saya bersetuju benarlah. Ada pepatah mengatakan, “bila musim panas, pihak bank berikan payung; bila musim hujan, ditariknya payung”. Kita mintalah supaya pihak bank ini, tak mahu dengar lagi masalah tradisional usahawan. Saya mengatakan usahawan ini keseluruhan—usahawan Malaysia, bumiputera, kaum India, kaum Cina pun yang kecil-kecil ada masalah. Bukan bermakna semua orang Tionghua yang Cina ini yang berniaga tidak ada masalah. Tidak. Ada masalah. Sebab sudah ramai MCA, saya boleh bertanyalah! Kalau dahulu tak boleh bertanya, DAP ini tidak bercakap benda yang benar! Bila sudah ada suara majoriti itu, barulah kenyataan yang benar yang keluar, kalau tidak DAP ini, benda yang tidak benar yang keluar, yang benar, tak keluar.

Satu lagi perkara yang menjadi masalah juga kepada usahawan-usahawan kecil ini ialah pasaran. Memang baik kita perbanyakkan industri-industri kecil. Permasalahan ini dihadapi terutama oleh mereka di luar bandar. Di luar bandar kalau kita lihat, mungkin Yang Berhormat sedia maklum, yang duduk di luar bandar, ramai yang ada kepakaran kerja-kerja besi, kerja-kerja kemahiran yang baik, tetapi barang-barang yang mereka buat



itu tidak ada pasaran. Mengapa tidak nanti bila Perbadanan ini ditubuhkan, hubungkan keupayaan IKS yang ada di luar bandar ini dengan mereka yang boleh membeli—the mother industry atau ibu industri yang besar yang boleh membeli?

Kita pastikan kalau boleh—ini syor saya, kalau boleh projek-projek besar kerajaan certain percentage pembeliannya yang boleh dibuat bagi industri kecil mesti kita paksa mereka ini beli daripada luar bandar. Kalau tidak apa dia kata, dia panggil quotation, ataupun kalau ada kerja besi, dia panggil quotation kepada yang dia tahu. Kepada yang dia tahu hanya di bandar sahajalah.

Tetapi kalau kerajaan boleh membuatkan dasar, bukan sahaja kita membangunkan industri kecil, tetapi mahu IKS ini diluar bandar, kaviet lebih sedikit—luar bandar. Kita tidak boleh mengatakan yang luar bandar tidak ada kepakaran, mereka ada. Tetapi masalah mereka bukan kepakaran. Saya rasa masalah mereka, pasaran. Betul ya, Yang Berhormat Libaran? Hari itu lawa gambar keluar dalam kes nelayan.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Yan bangun.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Saya hendak habak, Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat. Yang dok kerja dalam pekan hari ini pun yang pakarnya berasal dari luar bandar. Jadi, fasal apa industri ini tak mahu pergi di luar bandar? Bila kita pergi ke luar bandar Tuan Yang di-Pertua, selesai

masalah sosial. Masalah karaoke, masalah keluar malam, balik siang ini selesai Tuan Yang di-Pertua. Fasal hari ini, banyak orang kampung, bila mai kerja di pekan, di bandar, dia berasa cultural shock, dia lupa.

Jadi yang ini, saya bersetuju sangat! Saya minta industri-industri kecil ini masuk ke luar bandar. Jadi pertamanya, cost of labour pun tak mahal. Tak payah kita beri kuarters atau sebagainya. Selepas kerja, balik duduk dengan anak bini di rumah elok-elok. Jadi, Yang Berhormat setuju tak dengan pandangan saya itu?

**Dato' Dr Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Setuju benar Yang Berhormat. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu memberikan tumpuan kepada luar bandar. Kalaulah industri-industri besar ini boleh ditubuhkan di sesuatu tempat, tetapi industri yang boleh kita bawa ke luar bandar ialah industri kecil. Kalau tidak ada penumpuan tertentu memastikan industri kecil ini, kita berikan satu tumpuan yang khusus, maka amat malang nanti. Kita akan melihat satu perkembangan ekonomi di negara kita yang amat pesat. Negara kita dengan GNP yang amat tinggi yang baik, tetapi ada lagi kelompok-kelompok tertentu di luar bandar khususnya yang masih ketinggalan.

Saya yakin negara, kerajaan dan rakyat tidak mahu ini berlaku. Kalau boleh saya mengambil kesempatan ini mengalu-mengalukan, dalam Bahasa Inggeris, we welcome our brothers, Members of Parliament from Kenya (*Tepuk*) Hon. N.K. Biwott; Hon Boy Juma Boy; (*Tepuk*) Hon. Col. R.J. Kiluta; and members of his delegations, Mr. Lawi, Mr. Osea and Mr. Bill. (*Tepuk*) Dengan izin, we hope you will



have a pleasant trip in Malaysia, may be in future we have our pleasure to return your visit to our country. (Tepuk)

Berbalik kepada Akta tadi, bahawa saya mohon kepada kementerian dengan adanya pembangunan IKS ini, dari segi taburan industri hendaklah kita pastikan di luar bandar. Kalau perlu kita adakan peraturan-peraturan tertentu, minta tolong buat. Tadi peraturan tertentu dari segi memberikan bantuan kewangan. Tetapi kita perlukan bantuan tertentu. Misalannya, ada tiap-tiap tahun kerajaan membeli perabot. Mengapa tidak kita pastikan juga 20% atau 30% pembelian ini kita pastikan dibeli daripada luar bandar dan kadang-kadang kala yang bekerja dalam bandar seperti Yang Berhormat dari Yan kata mereka ini datang dari luar bandar. Sudah ramai sekarang kita dengar peneroka-peneroka FELDA, mereka ini bekerja di Kuala Lumpur. Mereka balik ke kampung hari Jumaat, Sabtu dan Ahad; empat hari, lima hari, bekerja di Kuala Lumpur. Dengan adanya tumpuan begini bahawa perbadanan ini, agendanya kalau boleh tolonglah agenda luar bandar. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, tokoh Pemuda baru dan harapan negara pun amat tinggi untuk 'the future generation', rupa pun segar, orang rumah pun susah hati kadang-kadang. (Ketawa)

Perkara yang satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, ialah tentang sektor yang perlu ditumpukan. Ada dua perkara; pertamanya kalau boleh kita bimbang juga penumpuan sektor-sektor tertentu ini amat kurang penyertaan bumiputera. Kita mahu kalau boleh penyertaan tiap-tiap industri itu melambangkan Malaysia, penyertaan semua kumpulan dalam negara kita. Hari ini saya boleh setuju dengan Yang

Berhormat dari Kubang Kerian, macam spare parts kurang. Sudah ada, tetapi perlu galakan. Bidang-bidang teknikal pun kurang. Mungkin pembangunan badan ini boleh memberikan atau memikirkan satu strategi yang tertentu bagaimana hendak meningkat dan menggalakkan penyertaan bumiputera dalam sektor-sektor yang amat kurang. Ini sekarang. Yang penting juga ialah industri yang akan datang. Tumpuan kita perlu juga difikirkan bagaimana hendak membangunkan 'industries of the futures' ini supaya ada penyertaan SMI lebih awal.

Kita bimbang nanti, katalah kita bangunkan satu industri besar tetapi barang-barang, alat-alat dan komponennya masih dibeli dari Jepun, ini berlaku. Ditubuh industri yang besar baratus juta, tetapi secondary industrynya tidak ada keupayaan membekal alat-alat ini. So, secondary industrynya masih lagi dihantar ke Jepun. Komponen-komponen ini masih dibeli daripada Jepun atau negara-negara lain kerana tidak ada keupayaan negara kita dalam secondary industry bidang-bidang ini. Bermakna dalam bidang seperti aviation, software, pharmaceutical, material sciences; kita perlu menyediakan kepada mereka yang berminat; kita sudah ada anak-anak muda Malaysia sekarang ini yang belajar di luar negara sudah ada kepakaran ini, tetapi perlu kita bimbing mereka. Berikan kemudahan kewangan seperti venture capital, maklum sahajalah mereka ini pulang dari luar negara. Kepakarannya ada, pengalamannya ada. Mereka bekerja dengan multi-national di luar negara. Ada semangatnya, ada kepakarannya—'fulus tidak ada pak!' Cakap Indonesia sedikit. Ini saya ingat kalau boleh kita adakan satu bentuk kewangan (funding) seperti venture capital kita satukan keupayaan mereka itu.

Maknanya kita lebih proaktif dalam tindakan kita. Jangan kita bangkitkan dalam Perhimpunan Agung UMNO kekurangan penyertaan orang Melayu bumiputera, mengenai kekurangan penyertaan dari segi masyarakat dalam negara kita dalam satu bidang, baru kita buat tindakan. Saya rasa orang muda perlu bertindak lebih proaktif. Saya yakin bahawa Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh mengambil ini sebagai satu usaha. These are the future industries for next century. Menanglah Naib Ketua, kalau saya sudah jual. (*Ketawa*)

Dalam perkara ini, saya minta juga banyak sangat badan kita dengar yang ada. Macam MARA ada usahanya. SIRIM cukup dengan skim inkubatornya. PROTON dengan skim vendornya. Ini bagaimana nanti? Adakah penyelarasan skim-skim ini? Kita mengucapkan syabas kepada Menteri Pembangunan Usahawan, baru-baru ini beliau ada membuat satu council, panggil pakar-pakar dalam negara kita memikirkan sesuatu untuk membentuk, untuk melipat gandakan lagi usaha untuk membangunkan usahawan-usahawan ini. Saya harapkan bahawa badan ini juga ada penyelarannya dengan badan-badan agensi lain yang dari segi niatnya tetap untuk membangunkan usahawan tetapi kita tidak mahu tugas-tugas ini bertindih antara satu sama lain. Harapan kita ialah supaya dapat diselaraskan semua usaha-usaha ini, peruntukan-peruntukan kewangan yang banyak dikeluarkan supaya kita dapat mencapai matlamat kita yang amat murni iaitu untuk meningkatkan lagi penyertaan dalam industri kecil dan sederhana ini.

Yang akhirnya, dari segi pengurusan badan ini. Badan ini ibarat pepatah hendak melatih orang berenang. Kalau kita hendak melatih orang berenang, kalau kita sendiri tidak tahu hendak

berenang, bagaimana? 'Enggak bisa pak', saya rasa. Bermakna kalaulah satu badan itu hendak melatih, hendak membimbing usahawan kecil; kita mahu hati mereka, jiwa mereka, pengalaman mereka mesti mendekati dan memahami sepenuhnya permasalahan ini. Maknanya pengalaman mereka ini yang mentadbir mestilah juga sekurang-kurangnya ada pengalaman di dalam perniagaan.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat dari Rompin.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Penjelasan?

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Ya. Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Teruskan.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Yang Berhormat dari Rompin, tadi Yang Berhormat kata bila hendak ajar itek berenang. Hendak ajar burung terbang. Adakah Yang Berhormat bersetuju? Saya nampak di sini seorang Pengerusi, Timbalan Pengerusi, seorang wakil Kementerian Kewangan, seorang wakil Unit Perancang Ekonomi, Ketua Pengarah Eksekutif Perbadanan. Tidak termasuk di dalam ini barangkali tokoh-tokoh ahli perniagaan berjaya. Mungkin kita ambil dari dewan-dewan perniagaan, tokoh-tokoh ini kita letak sebagai penasihat kerana mereka ini orang yang berpengalaman dalam perniagaan. Pegawai Kerajaan cekap dari segi pentadbiran. Yang itu saya tidak nafikan. Saya puji mereka ini, termasuk pegawai-pegawai yang ada di sini, semua ini baik-baik belaka. Tetapi dari segi perniagaan, benda ini bukan boleh

main-main. Perniagaan ini satu budaya. Kalau kita tidak erti, sangkut. Jadi, kita tidak tahu masalah di bawah. Jadi, saya hendak mencadangkan kalau Yang Berhormat bersetujulah dan kementerian bersetuju; kita lantik seorang tokoh perniagaan ataupun ahli perniagaan sebagai menduduki perbadanan ini untuk memberi pandangan dari sudut perniagaan supaya mereka ini mengerti masalah yang dihadapi oleh peserta-peserta ini.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju benarlah. Bukan hanya sekadar di peringkat Lembaga ada adunan pentadbir dan mereka berlatar belakang usahawan. Tetapi dari segi pengurusan badan itu sendiri, mengapa tidak juga kita ada dari segi pengurusan badan ini, ada juga adunan dari segi pakar-pakar pentadbir dan juga ada pengalaman dalam usahawan, bidang-bidang kewangan, bidang-bidang perniagaan, boleh juga mereka ini diambil dalam perkhidmatan perbadanan ini.

Yang terakhir, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak satu sahaja, dari segi sumber hendak memastikan badan ini berjalan dengan baik. Saya bimbang sebab semuanya saya nampak banyak dari segi sumber kewangan, banyak daripada (a) wang pelancaran; (b) apa-apa jumlah yang diperuntukkan oleh kerajaan; (c) apa-apa jumlah yang dipinjam. Sampai ke (c) semuanya daripada kerajaan. Saya tidak sempat baca ke bawah. Tetapi saya nampak pun tidak ada juga. Kalau ada pun derma sahaja dari pihak swasta. Bagaimana dari segi sumber ini? Minta penjelasan sedikit daripada kementerian.

Adakah kementerian hendak mencadangkan suatu sumber pendapatan yang boleh badan ini bergantung atas diri sendiri? Levikah

atau pun sumbangankah? Mengapa tidak industri-industri yang besar. Jangan kenakan levi kepada industri yang kecil pula. Jangan pula kita kenakan levi kepada mereka yang minta bantuan, kita kenakan cajnya, 'on time charge', dengan izin, contohnya. Kita tidak mahu begitu. Tetapi mengapa tidak kita menjadikan ini satu tanggungjawab sosial oleh industri besar bahawa dalam mereka ini hendak membangunkan industri kecil 'they must contribute', dengan izin. Satu tanggungjawab sosial. Kenakan sedikit levi kepada industri yang besar. Tanggungjawab mereka membangunkan industri kecil. Kota Melaka setujukah?

Kota Melaka setuju atau tidak? Dia kalau ayah dia tidak ada, dia tak concentrate. (*Ketawa*) Minta maaf, minta maaf. (*Ketawa*) Saya tarik balik. So, dengan itu saya mengesyorkan supaya memikirkan cara bagaimana sumber pendapatan badan ini supaya badan ini boleh mendapatkan satu sumbangan pendapatan atau revenue agar boleh mereka ini berjalan atas kaki sendiri. Tak payah tiap-tiap tahun minta budget pada kerajaan. Sebagai bantuan boleh, tetapi seeloknya akan datang mereka ini boleh berdikari dengan harapan supaya akta ini akan mendapat kejayaan semua masyarakat Malaysia, bumiputera, kaum India dan semua kaum di Malaysia ini, benar-benar akan mendapat manfaat dari segi menjadi mereka yang berminat untuk menjadi usaha di seluruh masyarakat Malaysia akan mendapatkan satu kemajuan yang amat baik. Saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Cheras.

5.01 ptg.

**Tuan Tan Kok Wai (Cheras):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk menyatakan di sini bahawa Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana 1995 yang dibentangkan dalam Dewan ini boleh dianggap sebagai telah lewat kerana ia merupakan subjek hangat yang sentiasa dibangkitkan pada masa dahulu oleh banyak pihak termasuk DAP yang mana hanya sekarang baru menjadi kenyataan.

Saya berpendapat bahawa sektor industri kecil dan sederhana memang memerlukan pihak berkuasa pusat yang berperanan untuk menggalak dan membangunkan IKS. Oleh yang demikian, kehadiran Rang Undang-undang ini adalah penting dan sudah lama ditunggu kerana masalah dalam IKS adalah pelbagai dan rumit. Kelewatan kehadiran Perbadanan Khas yang menjaga IKS boleh menunjukkan bahawa Kerajaan pada masa yang lampau kurang memberi ketegasan terhadap sektor ini selama ini berbanding dengan sektor industri berat sedangkan IKS selama ini mengambil peranan utama dalam ekonomi dan industri negara. IKS telah menyumbang lebih kurang 90% daripada jumlah pengeluaran sektor pembuatan.

- Oleh itu saya berharap dengan penubuhan Perbadanan Pembangunan IKS berbagai-bagai masalah yang membelenggui sektor ini dapat diberi perhatian utama. IKS menghadapi berbagai-bagai masalah seperti pengurusan, modal dan kewangan, kredit, perniagaan, pengetahuan teknologi, pemasaran, pengedaran dan hal yang bersangkutan dengan undang-undang dan peraturan Kerajaan.

Pertamanya, masalah lokasi dan tapak IKS. Bilangan kilang IKS yang beroperasi secara haram tidak tersusun, tidak mempunyai lesen dan kebenaran dan yang beroperasi dalam kawasan yang bukan zon industri bukanlah kecil. Oleh kerana itu, adalah diharapkan dengan penubuhan Perbadanan ini masalah mencari tapak yang sesuai dapat diatasi. Perbadanan harus berkoordinasi dengan pihak berkuasa kerajaan negeri dalam mengenalpasti tapak IKS. Premium tanah bagi tapak IKS perlu dalam kemampuan pengusaha IKS. Tanah untuk IKS hendak dibuka lebih banyak terutama kawasan-kawasan baru dan dijual pada kadar harga yang rendah di samping menyediakan kemudahan asas secukupnya.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang kedua yang dihadapi oleh IKS ialah modal dan kredit untuk memulakan dan meneruskan operasi perusahaan. Pengusaha IKS sukar mendapat bantuan pinjaman bank dan institusi kewangan kerana skil operasi mereka kecil dan banyaknya dianggap berisiko tinggi. Pada hakikatnya pihak bank dan institusi kewangan lebih berminat menyalurkan bantuan kepada industri besar. Oleh yang demikian, pengusaha IKS terpaksa menyelesaikan masalah kewangan mereka sama ada mencairkan simpanan mereka atau meminjam dari keluarga dan kawan-kawan. Kredit seperti ini memang terhad.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun ada satu tabung yang pernah ditubuhkan di kementerian di mana pemohon-pemohon daripada usahawan-usahawan IKS boleh membuat permohonan. Tetapi saya difahamkan hanya sebahagian kecil tabung ini diluluskan kepada pemohon-pemohon. Bukan pemohon-pemohon tidak berminat tetapi adalah di-

sebabkan oleh penerangan yang tidak mencukupi dan juga prosedur permohonannya adalah penuh dengan red tape.

Tuan Yang di-Pertua, Perbadanan patut berupaya menyelesaikan bantuan kewangan yang dipohon oleh pengusaha IKS. Perbadanan juga patut mengambil peranan bersepadu dalam menyalurkan bantuan kepada pengusaha IKS.

Berkaitan dengan pengurusan dan penggunaan teknologi dalam industri, didapati bahawa hanya 8% sahaja IKS yang menggunakan teknologi terbaru. Selebihnya masih menggunakan mesin lama yang mampu menghasilkan pengeluaran terhad sahaja. Ini menunjukkan kualiti barangan rendah kerana produktiviti rendah dan kurang bermutu. Sebab utama IKS tidak menggunakan mesin baru kerana pengusaha menghadapi tidak cukup modal, para pekerja tidak dilatih untuk menggunakan mesin baru. Adalah penting Perbadanan ini kelak memastikan IKS memasuki era penggunaan teknologi moden secara berperingkat-peringkat yang mana Perbadanan mengambil daya usaha melatih gunatenaga IKS melalui kerjasama banyak pihak.

Tuan Yang di-Pertua, bidang pengurusan sangat penting dalam usaha memaju dan membangunkan IKS, apatah lagi dalam usaha menyediakan IKS yang menggunakan teknologi moden. Apa yang berlaku selama ini, kebanyakan IKS dijalankan secara tradisional, secara keluarga yang mana pengurusan bergantung kepada pengalaman dan mereka tidak ada pengetahuan pengurusan moden. Oleh itu, mereka tidak dapat bersaing dengan IKS moden dan industri besar.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa IKS boleh memainkan peranan

industri sokongan kepada industri besar atau berat. Malangnya di Malaysia peranan yang dimainkan oleh IKS selama ini boleh dianggapkan kecil dan tidak berkesan.

Saya memberi contoh negara Jepun, Taiwan dan Korea Selatan yang mana IKS dan industri besar saling bergantung. IKS di sana memainkan peranan dan sumbangan yang begitu besar dan penting kepada industri besar. Dalam kebanyakan perusahaan perindustrian di negara-negara tersebut segala alat dan komponen dikeluarkan oleh IKS manakala industri besar atau induk hanya memasang sahaja.

Di Malaysia, sebagai contoh, PROTON mungkin boleh dianggapkan mempunyai hubungan yang agak baik dengan IKS pembekal. Akan tetapi dalam bidang lain perhubungan dan saling bergantung tidak wujud. Sesetengah barang IKS terpaksa dipasarkan bersendirian. Walaupun Malaysia mempunyai dasar local content tetapi di Jepun, Taiwan dan Korea Selatan misalnya, dasar local content ini dikuasai oleh IKS di sana. Bolehlah dikatakan bahawa dasar local content di Malaysia masih gagal. Malaysia patut belajar daripada negara-negara tersebut yang berjaya mengeksport keluaran mereka manakala IKS kita hanya untuk kegunaan dan pengedaran dalam negara sahaja. Di negara-negara tersebut, industri induk mengambil daya usaha menyalurkan bantuan teknologi latihan kewangan kepada IKS sehingga mereka mampu beroperasi sendiri. Tetapi di negara kita, kita masih belum melihat komitmen industri besar terhadap IKS.

Saya ingin merujuk di sini pengumuman Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri kepada wakil-wakil IKS dalam bulan Februari

1993 yang mana beliau mengumumkan bahawa kementerianya mengambil 5 langkah untuk membangunkan IKS iaitu:-

Pertama, meluaskan perancangan dan memajukan IKS pembekal sebagai dalam kes pembekal-pembekal PROTON.

Kedua, memperkukuhkan perhubungan IKS dengan industri induk dan institusi kewangan bagi meningkatkan prestasi dan produktiviti.

Ketiga, mempertingkatkan mutu barangan IKS supaya mampu bersaing dengan barangan industri lain.

Keempat, perlunya ditubuhkan sebuah unit penyelidikan IKS yang diberi tanggungjawab menggubal plan pembangunan bagi IKS.

Kelima, mewujudkan sistem bantuan maklumat perniagaan yang dapat membekalkan maklumat kepada IKS.

Oleh itu, di sini saya ingin tahu apakah perkembangan yang berlaku ke atas kelima-lima langkah kementerian kerana sejak pengumuman tersebut, saya tidak tahu selanjutnya kemajuan langkah-langkah yang diumumkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh di sini, tentang undang-undang menyangkut IKS khususnya yang merujuk kepada peraturan zoning. Selama ini peraturan tersebut tidak mencerminkan keadaan yang sebenar. Kebanyakan IKS masih terletak dalam kawasan kediaman diseluruh negara, khususnya di kawasan bandar, sebanyak 70% hingga 80% berada dalam bandar dan para pengusaha IKS tidak mematuhi peraturan zoning. Operasi mereka secara haram, tidak ada permit pengilangan dan lesen perniagaan. Para pengusaha merasa mereka tidak terjamin dan sering

menghadapi tindakan penguatkuasaan. Sungguhpun kerajaan berjanji kawasan perindustrian khususnya untuk kes IKS yang diusir dari tapak, yang hendak dibangunkan tetapi janji masih kabur. Di Kuala Lumpur misalnya, sungguhpun mereka perlu dipindah di kawasan luar bandaraya iaitu di negeri Selangor, tetapi tanah di Selangor juga sangat mahal, dan ini di luar kemampuan.

Kos pembelian sebuah kilang kecil pun kini mencecah harga sekurang-kurang RM1 juta. Sebagai perniagaan keluarga, jika mereka terpaksa berpindah ke luar Kuala Lumpur, penghidupan mereka terancam. Ini disebabkan barang keluaran IKS ialah barang kegunaan harian yang bergantung pada pelanggan dalam bandar. Oleh itu jika berpindah ke luar bandar, perniagaan mereka mungkin terpaksa ditutup.

Saya ingin memberikan contoh IKS di Wilayah Persekutuan iaitu, misalnya, di Jalan Chan Sow Lin iaitu dalam kawasan saya Cheras, di mana terdapat lebih 300 IKS berada di situ sejak 80 tahun lalu. Malangnya mereka ini berdepan dengan masalah hak milik tanah yang sudah tamat tempoh pajakan. Di Jalan Chan Sow Lin ini, lebih 50% IKS telah tamat hak milik tanah. Pengusaha-pengusaha yang terlibat telah membuat permohonan lanjutan pajakan dengan Jabatan Tanah tetapi sehingga kini masih belum ada apa-apa jawapan.

Menurut Plan Induk Kuala Lumpur yang dikeluarkan pada tahun 1984, kerajaan bercadang hendak membangunkan semula IKS dalam Kuala Lumpur, tetapi sehingga kini rata-rata mereka menghadapi masalah lesen perniagaan dan hak milik tanah. Akibat kedua-dua masalah ini mereka tidak dapat membangunkan semula tapak atau mengembangkan perniagaan yang ada.

Satu aduan yang saya baru terima pagi ini, ada lebih kurang 200 kilang IKS di kawasan saya juga iaitu di Kampung Cheras Baru menerima notis dari Dewan Bandaraya Kuala Lumpur memerintahkan bahawa semua kilang ini kerana terletak di tapak kediaman, di lot kediaman, mereka mesti berhenti perniagaan dan berpindah daripada tapak selewat-lewatnya akhir tahun ini. Ke mana akan mereka pergi? Apakah masa depan mereka? Adakah perniagaan mereka satu kesalahan yang besar atau satu perbuatan yang tidak boleh dibenarkan di bawah undang-undang?

Tuan Yang di-Pertua, saya harap masalah IKS di kawasan-kawasan yang telah saya sebut ini dapat diberikan perhatian utama kerana sumbangan mereka selama ini ialah untuk eksport dan mendatangkan hasil bagi kerajaan. Manakala seluruh Kuala Lumpur pula terdapat lebih 4,500 IKS yang juga menghadapi masalah yang sama, misalnya seperti di Kepong, Jinjang Utara, Jinjang Selatan beberapa ratus kilang-kilang sederhana dan kecil menghadapi masalah yang berbentuk sama, di Siputeh, Salak Selatan hampir beberapa ratus juga, di kawasan Bukit Bintang, sungguhpun Bukit Bintang sekarang masih dianggap kerusi DAP [Ketawa] kerana wakil itu masuk ke Dewan melalui pintu belakang. Jadi, saya bagi pihak rakan saya bekas Ahli Parlimen Bukit Bintang ada tugas, tetapi masih ada tugas untuk menimbulkan perkara ini, diharap tidak berapa lama lagi dia akan kembali masuk ke Dewan ini, dengan keluaran beliau—minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, terdapat 4,500 IKS di Wilayah Persekutuan yang menghadapi masalah yang sama, tiada lesen, tiada permit, tiada hak milik, kekurangan kemudahan asas dan sebagainya.

Saya ingin menggesa kementerian dan perbadanan ini kelak supaya berunding dengan Dewan Bandaraya supaya memandang berat perkara ini

dengan mengeluarkan lesen kepada mereka dan bagi masalah tanah pula, pihak berkuasa tanah patutlah melanjutkan tempoh pajakan tanah yang sudah lama tamat. Kementerian mempunyai peranan bagi membantu IKS dalam perkara ini.

Saya ingin menjelaskan IKS di Kuala Lumpur sentiasa terdedah dengan tindakan pengusiran dan tindakan roboh. Saya percaya di mana-mana dalam negeri juga IKS menghadapi masalah yang sama. Mereka tidak ada pilihan kecuali perbadanan dapat mengaturkan bantuan dan pertolongan yang perlu kepada mereka.

Mengenai masalah pekerja-pekerja dalam IKS, selama ini kebajikan dan masa depan mereka terabai, oleh kerana IKS di Malaysia menggunakan gunatenaga (labour intensive) bercorak pengurusan keluarga, bermodal kecil, menggunakan mesin lama dan juga merupakan sumber peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk tempatan, tetapi kebajikan dan prospek pekerjaan tidak ada. Di samping gaji mereka kecil dan tiada kemudahan caruman KWSP dan PERKESO, selain itu mereka tidak menikmati kemudahan dan faedah yang diterima oleh pekerja kilang besar. Saya harap masalah kebajikan ini dapat diberikan perhatian oleh perbadanan kerana dengan meninggikan taraf kehidupan mereka, IKS tidak akan kehilangan gunatenaga. Kerana apa yang berlaku selama ini apabila seseorang pelatih selesai menjalani latihan kemahiran, mereka akan mencari peluang pekerjaan dalam kilang yang besar kerana di situ gaji lebih lumayan. Pada akhirnya IKS akan menghadapi kekurangan gunatenaga. Supaya IKS tidak hilang gunatenaga mahir, maka perbadanan harus mebantu IKS mencorak program latihan dan kebajikan pekerja-pekerja IKS, maka dengan ini IKS mudah berkembang.



Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan adalah perlu perbadanan IKS ini merangka plan induk (master plan) jangka panjang bagi IKS seluruh negara dan merumuskan merit yang sesuai supaya menjadi panduan bagi perkembangan IKS selanjutnya. Walaupun negara adalah mempunyai plan induk perindustrian, tetapi plan induk IKS adalah perlu menjadi sokongan plan induk perindustrian yang ada. Ini termasuklah kemudahan taraf perintis yang dinikmati oleh industri besar patut diperluaskan kepada IKS.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Seremban.

5.19 ptg.

**Dato' Hon Choon Kim (Seremban):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahar Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah mencadangkan satu Rang Undang-undang untuk membantu pengusaha IKS di dalam negara kita ini. Ini menunjukkan sokongan yang diberikan oleh rakyat Malaysia baru-baru ini dalam pilihanraya telah mendatangkan satu hasil yang baik, bukan seperti yang disebutkan oleh ahli dari pembangkang dan ini menunjukkan sokongan yang diberikan telah mendatangkan manfaat kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, IKS merupakan satu sektor yang sangat penting. Sebenarnya pernah disifatkan sebagai engine of growth, dengan izin untuk sesuatu negara. Di Malaysia ini juga merupakan satu sektor yang penting, kalau kita tinjau daripada angka-angka ini menunjukkan bahawa sektor IKS ini merupakan 92.6% daripada semua establishment dalam pembuatan ini. Oleh itu usaha-usaha

yang diberikan oleh kerajaan untuk membantu pengusaha-pengusaha IKS patut dipuji dan inilah satu langkah yang positif yang pro-aktif supaya masalah-masalah yang dihadapi oleh pengusaha IKS ini dapat kita selesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kerajaan juga telah memberi banyak kemudahan dan juga bantuan sejak beberapa tahun yang sudah untuk membantu sektor ini supaya pembangunan sektor ini dapat berjalan dengan baik dan sempurna. Sebenarnya saya boleh sebutkan di sini beberapa program telah diberikan seperti Vendor Development Programme, The Subcontract Exchange Scheme, Umbrella Concept of Marketing, Soft Loan Scheme termasuk CGC dan sebagainya, dengan izin.

Ini memang satu usaha yang baik dan cuma satu yang saya rasa masih belum mencapai matlamat oleh pihak kerajaan inilah maklumat-maklumat tentang kemudahan-kemudahan ini masih belum sampai kepada pengusaha-pengusaha IKS ini. Oleh itu saya berharap perbadanan yang akan diwujudkan nanti akan memainkan peranan yang lebih berkesan supaya maklumat-maklumat tentang segala kemudahan bantuan yang akan diberikan supaya sampai kepada semua pengusaha IKS di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kerajaan juga memberi banyak perhatian kepada IKS dan saya memang bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat dari Rompin bahawa masalah-masalah yang dihadapi oleh pengusaha IKS ini bukan sahaja dihadapi oleh pengusaha IKS Bumiputera atau orang India tetapi



ianya termasuklah orang Cina. Ia merupakan satu nasional isu, bukan merupakan masalah terdiri daripada sesuatu kaum sahaja. Oleh itu, saya rasa usaha ini perlu diberikan dan bantuan ini diberikan kepada semua rakyat atau semua pengusaha yang terlibat dalam sektor IKS ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebutkan di sini beberapa masalah dan sebahagiannya telah pun disebutkan oleh rakan-rakan Yang Berhormat. Pertama, mengenai tapak kilang yang diusahakan oleh IKS. Saya memang bersetuju bahawa di kawasan saya juga beberapa pengusaha IKS di mana tapak-tapak kilang mereka merupakan tapak yang haram, tidak sesuai untuk menjalankan perusahaan IKS tetapi mereka tidak ada pilihan lain sebab kalau hendak pindah kepada kawasan perindustrian yang khususnya untuk IKS ini memang merupakan satu perkara yang rumit kerana harga tanah merupakan satu harga yang amat tinggi. Kalau tidak silap saya lebih kurang RM20.00 satu kaki persegi. Harga ini memang di luar kemampuan pengusaha IKS untuk membeli tapak untuk membinakan kilang.

Oleh kerana itu saya berharap kerajaan juga mengenal pasti beberapa kawasan lagi untuk memberi peluang supaya pengusaha-pengusaha IKS dapat membina kilang mereka. Sebenarnya saya juga ingin mencadangkan safu konsep bahawa kerajaan boleh membinakan kilang-kilang khususnya untuk IKS dan disewakan kepada pengusaha-pengusaha kilang dengan cara sewa beli seperti yang kita amalkan dalam perumahan kos rendah. Saya rasa kalau kita memakai cara ini, mungkin ini akan mengatasi masalah kekurangan kewangan, kekurangan capital untuk membeli kilang untuk IKS ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang telah mengenal pasti pada masa ini beberapa tempat, tetapi saya rasa tempat-tempat yang disediakan masih belum cukup lagi. Oleh kerana itu saya berharap kerajaan juga akan mengenal pasti tempat-tempat lain dan saya memang bersetuju dengan pandangan-pandangan rakan-rakan Yang Berhormat tentang distribution kawasan-kawasan IKS dan berharap kerajaan juga memberi bantuan kepada kawasan luar bandar supaya penduduk-penduduk luar bandar itu juga dapat menikmati faedah pembangunan IKS ini.

Tuan Yang di-Pertua, tentang keanggotaan perbadanan ini, saya memang bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat dari Yan dan Yang Berhormat dari Rompin bahawa keanggotaan perbadanan ini perlulah kita timbangkan supaya kita dapat pakar-pakar dan juga wakil-wakil peniaga atau usahawan-usahawan dalam IKS ini. Oleh kerana itu saya cadangkan supaya kita melantik beberapa wakil daripada dewan-dewan perniagaan dan sebagainya supaya masalah-masalah dan pandangan-pandangan daripada pengusaha IKS itu bolehlah sampai kepada perbadanan yang akan diwujudkan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, itulah merupakan pandangan-pandangan saya dan berharap kerajaan melalui perbadanan ini akan membantu supaya masalah-masalah yang dihadapi oleh IKS ini dapat kita selesaikan.

Lagi satu masalah yang dihadapi ialah pasaran. Pada masa ini sebahagian besar pengeluaran daripada IKS ini adalah dijualkan di dalam kawasan itu sahaja. Misal kata, perusahaan IKS yang dibuat di Seremban mungkin dia akan jual lebih kurang 50% kepada kilang-kilang besar di kawasan Seremban sahaja. Apa yang saya ingin tekankan di sini ialah pasaran untuk IKS itu perlulah kita

terokai bersama-sama supaya kita dapat membesarkan peluang pasaran untuk IKS. Oleh itu saya juga mencadangkan supaya perbadanan ini boleh mewujudkan satu unit untuk mengkaji sama ada hasil-hasil pembuatan atau barangan-barangan yang dibuat oleh IKS itu bolehlah dipasarkan di pasaran antarabangsa.

Saya yakin dan percaya rakyat Malaysia sampai satu masa memang boleh, memang mempunyai kemampuan yang cukup untuk menghasilkan sesuatu dan boleh memasarkan di pasaran antarabangsa. Kalau kerajaan memberikan galakan, tumpuan dan perhatian serta tunjuk ajar kepada pengusaha IKS ini saya rasa cita-cita ini akan tercapai pada masa yang akan datang. Oleh itu saya berharap perbadanan ini akan menengok, akan meninjau dari segi pasaran untuk produk-produk yang dikeluarkan oleh IKS. Dengan kata-kata ini, saya mengucapkan terima kasih sekali lagi dan saya menyokong Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana ini diluluskan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Wangsa Maju.

5.29 ptg.

**Dato' Dr. Kamal bin Salleh (Wangsa Maju):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi saya peluang untuk turut membahas Rang Undang-undang Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana 1995.

Saya ingin juga bersama dengan Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain yang telah mengajukan ucapan tahniah dan syabas kepada pihak kerajaan khususnya Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang telah mengketengahkan Rang Undang-undang ini untuk

membentuk satu perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana. Saya rasa ini memang tepat pada masanya, malah bersetuju dengan Yang Berhormat dari Rompin bahawa Perbadanan ini sepatutnya dibuat lebih awal lagi. Tetapi tidak terlewat lagi. Oleh kerana dengan keadaan pembangunan ekonomi kita yang begitu rancak dan pesat, peranan yang dapat dimainkan oleh SMI sungguh penting untuk memantapkan lagi era perindustrian yang kita mahukan sampai ke Wawasan 2020. Dalam hal inilah maka peranan yang dapat dimainkan oleh Perbadanan ini nanti selarilah dengan peranan yang telah dimainkan oleh MIDA yang telah berjaya menarik pelaburan dalam negeri dan juga luar negeri sebegitu hebat sehinggakan kita melampaui Rancangan Malaysia Keenam dari segi target pelaburan, membolehkan kita mencapai tahap perindustrian yang amat mengagumkan negara-negara lain.

Dalam hal inilah maka peranan yang dapat dimainkan oleh SMIDC, dengan izin, yang tertera dalam Rang Undang-undang ini memang mengambil alih beberapa isu-isu dan masalah-masalah yang harus ditangani kerajaan untuk kita menggalakkan perkembangan SMI dengan lebih mantap lagi.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin telah difahami dan diketahui oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Majlis yang mulia ini bahawa dalam takrif SMI ataupun industri kecil dan sederhana ini meliputi takrifan di bawah Akta Penyelarasan Industri atau ICA, dengan izin, melibatkan mereka di bawah golongan yang mempunyai paid-up capital RM2.5 juta, dan juga melibatkan pekerja yang kurang 50 orang. Ini adalah merupakan satu golongan yang besar dalam negara kita ini, hampir 90% dari jumlah

establishment, dengan izin, dalam bidang industri dalam negara kita. Tetapi tidak benarlah seperti kata Ahli Yang Berhormat dari Cheras bahawa sumbangan industri kecil dan sederhana ini sampai 90% pengeluaran kasar negara. Walaupun memang peranannya besar, tetapi pada masa ini sumbangan SMI masih lagi dalam erti kata pecahan pengeluaran kasar negara dari bidang pembuatan dalam lingkungan 30%, tidaklah sampai 90%.

Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya memanglah peranan SMI ini jangan kita perkecilkan kerana di negara-negara lain yang maju mahupun yang sedang membangun, di sini letaknya daya usaha keusahawanan, daya pengeluaran, daya persaingan. Malah di setengah negara maju yang telah menghadapi kemelesetan dalam tahun 80-an seperti di negara Italy, di negara Amerika dan juga di Eropah Barat lain, kemantapan ataupun kedudukan ekonomi mereka yang dilanda kemelesetan itu didukung sebenarnya oleh industri kecil dan sederhana ini. Maka itu sebabnyalah dalam kita mengalami dan menikmati pertumbuhan ekonomi yang begitu tinggi yang sampai sekarang ini sungguh menghairahkan pengusahapengusaha kita sendiri, kita harus ingat bahawa satu masa kita juga akan menghadapi keadaan penurunan ekonomi. Oleh itulah, kita akan dapati bahawa industri-industri kecil yang sebenarnya mempunyai keupayaan bersaing dan mempertahankan diri, oleh kerana kos pengeluaran dan kedudukan mereka yang boleh diubah suai dengan cepat, berbanding dengan keadaan industri besar yang kadangkalanya terpaksa diperlindung oleh kerajaan apabila ekonomi meleset. Maka sebenarnya perkembangan ekonomi sesuatu negara yang sedang

maju dan mula membangun sehingga ke tahap perindustrian kini, industri kecil yang memberi kestabilan dalam daya pengeluaran dan persaingan negara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sebabnya di Jepun yang merupakan negara-negara industri Asia yang terunggul, malah yang sekarang ini boleh mencabar negara-negara yang telah lama di bidang perindustrian sebelum ini yang maju seperti di Amerika Syarikat, mereka dapat bersaing walaupun cemas dengan keadaan matawang Yen meningkat dan dicabar oleh perlindungan yang menonjol bagi eksport mereka keluar. Dalam hal ini, industri kecil dalam kontek susunan struktur industri mereka seperti, setengah Ahli Yang Berhormat telah menyebut, mempunyai perhubungan yang rapat dengan industri besar, bukan sahaja sebagai pembekal barang-barang input atau intermediate, tetapi juga sebagai asas bagi pengeluaran bahan-bahan baru yang diuji ataupun design-design baru yang diuji sebelum dipasarkan ke pasaran yang lebih canggih, dibuat di peringkat industri kecil dan sederhana ini. Maka Jepun merupakan satu-satunya negara yang patut kita contohi dalam SMIDC ini, dengan izin, bila membuat perancangan serta menyusun strategi pembangunan dan promosi bagi industri kecil dan sederhana, kerana susunan struktur Jepun itulah yang telah memberikan mereka kemantapan ekonomi sehingga kini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini, saya ingin menyatakan bahawa di Malaysia kita mempunyai masalah seakan 'AIDS' juga, tetapi sudah mula hendak diselesaikan, iaitu semacam 'Acquired Industrial Deficiency Syndrome', dengan izin, iaitu bahawa kita tidak ada suntikan bagi IKS, di mana antara struktur industri kita yang di satu pihak, terdapat industri-industri

besar yang ditaja oleh kerajaan dan terdapat juga di satu pihak yang lain banyak lagi yang merupakan industri-industri kecil sehingga 90% daripada establishment yang saya telah sebutkan tadi, yang kurang mendapat perlindungan dan pembelaan. Di tapak inilah mereka terpaksa bersaing.

Maka satu-satunya usaha yang perlu dibuat oleh perbadanan yang baru ini ialah bagaimana untuk menggalakkan dan memperhebatkan hubungkait antara small-scale industry ataupun industri kecil dan sederhana ini dengan industri besar. Maka itulah sebabnya, kita berasa bangga dengan apa yang telah diusahakan oleh kerajaan setakat ini melalui rancangan-rancangan yang telah dibuat untuk tujuan memberi galakan kepada industri kecil melalui konsep payung, melalui konsep 'subsidised loan', dengan izin, melalui MARA dan sebagainya supaya boleh memberi sekurang-kurangnya satu tapak untuk permulaan kita mengaitkan IKS dengan industri yang lebih besar.

Tuan Yang di-Pertua, ini bukanlah hanya berasaskan bantuan kewangan, walaupun ramai menimbulkan bahawa kewangan dan pembiayaan sangat penting bagi menggalakkan industri-industri IKS ini. Namun, saya rasa yang lebih penting pada masa ini industri-industri kecil ini memerlukan bimbingan dan panduan yang melibat lebih kepada pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, soal pengurusan perusahaan mereka. Pengurusan dalam pengalaman yang kecil yang saya hadapi walaupun ada pihak industri besar yang boleh memberi dan menganjur pengembangan industri-industri kecil daripada peringkat yang bawah sekalipun, yang terkecil sekali, ataupun kita telah dapat memberi beberapa sumbangan dari segi nasihat

ataupun pasaran di setengah-setengah pihak, namun oleh kerana masalah pengurusan industri-industri kecil ini sendiri maka timbul ketidakupayaan mereka meningkat perusahaan mereka, dengan itu tidak dapat maju untuk mencapai matlamat konsep payung yang kita lakukan itu.

Soal pengurusan ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah sangat penting. Maka saya mengajukan kepada pihak SMIDC ini bahawa satu-satunya rancangan promosi, rancangan latihan dan bimbingan olehnya haruslah menumpu kepada meningkatkan keupayaan pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana ini dalam soal selok-belok pengurusan. Ini bukanlah hanya untuk kita melatih pengurus-pengurus daripada syarikat-syarikat besar dan korporat-korporat yang sudah memang ramai kita dapati di kalangan bangsa kita. Namun, bagi mereka yang merupakan pada tahap permulaan dalam pengembangan perusahaan mereka, mereka ini perlu diberi bimbingan pengurusan yang lebih baik dari apa yang kita lihat sekarang ini. Jadi, saya tidak ada mempertikaikan peranan yang telah dimainkan oleh berbagai badan kerajaan serta juga swasta yang telah cuba menyahut panggilan kerajaan untuk memberi sokongan, dorongan dan payung kepada industri kecil, namun masalah ini adalah masalah dalaman IKS itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu mengambil masa di sini untuk menjelaskan peranan SMI ini dalam bentuk masalah merekalah tapak untuk kita menyemai keusahawanan, merekalah juga yang telah memberi sumbangan kepada penambahan pekerjaan, kepada keadaan di mana sekarang ini semua mendapat kerja dalam konteks pekerjaan penuh dalam

ekonomi kita, namun kita perlu ingat bahawa hanya 10 tahun dahulu kita menghadapi kemelesetan. Dan dengan cara-cara IKSlah maka dapat menyediakan peluang-peluang pekerjaan bagi anak-anak muda kita apabila tiba kemelesetan.

Maka dalam kita begitu gembira dengan keadaan sekarang ini, konsep IKS memberi pekerjaan kepada yang nanti akan terancam dengan kedudukan ekonomi yang tidak semantap sekarang, harus kita ingat SMIDC sendiri harus memainkan peranan dan membuat perancangan awal ataupun 'preemptive action'.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong saranan Ahli Yang Berhormat dari Rompin tentang peranan IKS dalam bidang-bidang baru termasuk bidang 'hightech', dengan izin, dan bidang yang risikonya tinggi dan di mana peranan 'venture capital' dengan izin, dapat diajukan untuk menyokong penyertaan bukan sahaja bukan bumiputera tetapi bumiputera dalam bidang-bidang baru ini melalui IKS, kerana dalam bidang-bidang baru ini selain daripada syarikat-syarikat yang besar yang memainkan peranan dalam penemuan-penemuan baru dan pemasaran bahan-bahan ataupun barangan dan perkhidmatan baru, kita lihat dinamisma dalam bidang yang baru ini termasuk telekomunikasi, 'software, materials science', dari segi bahan-bahan makanan, dari segi penggunaan biotechnology, dari segi electronics adalah dimulakan oleh industri kecil seperti di Silicon Valley dan sebagainya.

Maka kita jangan ketinggalan, malah kita jangan merasakan bahawa SMIDC ini hanyalah harus kita tumpu memberi sokongan kepada industri-industri tradisional, walaupun bidang

pemakanan sebagai contoh. Sebaliknya dalam bidang ini harus kita cari segala kemungkinan melalui perbadanan ini memberi maklumat yang baru, membuat kajian yang lanjut untuk tujuan memberi maklumat dan sokongan kepada mereka memainkan peranan dalam bidang pemakanan dengan menggunakan teknologi baharu, supaya kesempatan ini kita ambil, kerana kita tidak mempunyai masa untuk hanya mengejar pencapaian negara lain, malah kita harus melompat tahap-tahap tertentu yang tidak perlu kita ikuti seperti dalam pengalaman negara-negara yang sudah pun maju, untuk kita dapat melampaui pencapaian mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, maka saya ajukan perkara ini, bahawa disinilah peranan IKS dan peranan perbadanan ini nanti haruslah ditujukan kepada bidang-bidang yang berteknologi tinggi ini. Bidang ini memanglah 'high risk', bidang-bidang inilah di mana ada di kalangan muda-mudi kita yang berpelajaran tinggi sama ada mereka lulusan universiti ataupun tidak, ataupun mempunyai minat yang tinggi untuk menerajui proses pembuatan ini sebagai usahawan ataupun pengusaha. Mereka inilah harus diberi galakan kerana di kalangan mereka ada yang mempunyai pengetahuan tertentu.

Dalam soal ini seperti kata setengah daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum saya, bahawa perbadanan ini harus melibatkan bukan sahaja pegawai-pegawai kerajaan seperti yang disenaraikan di dalam rang undang-undang ini pada peringkat pengurusan ataupun lembaganya, tetapi juga melibatkan mereka yang boleh direcruit ataupun diambil daripada yang berpengalaman dalam bidang-bidang yang hightech ini.

Satu sahaja perkara yang saya hendak sentuh iaitu berkaitan dengan kewangan. Dari pengalaman yang saya perolehi stakat ini yang saya lihat pada rakan-rakan yang cuba menceburi diri dalam IKS, satu-satunya masalah kewangan yang saya patut sebutkan ialah soal modal pusingan mereka. Dalam rang undang-undang ini kita menumpukan kepada perkara modal, 'fixed capitals', dengan izin. Tetapi sebenarnya setengah daripada IKS yang saya ketahui menghadapi masalah hendak bayar sewa tanah, hendak bayar sewa kilang mereka pun tak mampu, atau dari hasil ataupun kelebihan pengeluaran mereka semuanya tertumpu kepada membayar balik faedah pinjaman ataupun untuk membayar sewa dan sebagainya. Maka diharapkanlah perbadanan ini juga dapat sekurang-kurangnya menganjur kepada pihak perbankan yang lain supaya working capital ini harus diberi tumpuan sama juga dengan modal tetap untuk membiayai mesin-mesin dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya ingin menyentuh tentang potensi IKS ini sebagai satu sektor yang akan melibatkan pelabur asing. Perkara ini saya rasa penting kerana dalam keadaan negara Jepun menghadapi masalah peningkatan Yen yang semakin melambung, kita seperti ada penulis-penulis telah pun menyebut, akan menghadapi keadaan pemindahan kedua oleh industri Jepun ke rantau Asia Tenggara ini. Kita dalam negara Malaysia memang mengharap supaya negara Jepun akan dapat membawa modal-modal baru masuk ke negara kita untuk meneruskan usaha perindustrian kita, dan ada ura-ura bahawa pemindahan pemodal-pemodal dan industri baru ini daripada Jepun bagi kali kedua ini akan melibatkan

industri IKS. Maka ini adalah satu perkara yang memang selari dengan tujuan kerajaan untuk membentuk 'industrial complexes', dengan izin, iaitu rangkaian industri-industri kecil dan besar dalam bidang-bidang di mana kita mempunyai 'comparative advantage', dengan izin. Maka dengan itu kita boleh bersaing dengan industri-industri lain di negara-negara dalam ekonomi dunia.

Namun, satu daripada isu yang besar yang perlu ditangani dan diperhatikan oleh SMIDC nanti, iaitu perbadanan ini, ialah kemungkinan besar industri-industri kecil yang berpindah dari Jepun ini akan datang untuk memainkan peranan sebagai pembekal 'intermediate' dan input-input lain kepada syarikat-syarikat besar yang sedia ada sekarang ini terutamanya dalam bidang elektronik. Bahawa, jika mereka ini tidak diawasi dengan sepenuhnya akan membawa kepada keadaan 'crowding out', dengan izin, iaitu akan mengeneipkan peluang bagi industri kecil tempatan memainkan peranan dalam membekal input dan 'intermediate goods', dengan izin, untuk industri-industri besar yang sudah pun menapak di negara kita dengan nama-nama yang hebat Mitsubishi, Sony dan sebagainya.

Jadi, haruslah pihak perbadanan nanti mengkaji dan mengawasi, malah membuat penyeliaan yang wajar supaya menentukan peluang-peluang ini yang memang hendak digalakkan melalui insentif yang telah pun diberikan oleh MITI bagi IKS-IKS tempatan membekal input-input yang diperlukan kepada industri-industri besar ini, kerana dengan cara inilah kita dapat, seperti yang saya sebutkan pada awal tadi, Tuan Yang di-Pertua, mengaitkan dengan lebih rapat dan mantap hubungan antara IKS dengan industri besar di dalam negara kita.

Maka dengan demikian tentu sekalilah perindustrian kita akan berdiri di atas struktur yang lebih mantap, dengan itu maka perlulah ditentukan supaya IKS tempatan tidak diketepikan oleh industri IKS yang datang dari luar nanti. Ini satu perkara yang saya rasa harus kita jelaskan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah apa yang dapat saya sampaikan di dalam perbahasan ini. Saya rasa sungguh tergalak dengan usaha MITI untuk mengadakan perbadanan ini dan diharapkan ianya dapat memainkan peranan yang sebaik-baiknya untuk melonjakkan kita ke era perindustrian yang baru yang kita harap-harapkan mencapai Wawasan 2020. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Bandau.

*5.50 ptg.*

**Dr. Maximus Johnity Ongkili (Bandau):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk memberi sumbangan kepada perbahasan Rang Undang-undang Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana yang sedang diperbahaskan ini.

Tuan Yang di-Pertua, memang industri kecil dan sederhana (IKS) ini adalah penting di dalam perkembangan ekonomi negara atau pun dalam sesuatu negara tidak boleh dinafikan dan sepertimana yang telah pun disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, maka masa untuk membentang Rang Undang-undang ini adalah tepat pada masanya memandangkan perlunya perkembangan ekonomi negara untuk terus berkembang bukan sahaja dengan kadar yang ada sekarang, tetapi ke tahap yang lebih tinggi lagi dan kita

sedia menerima bahawa industri kecil dan sederhana inilah yang telah menjadi enjin perkembangan dan pertumbuhan yang sebenarnya dalam pertumbuhan ekonomi negara dalam dua dekad yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, maka dengan adanya perbadanan yang dicadangkan ini harapan kita ialah supaya sektor ini lebih lagi berkembang dengan cara teratur dan dengan guidelines, dengan izin, yang dapat di patuhi oleh para pemain di dalam industri, supaya industri ini akan terus lagi berkembang dengan pesatnya. Sepertimana juga yang disentuh, negara-negara lain yang telah membangun dari segi industri keseluruhan seperti Jepun, South Korea dan Taiwan, ekonomi mereka ini telah tumbuh berdasarkan kepada pertumbuhan IKS. Maka dengan itu, sebenarnya pembentungan Usul ini dan Rang Undang-undang ini, dengan izin, I think about five or six years late, memandangkan perkembangan yang sudah berterusan dari segi peranan pihak swasta di dalam bidang IKS ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga melihat bahawa sektor ini telah memberi sumbangan yang cukup besar dari segi tempat tumpuan pekerjaan bagi rakyat di negara kita, sebagai bukan sahaja kontraktor atau sub-kontraktor kepada industri-industri yang besar iaitu service sector, tetapi dia juga telah membekalkan idea-idea dan inovation yang akhirnya juga telah membantu sektor perindustrian keseluruhannya. Dan harapan kita, dengan adanya perbadanan baru yang ditubuhkan ini supaya sektor perindustrian kecil dan sederhana ini akan terus berkembang dengan lebih pesat lagi. Bukan pula satu sektor yang menjadi 'dependent', dengan izin, kepada bantuan-bantuan kerajaan, dan bukan pula menjadi sektor, dengan izin, stegnant yang hanya memberi sumbangan dalam perindustrian dari



segi pengubahsuaian teknologi sahaja, tetapi menjadi initiator, dengan izin, menjadi 'inventor' dan 'innovator' di dalam sektor perindustrian keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya perbadanan IKS ini juga, harapan kita ialah kerajaan jangan pula terikat kepada hanya memberi bantuan-bantuan yang akan menggalakkan "dependency syndrome" kepada sektor ini kerana setakat ini sebenarnya sektor ini telah cukup maju, kecuali ia perlukan satu koordinasi dan satu penyelarasan keseluruhan supaya dasar-dasar kerajaan itu menjadi jelas dari segi membantu sektor ini dan juga supaya ada jentera untuk membantu dan menggalak sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya sektor ini sendiri hendaklah menjadi pemandu kepada pertumbuhannya di dalam perindustrian negara dan kalaulah pihak kerajaan mengambil alih dengan adanya perbadanan ini dan menjadi penghalang nanti kepada pertumbuhan sektor ini, maka saya percaya itu akan bertentangan dengan tujuan dan dasar penubuhan perbadanan tersebut. Apa yang diperlukan pada saat ini ialah di mana ada jentera kerajaan untuk membantu dan menggalak dan barangkali juga untuk membekal maklumat-maklumat yang terkini supaya sektor ini, dan khususnya mereka, dengan izin, yang dipanggil, new market entrants, yang baru masuk dalam bidang ini boleh berkembang dengan lebih cepat untuk mengambil bahagian di dalam bantuan-bantuan kerajaan untuk menggalakkan lagi sektor ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah sentuh tadi bahawa sektor IKS ini, khususnya dari segi perkembangannya di kawasan Wilayah Semenanjung

cukup memuaskan sebenarnya dibandingkan dengan perkembangannya di negeri-negeri sebelah timur iaitu di negeri Sarawak dan di negeri Sabah. Dan dalam pada ini, dan pada masa-masa yang lampau kerajaan kedua-dua negeri, Sabah dan Sarawak, khususnya, telah banyak meminta rayuan daripada pihak kerajaan pusat supaya sektor ini diberi tumpuan utama dari segi penggalakkan dan bantuan yang diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada itu sebenarnya untuk masa depan perkembangan industri ini seperti di negeri Sarawak dan Sabah, memang tepat ia hanya akan berasaskan kepada perkembangan IKS (SMI) kerana industri-industri yang besar-besaran amatlah sukar untuk bertapak di sana memandangkan beberapa 'constraint' yang dihadapi, antaranya ialah jauh kedudukannya daripada pusat industri-industri yang lain. Maka oleh kerana adanya geographical distance, dengan izin, begitu luas dan juga kedudukan yang tidak strategik dari segi perkembangan pelabuhan-pelabuhan, maka ini telah menjadi halangan bagi industri-industri besar untuk bertapak di negeri-negeri tersebut. Selain dari itu juga, oleh kerana kedudukan geographynya dan juga harga pengangkutan yang mahal. Adalah dikatakan bahawa lebih murah untuk menghantar atau mengeksport barangan keluaran, misalnya seperti kayu-kayan dari Sabah ke Amerika, dari negeri Sabah ke Taiwan memandangkan bahawa 'route' adalah di luar daripada main transportation routes, dengan izin. Maka perkara-perkara seperti ini telah menghalang penubuhan industri-industri yang besar.

Maka untuk pertumbuhan ekonomi dan perindustrian di negeri-negeri tersebut adalah terpaksa berasaskan kepada pertumbuhan IKS. Maka harapan kita bahawa pihak Kerajaan



Persekutuan selepas menubuhkan perbadanan ini hendaklah memberi tumpuan kepada negeri-negeri dari segi perkembangan industri yang masih lagi terkebelakang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara itu juga, saya percaya bukan sahaja dasar dan jentera yang akan membantu perkembangan industri ini di negeri-negeri, khususnya di negeri Sarawak dan Sabah, tetapi juga tindakan kerajaan untuk membantu supaya infrastruktur-infrastruktur yang asas yang akan membantu perkembangan industri ini hendaklah diberi perhatian. Misalnya, jikalau sekadar ada perbadanan untuk mengurus perkembangan masa depan industri IKS ini, tetapi perkara-perkara asas seperti infrastruktur tidak diambil kira dan constraints di dalam perkara ini tidak dapat diatasi, maka saya berpendapat bahawa perkembangan industri ini pada keseluruhannya, misalnya di negeri Sabah dan Sarawak tidak akan bertambah lebih hangat lagi.

Tuan Yang di-Pertua, misalnya dalam perkara bekalan elektrik dan tarif elektrik telah lama di bawa oleh Kerajaan Negeri Sabah kepada Kerajaan Persekutuan melalui MIDA dan agensi-agensi yang lain. Tetapi setakat ini kita punya kadar tarif elektrik masih juga kira-kira 30% lebih mahal daripada negeri-negeri yang lain dan perkara-perkara ini telah banyak dihawa dan sampai ke Dewan yang mulia ini dan harapan kita, kalaulah kerajaan benar-benar ingin membantu supaya sektor ini terus maju, bukan sahaja sekadar di Wilayah Semenanjung tetapi di negeri yang lebih jauh, maka perkara ini haruslah diambil perhatian dengan sewajarnya.

Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara seperti bekalan air dan jalan-jalan raya kerana misalnya di

negeri Sabah, kawasan-kawasan perindustrian ini memanglah perkara yang berterusan dan baru-baru ini Kerajaan Negeri telah mengumumkan penubuhan KKIP (Kota Kinabalu Industrial Project) iaitu satu projek raksasa yang besar.

Tetapi di dalam tempat ini juga, bekalan air pun belum juga disediakan untuk menampung keperluan industri tersebut dan begitu juga jalan raya yang menuju ke tempat yang telah dicadangkan itu, pun belum juga diusahakan. Maka, dalam semuanya ini, 'approach' keseluruhannya haruslah 'approach' yang komprehensif dan bukan kita panggil 'projek tampal-tampal' bila diperlukan baru dibuat dan tidak ada visi yang menyeluruh supaya satu pelan induk yang luas dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam perkara KKIP ini telah pun dibincangkan di dalam Dewan yang mulia ini dan telah pun dibawa ke pihak kementerian yang berkenaan dan khususnya kepada MIDA tetapi setakat ini, komitmen daripada Kerajaan Persekutuan walaupun mengatakan bahawa kita akan sokong dan kita akan teruskan itu tetapi perjalanan proses penubuhan KKIP ini masih lagi terbelakang dan belum ada usaha-usaha yang baru lain daripada menyelesaikan masalah tanah yang sedang dilaksanakan setakat ini. Pada masa yang sama, tujuan Kerajaan Negeri ialah mempertingkatkan kadar pertumbuhan sektor perindustrian daripada kira-kira 7% pada saat ini kepada 14% sebelum tahun 2000 dan pada masa kini masih menghadapi banyak halangan-halangan tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya perbadanan ini, harapan kita tumpuan bukan sahaja diberi kepada

industri-industri yang sudah maju dan yang baru juga di sebelah wilayah Semenanjung tetapi ditumpukan kepada negeri-negeri yang lebih jauh daripada pusat pentadbiran negara iaitu negeri Sabah dan negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam konteks penubuhan IKS ini khususnya bagi negeri-negeri di sebelah timur, harus tidak boleh lari bahawa yang ditumpukan adalah kepada 'comparative advantage', dengan izin, kekuatan ekonomi bagi negeri-negeri tertentu dan di sana tidak boleh lari daripada memperkembangkan ke tahap yang lebih tinggi lagi, industri pemerosesan kayu-kayan supaya sesuai dengan kekuatan ataupun 'comparative advantage' negeri-negeri tersebut. Tetapi setakat ini dalam bidang ini pun, lain daripada menebang balak dan lain daripada memprosesnya kepada kira-kira enam produk-produk yang dipanggil di peringkat sederhana sahaja dan bukan 'totally processed product', dengan izin, masih lagi terkebelakang untuk memperkembangkan sektor ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat kira-kira 3 tahun yang lalu, Menteri Perusahaan Utama pada masa itu telah memberi kenyataan bahawa negeri Sabah dan Sarawak akan menjadi satu koridor untuk pemerosesan produk kayu-kayan tetapi setakat ini tidak ada juga yang telah dilakukan di dalam perkara ini. Maka dari segi industri kayu-kayan, belum ada perubahan yang besar daripada mengeksportkan 'square logs' kalau tidak boleh eksport 'round logs', dia eksport 'square logs' asal sahaja kena potong empat persegi, dan sedikit plywood dan blockboard tetapi 'downstream', dengan izin, produk belum lagi kelihatan khususnya dari segi produk-produk yang mempunyai nilai tambah yang besar.

Maka, Tuan Yang di-Pertua, harapan kita dalam semua perkara ini ialah ada peningkatan lewat penubuhan perbadanan IKS ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu, saya percaya bukan sahaja perbadanan ini akan membantu dari pengurusan industri ini dan mengeluarkan dasar-dasar, program dan strategi yang akan membantu supaya sektor ini tidak akan menjadi sektor yang stagnant tetapi dinamis. Kita juga harap, walaupun bukan tujuan kerajaan dan harapan kita supaya industri ini tidak menjadi dependent kepada fungsi dan tugas kerajaan. Adalah juga harapan kita khususnya dalam negeri-negeri yang masih kebelakangan dalam sektor ini iaitu negeri Sarawak, Sabah, Kelantan dan negeri-negeri lain yang jauh dari pusat pentadbiran negara supaya diberi bantuan khusus dari segi menggalakkan new market entrants, dengan izin, bagi sektor ini. Dan ini dari segi bantuan, bukan sahaja dari segi menggalakkan mereka dari segi pengecualian dari cukai-cukai yang tertentu tetapi juga dari segi pemberian maklumat, pemberian latihan dan juga untuk lawatan-lawatan, barangkali lawatan-lawatan yang berasaskan kepada kajian dan latihan.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir itu sahaja sumbangan saya dalam perkara ini. Harapan kita semua supaya sektor ini akan terus bertumbuh dengan lebih dinamis dan menyumbangkan kepada pertumbuhan yang lebih pesat.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Batang Lupar.

6.07 ptg.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, dia orang kata baju kot

saya terang, itu sebab dapat. (*Ketawa*)  
Pergi ke Londonlah!

(*Seorang ahli: Wah, kolonial*).

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:**  
Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kerana telah memberi peluang kepada saya untuk membincang sedikit sebanyak berhubung dengan Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana 1995. Cadangan saya tadi ialah bercakap sedikit sahaja sejam ataupun dua tetapi oleh kerana jam hampir 6.30 petang, saya bercadang akan berakhir pada masa yang ditetapkan.

Yang Berhormat dari Seremban mengatakan biarlah IKS ini menjadi satu 'engine of growth' pada industri di negara kita, saya memang bersetuju dengan capak beliau. Bahkan saya menambah sedikit biarlah pembangunan IKS ini menjadi satu nukleus pembangunan perindustrian dan penglibatan terutamanya bangsa bumiputera yang belum lagi mencebur diri dalam soal perindustrian, pekilangan dan aktiviti-aktiviti berkaitan dengannya kerana kita tidak dapat menafikan industri besar mungkin terlambat sedikit untuk kita menceburkan diri oleh kerana masalah kewangan yang begitu besar diperlukan.

Jadi, undang-undang ini bukan tepat pada masanya dan saya juga bersetuju yang undang-undang ini adalah terlambat sedikit. Sepatutnya undang-undang ini sudah lama di bawa ke sini. Sebelum saya sampai ke sini, sepatutnya undang-undang sudah sampai dahulu daripada saya. Tetapi Alhamdulillah kerana saya diberi peluang, ditakdirkan undang-undang ini datang selepas saya dan saya bagi pihak semua mengalu-alukan undang-undang ini kerana kita menubuhkan badan yang hendak mengawalselia sedikit sebanyak pembangunan IKS di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan IKS boleh dibuat satu industri sokongan kepada industri-industri besar. Oleh kerana industri besar, walaupun penglibatan ekuiti kita ada, tetapi daripada segi expertise atau pengurusannya adalah sedikit. Ini kita mesti menerima hakikat. Oleh kerana kalau kita pandang industri-industri elektronik, industri-industri kereta, industri-industri pembinaan-pembinaan kayu-kayan, walaupun negara kita adalah negara yang mengeluarkan banyak kayu, tetapi hanya dalam masa 4 tahun ini baru kita mengeluarkan down stream production, dengan izin, daripada kayu.

Pada tahun 1992 dahulu saya pernah menyebut bahawa pada tahun 1990, pihak Taiwan mengeluarkan RM640 juta ke Amerika Syarikat sahaja. Pada ketika itu kita mengeluarkan tak sampai pun RM100 juta pengeluaran bahan end product kayu. Kita hanya leka mengeluarkan kayu balak oleh kerana mendapat wang dengan cepat, tetapi oleh kerana tekanan daripada luar, kita terpaksa mengurangkan pengeluaran balak kita, terutama sekali negeri saya, negeri Sarawak daripada 18 juta cubic tan kepada 9.2 juta cubic tan tahun ini.

Dengan sendirinya kita terpaksa meningkatkan—orang Sibu tambah juta tan sebab saya tak buat balak. Jadi, kita terpaksa meningkatkan lagi pengeluaran hiliran kita berhubung dengan kayu. Jadi ini soalan kayu, tetapi banyak lagi soalan IKS yang perlu kita bimbing, yang perlu kita perhatikan dan yang perlu kita beri perhatian. Dengan itu, cadangan dalam undang-undang ini untuk menubuhkan satu badan adalah kena pada masanya walaupun sedikit terlambat. It is better late than never, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, masalah penglibatan, terutama sekali masyarakat bumiputera dalam industri perkilangan. Masalah pertama ialah kewangan. Rata-rata, kawan-kawan di Dewan ini telah menyebutkan masalah kewangan ini adalah masalah pertama. Kalau tidak ada wang pun tak nampak—tidak bermulalah IKS kita kepada siapa walaupun tenaganya ada, aspirasinya ada, imajinasinya ada, inovasinya ada, tetapi kalau tak ada wang, tak dapat direalisasikan impian hendak menjadi usahawan di dalam bidang IKS ini.

Jadi saya berharap badan ini nanti boleh melihat dan mengenalpasti pihak-pihak yang tertentu yang ingin terlibat dalam IKS ini supaya capital awalnya disediakan. Janganlah kalau hendak pergi ke bank hendak memulakan satu industri, bank tanya “mana tanah cagarannya?” Kalau saya ada RM1 juta, saya beli saham ASN dan ASB pun dah cukup! Saya boleh hidup dengan senang-lenang, tak payah fikir pun mana saya hendak pergi marketing, mana pentdbiran saya! Tetapi, kita hendak terlibat, hendak cari wang, kerana wang tak ada. Tolonglah, inilah gunanya pihak perbankan. Tetapi bank hendak tanya “mana cagar dan mana jaminan”, Ini perkara yang besar. Yang kecil, saya pernah sebutkan juga di Dewan ini. Bila hendak pinjam wang—ini peniaga kecil yang saya sebut. Bila hendak pinjam wang—ini wang yang keluar daripada kerajaan yang dijamin oleh pihak kerajaan, tetapi dia hendak juga jaminan. Sekurang-kurangnya mesti ada dua penjamin di mana gaji seorang penjamin mesti RM1,000. Maknanya dua orang penjamin, kedua-dua orang kena bergaji RM2,000, baru si polan ini boleh meminjam sebanyak RM5,000 daripada pihak bank. Kalau tidak, tak boleh.

Jadi, kalau orang pinjam RM5,000, kemudahannya kalau dia ada sanak-saudara atau anak saudaranya sendiri

bergaji RM1,000, isterinya bergaji RM1,000; apa hendak pinjam RM5,000 di bank? Dia buat“hoi” sudah cukup! Ataupun kurangkan makanan—tighten your belt! (*Disampuk*) (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, saya cakap serius, kawan-kawan ketawakan saya, sedih rasa hati! (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Tapi saya nampak Yang Berhormat senyum sahaja!

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Pertama Tuan Yang di-Pertua, tak ada dalam kamus kita bahasa “hoi”, (*Ketawa*) jadi, kita kawan-kawan hendak tahu. Tak apalah yang itu satu. Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa masalah untuk kita mendapat pinjaman bank. Memang betul dan pihak bank pun mengatakan, ini bukan duit mereka, tetapi duit pelabur. Jadi kita kena pastikan bank mendatangkan keuntungan. Jadi mereka pun dalam keadaan dilema.

Kita boleh mencadangkan—barangkali kita mencadangkan kepada kerajaan dan kepada badan ini untuk menyokong pinjaman syarikat IKS ini dari segi market yang telah mereka ada ini. Jadi bermakna, kalau syarikat ini telah mempunyai satu perjanjian pembekalan kepada industri yang besar itu, bermakna pihak bank akan memberi pinjaman yang secukupnya supaya apa barang yang dikeluarkan oleh syarikat ini kepada syarikat induk itu akan tetap dibayar oleh syarikat induk. Kalau bank tak percaya, bayar melalui bank pun boleh!

Jadi, inilah saya berpandangan Yang Berhormat bersetujulah pandangan saya ini?

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kawan saya dari Yan. Dahulu dari Jerai, saya biasa panggil dia Jerai,

sekarang Yan. Saya setuju tetapi apa yang disebutkan Yang Berhormat tadi ataupun dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi.

Yang kedua, soalnya, apa itu "hoi". "Hoi" ini sebenarnya percakapan orang Batang Lupa Yang Berhormat, kerana belum lagi dikamuskan dan kita buat saranan. Jadi, haraplah "hoi" ini nanti boleh dimasukkan ke dalam kamus Dewan Bahasa dan Pustaka. Kalau saya hendak buat "hoi", kawan-kawan di sini beri duit kepada saya, gaji satu bulan. Jadi bulan ini saya terimalah semua. "Hoi"lah itu. saya terimalah duit itu. Jadi saya buat "hoi" ini, saya tak payah bayar balik tetapi secara giliran. Ini "hoi". Saya seorang sahalah.

Syarikat ini amatlah penting bagi mereka yang ada latihan, ada kemahiran, tetapi tidak mempunyai sumber kewangan untuk memulakan business ataupun usahawan mereka. Jadi saya berharap badan ini nanti boleh melihat dan mengenalpasti mereka yang ada daya saing, daya kemajuan, daya usaha, kemahuan, misi dan visi mestilah diberi sokongan dan diberi peruntukan.

Begitu juga modal pusingan. Saya banyak bercakap soalan ini bukan di dalam Dewan, tetapi di luar Dewan. Bulan lepas di Kuching diadakan CGC kalau tak salah saya, satu seminar di Kuching. Saya tak dapat pergi oleh kerana ada satu mesyuarat yang penting, saya hantar seorang peguam daripada pejabat saya, "you hadir ini, brief saya bila habis". Saya hendak tahu apa masalah dan macam mana sumber kewangan ini boleh dikeluarkan oleh pihak bank sebagaimana yang diperuntukkan oleh kemudahan yang diberi di bawah CGC ini.

Jadi, banyak masalah juga berbangkit. Ada jugalah yang boleh diberi tanpa cagaran dan tanpa jaminan, tetapi kebolehan mesti ditunjukkan dahulu. Ini tidak memenuhi apa yang saya sebutkan. Orang hendak mula—apa yang dia ada, tenaga dan impiannya.

Jadi, modal pusingan dan credit line juga mesti disediakan. Pihak bank janganlah macam kawan sebut tadi, Yang Berhormat-Berhormat sebut tadi, bila panas payung indah, payung royalty pun ada kena bagi. Kita pandang pun sedap. Tetapi the moment drizzling comes, pihak bank sudah berkerumun hendak ambil balik payung. Jadi, ini sangatlah menyedihkan. Saya memang pernah terlibat untuk menyelamatkan beberapa syarikat daripada liquidation attempt ataupun tindakan-tindakan pihak bank supaya syarikat-syarikat yang sudah jatuh itu digayang terus. Jadi, saya berharap pihak badan ini melihat jangan diambil sewenang-wenangnya kerana tidak ada syarikat yang sudah di ambil alih (liquidated) oleh pihak bank itu boleh mendatangkan apa penghasilan kepada sesiapa pun. Habis-habis pun bank recover. Kalau tidak dia kata oleh kerana interest incident, dia tidak recover in full whatever being invested pada bank, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, daripada segi kewangan sudah saya sebutkan. Saya ingin juga sebut soalan pengurusan. Pengurusan ini kadang-kadang banyak orang mengatakan kalau keluar daripada universiti, dapat Master Degree, dapat ilmu kedoktoran dalam satu-satu bidang sudah dianggapkan mengetahui cara mengurus mana-mana syarikat dalam mana-mana usaha yang hendak diceburi. Tetapi the reality of business,

Tuan Yang di-Pertua, banyak perbezaannya. Banyak selok-belok yang mungkin tidak dipelajari ataupun diajar di universiti. Saya bukanlah Tan Sri Tajuddin Ramli, belum lagi. tetapi harapan semua orang kita kalau boleh buat macam itu. Kalau orang yang tidak buat macam itu, tidak payah cakap. Duduk di rumah, sembahyang pergi masjid sahaja. Orang itu dikatakan orang yang tidak lagi melihat dunia. Itupun agama Islam tidak menerima hakikat ini. Semua impian hendak jadi macam Tan Sri Tajuddin Ramli, hendak jadi macam-macam lagi usahawan yang telah maju. Itu tidak sebut Yang Berhormat dari Merbok. Banyak lagi usahawan yang telah maju. Tetapi pengurusan daily running of the company, dengan izin, adalah sangat-sangat berbeza sekali. Yang banyak saudara-mara kita daripada kaum Tionghua mempelajari daripada buaian lagi.

Seorang tauke yang jual barang makanan yang saya ambil tiap-tiap bulan, Tuan Yang di-Pertua, anaknya dalam buaian dia letakkan di dalam kedai. Tidak pandai sekolah tidak boleh jadi manager, tidak boleh jadi peguam, tidak boleh jadi pengurus syarikat besar. Kata dia sekurang-kurangnya akan urus retail shop bapanya. Tetapi dia kena belajar dari buaian sampai dia besar nanti, dia lihat perkara ini sahaja. Tetapi saya sudah lihat dua generation kedai itu. Dari bapanya dulu sekarang turun kepada anaknya. Sekarang kepada cucunya sudah ada kita nampak siapa yang will take over. Pelajaran itu telah dipelajari daripada dulu lagi.

Tetapi kepada masyarakat bumiputera, kita duduk di kampung, di rumah berlainan. Tempat perusahaan bapanya di tempat lain. Anak saya dibawa ke pejabat, suruh jadi peguam, saya invest beli buku banyak-banyak; dia ambil kursus lain di universiti. Saya

hendak bantah, dia kata, "Tolong beri peluang saya hendak pilih apa yang saya hendak buat pada masa depan". Saya beri kebebasan. Jadi ini masalah masyarakat bumiputera yang tidak terlibat dari awal lagi persoalan perdagangan.

Jadi, dalam keadaan yang demikian, pengurusan adalah penting diberi. Pengurusan dari segi kewangannya, pentadbiran kewangannya, pentadbiran pengeluarannya, marketingnya. Marketing adalah satu benda yang susah sekali hendak buat. Tuan Yang di-Pertua, perkara ini is a reality di kawasan saya. Saya dari kawasan pembalakan. Habis balak, tiga ribu orang kawasan saya diberhenti daripada bekerja dalam pembalakan. Tidak potong kayu lagi. Sekarang dia bawa chain saw pergi ke hutan dia potong kayu. Ada yang kena tangkap sebab tidak ada lesen. IKS juga ini. Dia bawa gergaji, dia potong, buat papan, dia hantar ke Kuching—dia jual. Yang boleh mereka buat ialah jadi papan sahaja. Tetapi yang hendak buat perabot, hendak buat orang sana kata "tar". Di sini apa yang kecil-kecil itu? Kompang. Di sana kita panggil hadrah ataupun tar sahaja. Sekarang kita sudah ada kompang jugalah. Dia hendak jual kompang kepada saya. Saya kata, "Macam mana saya hendak buat marketing kompang untuk you". "I tidak boleh buat. I tidak berkemampuan hendak buat. Tidak semua orang beli kompang".

Jadi, dalam keadaan yang demikian, masalah boleh membuat barang-barang ini. Saya pergi ke kilangnya, budak itu boleh membuat perabot yang begitu cantik, yang indah walaupun mutunya mungkin tidak sampai ke peringkat international. Saya hendak introduce dia dengan satu syarikat, hendak buat satu vendor scheme di Sarawak. Syarikat itu dinamakan Oriental Wealth. Dia hendak buat. Katanya, "Macam mana hendak buat, Yang

Berhormat?" "Initial capital requirement RM250 ribu. Lepas itu hendak pinjam bank lagi RM5 juta. Kilang disediakan. Mesin disediakan. RM1.6 juta untuk mesin. RM2 juta untuk kilang. Mana ada duit? Kalau saya ada RM250 ribu Yang Berhormat, saya akan beli saham ASB, saya akan duduk di rumah. Dapat RM8 ribu setahun." Sudah cukup untuk orang kampung.

Jadi, dalam keadaan yang demikian soalan marketing ini saya pernah sebut di sini dalam konteks orang dilatih oleh pihak Kementerian Belia dan Sukan. Diberi latihan, diberi pekerjaan, marketing tidak ada. Sampai setengah jalan juga Tuan Yang di-Pertua. Tadi, yang tidak sampai berjalan pun oleh kerana tidak ada modal. Yang ada modal, telah buat oleh kerana marketing tidak ada, dia hampir setengah jalan. Kalau berhutang bank, dia akan bankrap. Pihak bank rugi, pengusaha ini rugi, orang itu hilang segala cara pencariannya dan tidak mahu lagi terlibat. Kalau orang kampung tidak ada apa-apa, dia balikkah jadi bankrap, jadi petani semula. Jadi petani bankrap.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itu kedua. Yang ketiga ialah latihan. Syarikat yang saya sebutkan tadi akan menubuhkan sebuah akademi perabot. Ini adalah salah satu yang pertama sekali dibuat di Sarawak. Saya menyokong dan saya memuji syarikat ini. Ia hendak membuatkan satu akademi untuk melatih orang macam mana hendak buat perabot yang berkualiti, perabot yang boleh dijual ke luar negeri, yang ada mempunyai satu international quality standard. Ia akan ajar semua orang yang terlibat dalam vendor scheme itu nanti dan dalam keadaan yang sama saya menyarankan

agar tiap-tiap syarikat dalam negara kita ini yang melibatkan ada vendor scheme ataupun macam konsep payung, mengadakan akedemi sendiri untuk melatih orang-orang kita untuk belajar. Supaya mereka ini nanti jangan the parent company gulung tikar, dia pun gulung tikar juga. Agar orang ini yang terlatih sebagai vendor ini boleh menjalankan usaha mereka sendiri, membuat kualiti yang begitu baik juga dan ada marketing line dia sendiri sama ada di local ataupun di pihak antarabangsa. Dengan keadaan yang demikian, janganlah kalau parent company tutup, anak buah yang jadi vendor itupun semua akan tutup juga. Jadi, kita hendak jaminkan anak-anak kita dan supaya orang yang menjalankan vendor ini memang betul-betul mempunyai kemahiran, kemampuan, daya saing dan kualiti yang boleh diterima untuk dieksport di kalangan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan bimbingan yang berterusan mestilah dibuat. Saya berharap badan ini nanti bukan sahaja untuk menjadi sumber kewangan tetapi mesti memberi bimbingan yang berterusan. Kadangkalanya pertukaran orang dalam syarikat, pertukaran pengurusan mungkin di antara partners ataupun shareholders dalam syarikat itu tidak terurus, jadi mungkin orang baru masuk. Kalau pengurusannya tidak berterusan, berkesinambungan, mutu kerja berlainan; dengan sendirinya usaha itu akan hilang juga.

Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara yang penting.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, ucapan Yang Berhormat panjang lagikah.



**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Masa sudah suntuk, Yang Berhormat. Sekiranya Yang Berhormat.....

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya sambung sedikit esok.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya. Boleh sambung esok.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih.

## USUL

### PENANGGUHAN MESYUARAT

6.30 ptg.

**Menteri Sumber Manusia (Dato' Lim Ah Lek):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

### UCAPAN PENANGGUHAN

Krisis Kekurangan Simen

6.31 ptg.

**Tuan Liew Ah Kim (Seputeh):** Tuan Yang di-Pertua, kekurangan simen pernah berlaku dalam tahun 1992 dan permintaan terhadap bahan binaan ini dikatakan meningkat di antara 10% hingga 20% setahun. Selepas pilihan-raya 1995 masalah kekurangan simen

menjadi isu lagi. Apakah misteri di sebalik kekurangan bekalan simen ini dalam masa pembangunan negara dikatakan semakin pesat?

Simen adalah bahan utama dalam industri pembinaan. Projek-projek besar sama ada KLIA di Sepang, lebuh raya, perumahan dan bangunan-bangunan tinggi adalah memerlukan simen. Apa akan terjadi kepada projek-projek berkenaan sekiranya kekurangan simen berterusan untuk tempoh beberapa bulan lagi? Bagaimanakah kalau projek-projek berkenaan tergendala atau terbengkalai terus? Rakyat yang berharapan perumahan harga murah yang dijanjikan oleh kerajaan perlu diberi jaminan bahawa harga rumah kos rendah tidak akan dinaikkan sekiranya harga simen mahal berikutan kekurangan simen sekarang. Apakah kekurangan simen sekarang sebagai satu helah untuk menaikkan harga simen? Apakah jaminan Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna di Pulau Pinang pada 5hb Ogos 1995 bahawa harga simen terkawal pada harga RM9.30 bagi satu kampil boleh menjamin harga simen tidak akan naik dalam tempoh beberapa bulan lagi? Sejauh manakah berkesannya Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan 1974 dalam menangani krisis simen ini?

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sudah bersetuju memberi kebenaran import kepada swasta bagi mengatasi kekurangan simen yang mempunyai permintaan di dalam negeri melebihi 200,000 hingga 300,000 tan metrik pada masa ini. Setakat ini 15,000 tan metrik simen sudahpun tiba di Pelabuhan Johor dan diimport dari China dan dijangka 18,000 tan metrik akan tiba dalam tempoh sebulan lagi. Sekiranya



kerajaan benar-benar prihatin dengan krisis simen sekarang, kenapa tidak dibenarkan import secara bebas setelah menyedari negara memerlukan permintaan ke atas simen meningkat di antara 10% hingga 20% setahun. Oleh itu, kerajaan perlu memberikan penjelasan:-

- (1) Apakah kekurangan simen 200,000 hingga 300,000 tan metrik simen sekarang tidak akan meningkat lagi, kalau dalam tempoh dua bulan hanya 33,000 tan metrik simen sahaja yang diimport. Kalau terus meningkat, tentulah krisis kekurangan simen ini berterusan dengan tidak ada titik kesudahan kerana simen yang diimport tidak mencukupi bagi mengatasi permintaan.
- (2) Berapakah syarikat swasta yang diberi kebenaran import simen dari negeri China? Apakah tidak berlaku monopoli dalam memberi kebenaran import ini?
- (3) Kenapa import simen ini tidak dibuat dari lain-lain negara pengeluar simen sama ada Thailand, Indonesia dan Taiwan bagi mengatasi krisis kekurangan simen yang serius sekarang?

Krisis kekurangan simen memang menjejaskan projek-projek membina sekolah, bangunan, pejabat kerajaan, hospital dan jalan raya yang dilaporkan berlaku di Pantai Timur Semenanjung, Lembah Kelang, Johor dan Sarawak. Apakah jaminan kerajaan kepada kontraktor-kontraktor dan pemaju-pemaju terbabit bagi mengatasi kerugian yang mereka alami sekiranya jadual projek mereka tergendala untuk disiapkan?

Tuan Yang di-Pertua, apakah peraturan mewujudkan penyata akaun jualan simen yang diwartakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada

8hb Ogos 1995 dan menghapuskan duti terhadap kertas pembungkus simen sudah memberi kesan kepada krisis kekurangan simen itu? Apakah insentif yang dicadangkan oleh kementerian ini bersama-sama Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk membantu pengeluar-pengeluar simen tempatan menambah pengeluaran?

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sudah pun membuat keputusan dalam pertemuan dengan Persatuan Simen dan Konkrit Malaysia (C&CA) dan Persatuan Pemaju Perumahan (HDA) bagi menangani krisis kekurangan simen ini tidak lama dahulu. Kenapa kerajaan tidak mempunyai persediaan menghadapi krisis kekurangan simen ini kerana ianya pernah berlaku dalam tahun 1992 setelah menyedari permintaan simen meningkat di antara 10% hingga 20% setahun sejak tahun 1992? Mengapa langkah-langkah awal tidak diambil?

Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan juga akan.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Tuan Liew Ah Kim:** Setengah minit.... akan menimbang untuk memberi kebenaran import simen secara bebas. Import bebas sahaja boleh memberi pengajaran kepada pihak yang melakukan sorok dan monopoli hingga menyebabkan berlakunya krisis kekurangan simen ini. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kementerian diminta menjawab.

6.39 ptg.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' S. Subramaniam):** Tuan Yang di-Pertua, masalah

kekurangan simen telah banyak dibahaskan dalam Dewan yang mulia ini dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah pun memberikan penjelasan dari masa ke semasa di dalam mahupun di luar Dewan yang mulia ini.

Walau bagaimanapun, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menjelaskan dengan lebih lanjut beberapa persoalan yang masih tidak jelas dan dipersoalkan oleh beberapa pihak. Seperti yang telah dimaklumkan di Dewan ini punca utama kekurangan simen adalah disebabkan berlakunya pertambahan permintaan ke atas simen akibat pertumbuhan pesat ekonomi negara terutama sektor pembinaan. Pertambahan permintaan ini tidak dapat ditampung sepenuhnya kerana kapasiti kilang tempatan masih rendah. Kementerian menganggarkan bahawa kadar permintaan simen bagi tahun 1995 di Semenanjung Malaysia meningkat sebanyak 14% kepada 10.1 juta tan, daripada 8.9 juta tan dalam tahun 1994 berbanding dengan jumlah pengeluaran maksimum sebanyak 9.96 juta tan. Ini bermakna terdapat kekurangan bekalan simen sebanyak 220,000 tan dalam tahun 1995.

Bagi Sabah dan Sarawak bekalan simen dijangka tidak ada masalah dan pengeluaran yang sedia ada mencukupi untuk menampung keperluan di kedua-dua buah negeri, jika bekalan klinker dari sumber import terus diperolehi seperti di masa-masa lalu. Kementerian menganggarkan masalah kekurangan bekalan simen akan terus berlaku hingga dua tahun akan datang jika kadar permintaan terus kekal 14% setahun atau lebih. Ini disebabkan program pembesaran kilang atau pembinaan kilang baru tidak dapat dilaksanakan dengan segera dan memakan masa selama 2 1/2 hingga 3 tahun untuk memulakan pengeluaran.

Kementerian yakin bahawa dengan insentif elaun cukai pelaburan yang diberikan kepada semua pengeluar simen sama ada yang baru atau yang lama seperti yang diluluskan oleh kerajaan baru-baru ini, serta kenaikan harga 10% mulai 14hb Ogos, 1995 pengeluar-pengeluar sedia ada akan memulakan projek pembesaran kilang, di samping menarik pelabur-pelabur baru untuk membuka kilang-kilang simen kerana pulangan yang lebih baik ke atas pelaburan mereka.

Sehingga kini Kedah Simen Sdn. Bhd. telah pun melaksanakan projek kilang baru dengan keupayaan 1.8 juta tan setahun dan akan memulakan pengeluaran pada bulan Oktober tahun ini. Pahang Simen Sdn. Bhd. dan Negeri Sembilan Simen Industri Sdn. Bhd. juga telah menyatakan komitmen untuk memulakan projek kilang baru di Pahang dan di Negeri Sembilan selewat-lewatnya awal tahun 1996, dan dijangka memulakan pengeluaran pada tahun 1998. Di samping itu, kementerian yakin kenaikan harga simen ini juga akan memberi galakan kepada peniaga-peniaga untuk mengimport dan menambah bekalan simen kerana pada masa ini tiada sekatan dan tarif yang dikenakan.

Suka saya menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa tidak ada monopoli dalam import. Import adalah diberikan secara bebas melainkan di Sabah dan Sarawak, tetapi di Semenanjung sesiapa yang ingin mengimport simen, kalau simen itu berkualiti yang ditetapkan oleh kementerian, mereka boleh import juga, tidak ada kaitan dengan negeri di mana simen diimport. Pengimport-pengimport boleh mengimport simen yang setaraf, yang ditetapkan oleh kementerian dari mana-mana negara selain daripada negeri China.

Menyentuh tentang kenaikan harga simen 10%, seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, saya ingin menjelaskan bahawa harga simen yang dikawal sebelum ini telah ditetapkan semenjak Mac 1981. Ini bermakna harga simen telah tidak dibenar dijual melebihi harga kawalan kerajaan selama 14 tahun. Harga baru simen ini masih merupakan harga yang rendah jika dibandingkan dengan kebanyakan negara-negara di Asia ataupun di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian sedar bahawa kekurangan bekalan simen telah menyebabkan projek-projek pembinaan terjejas dan banyak projek kecil dan besar telah tergendala. Kementerian juga mendapati dalam keadaan terdapatnya kekurangan sesuatu bahan binaan ada pihak yang mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan yang berlebihan. Untuk ini kementerian telah menjalankan pemeriksaan melalui Operasi Ops Konkrit bermula pada 24 Julai, 1995 dan mendapati ada peniaga yang tidak bertanggungjawab dengan melakukan beberapa penyelewengan seperti memalsukan maklumat pengedaran simen, menyimpan stok berlebihan, meningkatkan harga jualan dan mengenakan syarat-syarat jualan yang tidak sah. Jumlah tindakan yang sedang diambil oleh kementerian ialah 14 kes, setelah memeriksa lebih 1,500 premis termasuk kilang, depot, tapak projek dan peruncit. Langkah pemeriksaan ini akan terus dijalankan dari semasa ke semasa.

Bagi menentukan pembahagian simen ke semua negeri lebih adil dan untuk mengatasi sebarang penyelewengan, semua transaksi simen di semua peringkat pengedaran diperlukan membuat pernyataan jualan

(statement of sales) berkuatkuasa daripada 12hb Ogos 1995. Maka Tuan Yang di-Pertua, ini adalah langkah-langkah yang telah pun diambil oleh kementerian bagi mengatasi masalah kekurangan simen yang terdapat dalam negara kita dan kementerian akan terus mengawasi kedudukan bekalan dan harga simen, dan jika perlu akan mengkaji langkah-langkah lain yang boleh dilaksanakan untuk meningkatkan bekalan dan menggalakkan pertumbuhan industri simen negara.

Sekian, terima kasih.

**Cadangan Jejambat Untuk  
Mengatasi Kesyakan Lalu Lintas  
Bandar Bukit Mertajam**

6.47 ptg.

**Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam):** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menarik perhatian Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan terhadap satu masalah yang rumit, yang dihadapi oleh orang ramai di bandar Bukit Mertajam, yang disebabkan oleh dua pintu lintasan keretapi yang ada.

Bilangan kenderaan telah bertambah beberapa kali ganda sejak 20 tahun yang lalu, tetapi jalan-jalan di bandar ini masih tidak banyak berubah, dan bilang kali kekerapan pintu keretapi itu ditutup setiap haripun semakin bertambah, kerana KTM menambahkan perkhidmatan tren-tren. Jadi, masalah ini sudah menjadi punca pening kepala untuk semua pengguna-pengguna jalan, pihak polis dan juga pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai. Oleh kerana ada sebuah pintu lintasan keretapi di persimpangan jalan Sungai Rambai dan Jalan Seri Bukit yang ditutup sebanyak lebih daripada

78 kali sehari, masalah kesesakan lalu lintas telah dialami oleh orang ramai di bandar ini, terutama sekali pada masa-masa murid-murid sekolah pergi ke sekolah dan pekerja-pekerja pejabat hendak pergi kerja. Dan di sebelah petang apabila mereka cuba pulang bayangkan kesesakan jalan itu apabila pintu lintasan keretapi ditutup dan semua pemandu itu marah. Masalah ini menjadi lebih teruk lagi kerana jalan-jalan di bandar ini tidak cukup lebar untuk menampung bilangan kenderaan yang melalui bandar ini. Bilangan taman perumahan yang dibina di sekitar bandar ini seperti pertumbuhan cendawan serta pembangunan kawasan-kawasan perindustrian Perai dan Mak Mandin di sekitar bandar ini. Pintu lintasan keretapi ini mesti digantikan dengan satu sistem jejambat yang membolehkan kenderaan berjalan dan mengelakkan sebarang gangguan daripada lalu lintas tren-tren, tidak melibatkan banyak pengambilan tanah swasta supaya boleh mengurangkan wang pampasan yang perlu dan juga dapat memberikan accessibility, dengan izin yang sesuai kepada pengguna-pengguna jalan.

Saya ingin mencadangkan bahawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan kerjasama JKR dan KTM menjalankan satu projek untuk merancang dan membina satu sistem jejambat dari persimpangan Jalan Mutu Pallaniappan dan Jalan Armugam Pillai melalui kawasan Jalan Pegawai dan Pejabat Daerah Seberang Perai Tengah yang lama itu ke Jalan Seri Bukit di kaki Bukit Kecil di mana jalan naik bukit ke kediaman pegawai daerah bermula. Penggunaan tanah yang sekarang diduduki oleh bangunan rumah-rumah kerajaan (quarters), dengan izin, bengkel Tenaga Nasional Berhad, pejabat daerah lama dan Mahkamah Magistret yang lama akan membabitkan kos pampasan yang minimum. Pembinaan jejambat ini pun tidak banyak melibatkan perobohan bangunan-bangunan swasta.

Saya berharap Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan boleh membuat tinjauan tapak pembinaan jejambat ini. Membuat anggaran kos pembinaan yang diperlukan bagi peruntukan wang yang dikehendaki untuk pembinaan jejambat itu. Dengan lengkapnya sistem jejambat itu, pintu lintasan keretapi tersebut di atas boleh ditutup dan aliran lalu lintas boleh dilicinkan.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan di kawasan Sungai Rambai, Padang Lalang, Kebun Sireh, Bandar Peruda di sebelah Jalan Permatang Rawa, bandar Bukit Mertajam sangat pesat kebelakangan ini, dengan pusat pentadbiran kerajaan ditempatkan di kawasan Sungai Rambai dan juga banyak pusat membeli-belah didirikan di kawasan ini. Oleh kerana itu, tentunya Jalan Padang Lalang akan menghadapi satu masalah yang sama seperti apa yang saya katakan tadi iaitu kesesakan lalulintas.

Kita dapati ada sebuah lagi pintu lintasan keretapi di hujung Jalan Padang Lalang yang dekat dengan Jalan Permatang Rawa. Saya ingin mencadangkan supaya satu lagi sistem jejambat yang kedua yang menyambungkan persimpangan Jalan Kebun Sireh dan Jalan Padang Lalang ke Jalan Permatang Rawa di sebelah Bandar Peruda yang sedang mula dibangunkan sekarang ini. Selepas siapnya sistem jejambat kedua ini, pintu lintasan keretapi di hujung Jalan Padang Lalang boleh ditutup dan lalu lintas dari kawasan Sungai Rambai dan Padang Lalang ke Simpang Ampat, Perai dan Butterworth dapat menggunakan jejambat yang kedua itu.

Saya ingin menyeru kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya merancang serta menjalankan kajian feasibility, dengan izin, dan membina jejambat-jejambat tersebut dengan seberapa cepat yang mungkin. Banyak bangunan kompleks

membeli-belah sedang dibina di Bukit Mertajam sekarang. Saya berharap jejambat-jejambat itu dapat mengatasi masalah kesesakan lalulintas yang tentunya akan dipertingkatkan lagi oleh pusat-pusat membeli-belah yang baru.

Saya juga ingin membuat cadangan bahawa satu pendekatan praktik untuk melaksanakan projek.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Dr. Tan Chong Keng:** Ada sedikit lagi. Boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Habiskan ayat.

**Dr. Tan Chong Keng:** Biar saya habiskan, satu ayat.

Saya juga mencadangkan supaya pendekatan penswastaaan digunakan untuk melaksanakan projek ini. Kawasan dekat dengan jejambat itu boleh dibangunkan oleh pemaju-pemaju swasta itu dengan syarat bahawa pemaju itu juga membina jejambat itu. Jadi, untuk mengurangkan beban ke atas kerajaan, kita boleh mendapatkan satu sistem jejambat yang boleh mengatasi masalah lalulintas di sana. Dengan itu, sekian sahaja, terima kasih.

6.53 ptg.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu ingin saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam di atas keprihatinan beliau membangkitkan masalah yang dihadapi

oleh pengundi-pengundi beliau di kawasan Bukit Mertajam.

Sukacita saya maklumkan bahawa Majlis Perbandaran Seberang Perai memang peka kepada masalah lalulintas di Bukit Mertajam. Majlis tersebut telah pun meminta Universiti Sains Malaysia membuat kajian bagaimana hendak membaiki sistem lalu lintas di Bukit Mertajam. Perakuan-perakuan kajian ini ada meliputi jalan dan simpang jalan yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Beberapa cadangan telah diperakukan termasuklah arah hala baru, pemasangan lampu isyarat dan pembinaan 'flyover'. Majlis Perbandaran Seberang Perai akan melaksanakan cadangan-cadangan ini secara beransur-ansur. Ini kerana ianya akan memakan belanja yang besar dan terpaksa diagih-agihkan.

Pandangan-pandangan yang telah Ahli Yang Berhormat sebutkan tadi akan juga dipanjangkan oleh kementerian kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai dan kementerian serta Majlis Perbandaran Seberang Perai akan sama-sama memberikan perhatian yang serius untuk mengatasi masalah yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Saya memberi pengakuan bahawa kementerian juga akan sentiasa membuka pintunya untuk berbincang dengan Ahli Yang Berhormat seandainya ada masalah-masalah ataupun perkara-perkara yang boleh diselesaikan secepat mungkin di antara kita sesama kita.

Sekali lagi, saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Dewan ini hendaklah ditangguhkan sekarang.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Dewan ini ditangguhkan hingga jam 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada jam 6.55 petang.*